

"SALAH satu aspek mewartakan kita bersabar ialah sabar dalam perkara menanti Allah seperti sabar dengan perkara-perkara halal, yakni yang halal dihalaikan dan yang haram dihalakan. Begitu juga yang makruf digalakkan, sementara yang mungkar hendaklah dipegah dan dilarang." - Titah sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1423 pada 29 Zulhijjah 1422/14 Mac 2002.

Delita قليت بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARI Jarir bin Abdullah berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Allah tidak akan mengasihi sesiapa yang tidak mengasihi hamba-Nya yang lain." - Maksud hadis Rasulullah riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

TAHUN 50 BILANGAN 42

RABU 19 OKTOBER 2005/1426

رابع 15 رمضان

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



SMS Brunei Prihatin Untuk Anak Yatim dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Oktober. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad mengemukakan orang ramai di negara ini supaya menanamkan sikap pemuduan terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim.

Yang Berhormat berkata, dalam konteks negara ini, kita bersyukur kerana mempunyai masyarakat yang sangat prihatin dan sentiasa bermurah hati

dalam menghulurkan derma kepada golongan masyarakat seumpama ini.

"Ini satu petanda pertumbuhan sihat sikap pemuduan sesama insan yang hidup sandar-menyandar seperti aur dengan tebing, hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah," jelasnya.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad semasa melancarkan kutipan derma berkenaan (kiri). - Gambar oleh Masri Osman.

Yang Berhormat menjelaskan, kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap kebajikan

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

anak-anak yatim di negara ini dengan menyediakan pelbagai bantuan yang berterusan, seperti elaun sara hidup, elaun pelajaran dan alat-alat persekolahan melalui tabung-tabung kebajikan.

Semua usaha itu bagi memastikan kebajikan anak-anak yatim terjamin agar mereka menjadi warganegara yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Yang Berhormat berucap pada Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Untuk Anak-anak Yatim Kebangsaan (BPUAY) di Dewan Citra Budaya di sini.

Menurut Yang Berhormat, usaha itu akan lebih bermakna dan berkesan dengan penglibatan dan tindakan bersepadu yang berterusan dari semua peringkat masyarakat.

Di negara ini kali pertama kutipan derma melalui SMS digunakan ialah bagi mengisi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami yang mendapat sambutan

menggalakkan daripada orang ramai.

SMS BPUAY bertujuan bagi menambah kewangan Tabung Anak-anak Yatim Kebangsaan sambil memberi peluang orang ramai menderma dengan mudah melalui SMS dengan kadar \$1.00, \$5.00, \$10.00 dan \$20.00 dengan menaip yatin 1, 5, 10, 15 atau 20 dan hantar ke 8885555 dan nantikan balasan maklumannya daripada pihak DST.

Derma dengan menggunakan SMS ini diselenggarakan bersama di antara DST, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Program yang bermula hari ini akan berjalan selama 42 hari hingga 20 November nanti. Setiap derma akan dipotong melalui kredit prima atau easi para pelanggan DST dan 100 peratus akan diserahkan kepada tabung berkenaan.

SEKTOR PERBANKAN PERLU PRIHATIN TERHADAP SME

MANGGIS, Selasa, 11 Oktober. - Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman menyeru kepada sektor perbankan agar memberi keprihatinan yang tulus terhadap pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang berjumlah kira-kira 90 peratus daripada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha di negara ini.

Menurut Yang Berhormat, sektor perbankan boleh menggerakkan skim-skim kemudahan kewangan yang berpatutan kepada pertumbuhan, perkembangan dan kepelbagaian aktiviti ekonomi negara.

Yang Berhormat menekankan perkara itu di Majlis Pembukaan Rasmi Cawangan Bank Standard Chartered (SCB) yang berlangsung di Hua Ho Mall, Jalan Muara.

"Saya berharap sektor perbankan dapat membantu menjana pertumbuhan

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah



MENTERI Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman menyuarakan keprihatinan yang tulus terhadap pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang berjumlah kira-kira 90 peratus daripada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha di negara ini.

ekonomi di dalam pelbagai bidang supaya pergantungan ekonomi negara kepada sektor minyak dan gas akan dapat dikurangkan dan seterusnya membantu kerajaan di dalam memajukan sektor-sektor yang telah dikenal pasti untuk digerakkan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara," tambah

Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, sebagai usaha berterusan kerajaan bagi menyediakan suasana persekitaran yang kondusif dalam mendukung aspirasi negara ke arah mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi negara.

Yang Berhormat memaklumkan, Kementerian Kewangan pada bulan Mei 2005 yang lalu, telah mengeluarkan arahan dasar kepada bank-bank yang antara lain bagi penetapan kadar asas pinjaman dibuat mengikut perkiraan kos dana masing-masing.

Menurut Yang Berhormat, ini bertujuan agar setiap bank akan dapat menawarkan kadar pinjaman yang lebih kompetitif dan daya saing bagi mengurangkan bebanan kepada para peniaga, pengusaha dan orang ramai, di samping menggalakkan kos efisien di dalam operasi dan pengurusan bank masing-masing dan menyumbang kepada kelancaran kegiatan pertumbuhan ekonomi di negara ini.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai harus peka akan betapa pentingnya menyemai sikap menabung sebagai persediaan

untuk menjamin kehidupan masa hadapan yang lebih cerah terutama di masa persaraan.

Lihat muka 2

Perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I, Raja Sepanyol dan kepada Perdana Menteri Sepanyol, TYT Jose Luis Rodriguez Zapatero bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Sepanyol.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak lama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sepanyol.

Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Sepanyol akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Perdana Menteri Sepanyol, TYT Jose Luis Rodriguez Zapatero, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke-

pada TYT, kerajaan dan rakyat Sepanyol.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dan Sepanyol.

Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Baginda berharap semoga TYT akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Sepanyol, TYT Miguel Angel Moratinos.

Dalam perutusan itu, DYT mengucapkan tahniah kepada TYT, kerajaan dan rakyat Sepanyol serta salam hormat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I dan ahli kerabat baginda.

DYT berasa gembira melihat hubungan mesra antara kedua-dua buah negara terus berkembang. DYT berharap akan terus bekerjasama dengan TYT bagi mengukuhkan hubungan sedemikian secara dua hala dan melalui ASEM dan ASEAN-EU.

KASIH MEMBAWA SEJAHTERA
LALAI MEMBAWA BINASA

ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara: Tuntutan orang ramai terhadap Perkhidmatan Awam baik, telus, bermutu anggap satu cabaran positif

- Muka 2

Menjana Kesihatan: Waspada Terhadap Penyakit Selesema Burung

- Muka 8

Haluan: Tanggungjawab mengatasi kemiskinan, usaha yang berterusan

- Muka 10

Kad Ucapan Hari Raya masih relevan

- Muka 1 ANEKA

Fokus: Pusat Sumber Kerjaya 'Menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bimbingan'

- Muka 2 ANEKA

Irsyad Hukum: Persoalan Memberi Salam

- Muka 4 ANEKA

Cara-cara Mencegah Pembiakan Nyamuk Aedes

- Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

DI BAWAH Akta Kenteraan Awam, Penggal 48, perbuatan mencampur bahan-bahan yang boleh dibuat untuk dijadikan bahan-bahan letupan atau didapati membawa atau memiliki bahan-bahan letupan tanpa kebenaran adalah salah dan boleh dihukum mati. Manakala dalam Akta Senjata Api dan Bahan-bahan Letupan: Adalah menjadi kesalahan memiliki senjata termasuk bedil, meriam dan bahan letupan termasuk jenis-jenis bunga api yang diarahkan. Manakala Akta Kesalahan Kecil, Penggal 30 pula menyatakan sesiapa yang melemparkan mercun di tempat awam boleh dijatuhi hukuman denda \$250.00. - Sumber: Pasukan Polis Diraja Brunei.



19 OKTOBER 2005 BERSAMAAN 1426 رمضان 15

BGS - SEMAI SIKAP BERBELANJA DI NEGARA SENDIRI

JUALAN Besar-besaran atau Brunei Grand Sale (BGS) kini rancak diadakan di seluruh negara. Usaha murni ini adalah inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Usaha yang diungkapkan sejak beberapa tahun lalu adalah bagi menggalakkan rakyat dan penduduk negara ini untuk berbelanja di negara sendiri lebih-lebih di bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri, selain untuk menarik pelancong berbelanja ke negara ini. Maka untuk menjayakannya adalah diseru kepada orang ramai dan para peniaga untuk memberikan kerjasama yang padu.

Kejayaan BGS banyak bergantung kepada para peniaga. Dalam hubungan ini, para peniaga hendaklah jujur dan amanah dalam memberikan tawaran harga. Melabelkan harga barang yang benar-benar murah. Apa yang didapati harga melambung semasa BGS dan bukannya murah. Para peniaga perlu sedar tanggungjawab sosial mereka bukan hanya semata-mata mencari keuntungan di samping seperti kata pepatah Melayu 'meneguk di air keruh'. Dalam erti kata yang lain kita tidak mahu para peniaga mengaut keuntungan yang berlebihan sehingga menimbulkan kesengsaraan kepada pengguna.

Sedangkan misi utama BGS ini adalah bagi memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membeli barangan dengan harga yang murah dan berpatutan dan bukan sebaliknya. Hasrat murni kerajaan ini perlu difahami oleh semua pihak lebih-lebih lagi para peniaga. Suasana jual beli yang kondusif perlu diutamakan dan menjadi perkara utama dalam BGS ini. Paling tidak janganlah ada yang cuba mencacatkan dan menjejaskan kerancakan suasana jualan besar-besaran itu.

Sementara itu, orang ramai yang terdiri daripada pengguna pula perlulah bijak dalam berbelanja. Belilah yang perlu saja dan jangan membazir dengan membeli barangan yang tidak bermanfaat. Di samping itu, mereka juga perlu tampil ke hadapan dengan melaporkan kepada pihak-pihak berwajib jika mendapati sebarang penyelewengan dalam harga yang ditawarkan dengan menelefon talian 2230223. Setiap aduan mestilah dibuat bersama bukti pembelian. Maka dengan cara ini, pihak berwajib akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya kepada peniaga yang melanggar peraturan dalam syarat-syarat BGS itu.

Menurut Timbalan Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi I, Awang Haji Razali bin Haji Md. Yusof menjelaskan BGS 2005 yang berlangsung selama 52 hari bermula dari 23 September hingga 13 Oktober 2005 akan disertai oleh 342 kedai dan gedung-gedung perniagaan. BGS ini dijangka akan dapat menyumbang ke arah matlamat untuk meningkatkan kegiatan ekonomi negara ini menerusi promosi jualan yang menarik. Target ini bersesuaian dengan tema BGS 'Harga Murah, Jualan Meriah, Ekonomi Bertambah' di samping menggalakkan orang ramai berbelanja di negara ini.

Dalam hal ini orang ramai tidaklah perlu berbelanja di luar negara kerana harga yang ditawarkan di negara ini juga murah dan menarik. Dengan berbelanja di negara sendiri akan dapat mengawal pengaliran wang ke luar negara. Jika sebuah keluarga berbelanja \$1,000.00 dan cuba bayangkan kalau jumlah itu sampai 1,000 orang, maka sejumlah \$1 juta akan mengalir ke luar negara. Di sinilah rasionalnya kerajaan mengadakan Jualan Besar-Besaran bagi menjamin agar wang kitani tidak mengalir ke luar negara. Ini sekali gus dapat memantapkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Komitmen semua pihak dalam perkara ini amatlah diperlukan demi menjayakan BGS kali ini. Harapan ini akan menjadi kenyataan andainya para peniaga bersikap jujur dan telus dalam memberikan potongan harga yang menarik dan mengadakan promosi masing-masing. Kepada pengguna diharap supaya bijak berbelanja terhadap yang benar-benar perlu saja. Semogalah hasrat kerajaan bagi menggalakkan orang ramai berbelanja di negara sendiri akan menjadi kenyataan bagi sama-sama meningkatkan ekonomi negara.

HASRAT NEGARA ...

TUNTUTAN ORANG RAMAI TERHADAP PERKHIDMATAN AWAM TELUS, BERMUTU ANGGAP CABARAN POSITIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita sama-sama hadir di majlis yang penuh dengan keberkatan ini.

Hari ni merupakan hari istimewa bagi warga Perkhidmatan Awam kerana sambutanannya telah menjangkau ke-12 tahun. Ianya memandakan satu kematangan yang setentunya mengandungi banyak pengalaman yang perlu diambil iktibar, manakala sebahagiannya pula dijadikan panduan dan pedoman.

Perhimpunan yang diadakan pada setiap tahun ini telah berjaya menyatukan anggota pentadbiran dan anggota profesional Perkhidmatan Awam yang sama-sama berganding bahu menjalankan tanggungjawab dengan penuh kesefahaman semata-mata untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Justeru itu, sambutan Hari Perkhidmatan Awam adalah merupakan satu penghargaan, di samping pengiktirafan terhadap sumbangan bakti semua warga Perkhidmatan Awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh keiltizaman, dedikasi dan kecekapan.

Peranan dan fungsi Perkhidmatan Awam turut berubah kerana perkembangan serta keperluan semasa. Perkhidmatan Awam bukan lagi semata-mata pemberi perkhidmatan tetapi juga sebagai peneraju dan pemudah cara pembangunan negara.

Dalam waktu yang

sama, ekspektasi atau tuntutan orang ramai terhadap Perkhidmatan Awam yang baik, telus serta bermutu patut dianggap sebagai satu cabaran yang positif.

Tambahan pula dalam keadaan sekarang, warga masyarakat umum boleh dikatakan sebagai yang bermaklumat dan berpengetahuan. Oleh yang demikian, pelbagai dasar, prosedur, sistem dan proses yang dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam memerlukan penyelarasan dengan kehendak dan keperluan semasa dan akan datang dengan lebih proaktif.

"Pelaksanaan e-Kerajaan adalah satu bukti yang kerajaan paduka ayahanda benar-benar serius ke arah pembaharuan dan pembaikan proses-proses Perkhidmatan Awam. Sekurang-kurangnya beban kerja yang dipikul selama ini sedikit sebanyak dapat dikurangkan melalui sistem berkomputer dan pembaikan proses kerja."

Walau bagaimanapun, prasarana, teknologi sistem dan peralatan yang canggih tidak akan dapat menjamin



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-12 Tahun 1426H/2005M di Dewan Plenari, Pusat Peridangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 25 Syaaban 1426/29 September 2005.

kejayaan sepenuhnya jika warga Perkhidmatan Awam gagal memupuk sikap dan minda yang positif.

Sehubungan ini, pihak pengurusan perlu memberikan ruang dan kesempatan kepada pegawai bawahannya untuk sama-sama memberikan pandangan dan cadangan pembaikan, sekali gus menghasilkan tenaga kerja yang produktif dan kompetitif.

Seperti yang difahamkan bahawa nisbah warga Perkhidmatan Awam dengan penduduk pada masa ini ialah satu kepada lapan orang penduduk yang

mana boleh dikatakan agak tinggi di rantau ini. Dengan nisbah yang sedemikian, sudah selayaknya warga Perkhidmatan Awam mampu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Dalam hal ini, Perkhidmatan Awam perlu membuat dan meneruskan penilaian dengan penumpuan kepada mutu perkhidmatan, apakah mutu perkhidmatan itu mencapai tahap tuntutan orang ramai?

Perkara yang tidak kurang pentingnya ialah imej Perkhidmatan Awam yang sepatutnya sentiasa

dipelihara dengan bersopan santun, berakhlak mulia, telus, serta tidak camah mata.

Warga Perkhidmatan Awam hendaklah menyedari bahawa kecekapan dan mutu yang tinggi mungkin sahaja cacat jika persepsi terhadapnya tidak mesra pelanggan atau para anggotanya gagal menegakkan atau mengamalkan etika dan sikap bersopan santun serta profesionalisme.

Dalam konteks itu Perkhidmatan Awam perlu mengambil langkah-langkah positif ke arah meningkatkan imejnya sebagai perkhidmatan yang efisien, sentiasa bersikap adaptif kepada perkembangan semasa dan dalam waktu yang sama memenuhi keperluan-keperluan pelanggan.

Penerapan nilai-nilai yang menekankan bahawa tugas dan tanggungjawab warga Perkhidmatan Awam itu sebagai amal ibadah dan semata-mata mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala adalah dikira salah satu langkah yang positif ke arah membina sikap dan perpaduan.

Nilai-nilai sedemikian yang bersendikan kesedaran dan keimanan bukan saja memberikan suntikan baru tetapi juga menjaga semangat perpaduan di kalangan warga Perkhidmatan Awam selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, 'Bersepadu Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Awam'.

Sekian, Wallahit Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari muka 1

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk sama-sama mengambil langkah positif dalam mempromosi dan meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung dengan tatacara perancangan kewangan dengan cara mengongsikan kepakaran dan kemahiran mereka mengenai kepentingan perancangan kewangan.

Ini, jelas Yang Berhormat, bertujuan untuk mewujudkan budaya celik kewangan dan meningkatkan kefahaman di kalangan para pengguna terhadap produk-produk atau instrumen pelaburan agar

para pengguna akan dapat membuat keputusan yang lebih berhemah dan bijak-sana terhadap pengurusan kewangan masing-masing khususnya di dalam jenis-jenis pelaburan yang akan disertai.

"Bank-bank juga diseru agar dapat menangani isu pembangunan sumber tenaga manusia di sektor perbankan dengan berkesan dan saksama," tambah Yang Berhormat.

Oleh itu, kata Yang Berhormat lagi, institusi-institusi kewangan dan bank-bank di negara ini perlu untuk mengkaji dan meneliti pendekatan sumber manusia yang sedia ada untuk memastikan bahawa dasar yang diamalkan hendaklah mengambil kira kepentingan serta kebajikan

an para pekerja berkenaan.

Ini termasuklah memberikan program-program latihan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja terutamanya pekerja-pekerja tempatan, secara berterusan yang menjurus kepada aktiviti-aktiviti perbankan yang terkini, kata Yang Berhormat berharap.

"Institusi-institusi kewangan disarankan untuk melaksanakan prosedur pengambilan pekerja-pekerja yang diambil berkhidmat secara sementara, secara jangka panjang khususnya pembangunan kerjaya kerana langkah sedemikian setentunya akan memberikan lebih manfaat kepada kedua-dua pihak bank dan pekerja berkenaan," jelas Yang Berhormat lagi.

Dalam pada itu, institusi-institusi kewangan juga disarankan untuk meningkatkan lagi tahap operasi dan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai agar ianya sebanding dengan amalan-amalan terbaik perbankan antarabangsa.

Sebagai bidang yang memerlukan kepakaran yang tinggi dan kebijaksanaan, jelas Yang Berhormat, pihak pengurusan dalam menangani berbagai-bagai risiko, adalah mustahak bagi setiap bank memastikan bahawa aspek 'corporate governance', prosedur-prosedur kawalan dalaman dan luaran diperkukuhkan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa semata-mata

bagi menjamin pengukuh sektor perbankan di negara ini untuk kepentingan orang ramai.

Setiap bank juga dinasihatkan untuk memantau kegiatan pengiraman wang yang disalurkan melalui bank untuk memastikan ianya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi maksud penyaluran kewangan untuk jenayah-jenayah kewangan.

Cawangan SCB tersebut menyediakan mesin ATM bagi memudahkan pelanggan berurusan mengenai kewangan, sejauh ini ia merupakan cawangan ketujuh SCB yang keseluruhan mempunyai seramai 250 orang pegawai dan kakitangan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama lawat Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd.

LAMBAK KANAN, Isnin, 10 Oktober.- Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd. merupakan syarikat pembuat dan pengeluar barangan kristal yang bermutu tinggi di negara ini.

Syarikat yang mula beroperasi sejak bulan Ogos 2001 berbekalkan modal pelaburan sebanyak \$1.3 juta dan merupakan sebuah syarikat usaha sama antara Semaun Holding Sdn. Bhd, syarikat pelaburan kerajaan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan Langkawi Crystal Sdn. Bhd. dari Malaysia.

Tujuh puluh peratus dari modal pelaburan dimiliki oleh Semaun Holding Sdn. Bhd dan tiga puluh peratus adalah milik Langkawi Crystal Sdn. Bhd.

Syarikat yang mempunyai 13 orang pekerja ini kini mempunyai 10 orang blower tempatan yang mahir dalam menghasilkan kristal pelbagai bentuk dengan warna-warni kristal mengikut dayacipta sendiri berbanding lima orang blower pada permulaan operasi.

Hadir menyaksikan dan mengetahui perkembangan syarikat tersebut secara dekat ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad dan Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Haji Hamdilah.

Kehadiran yang berhormat ke syarikat ini merupakan sebahagian daripada program lawatan kerja ke tapak-tapak projek di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang bertujuan untuk meninjau lebih dekat lagi perkembangan projek-projek berkenaan.

Seperti pencipta-pencipta Perancis yang lebih awal menerokai sejak zaman ia mulai terkenal diseluruh dunia, pembuat-pembuat kristal yang terdiri dari anak-anak tempatan ini mampu bersaing dan menghasilkan pelbagai bentuk kristal yang berkualiti, di samping mewujudkan satu pembaharuan dalam penggunaan kaca yang lebih kreatif berunsurkan motif tempatan.

Sejajar dengan misi syarikat berkenaan, pengeluarannya diutamakan kepada penghasilan yang bermotifkan seni ukiran dan alam semula jadi tempatan yang mana sehingga kini syarikat tersebut telah mengeluarkan lebih dari 300 jenis reka bentuk dan pemasarannya juga telah menembusi pasaran antarabangsa seperti Malaysia, Republik Filipina dan Republik Singapura.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad dan Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah membincangkan sesuatu semasa melawat Syarikat Mahkota Crystal Sdn. Bhd. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pelbagai acara sambut ulang tahun ke-35 BSB

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Oktober. - Semenjak 35 tahun yang lalu dengan bermulanya pengisytiharan bersejarah penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan (BSB) pada 4 Oktober 1970, BSB telah melalui era pembangunan yang mencabar.

Ini terbukti dengan pengiktirafan antarabangsa ke atas pencapaian Bandar Seri Begawan sebagai antara bandar-bandar raya yang terbaik di Asia Pasifik.

Dalam kajian telah dibuat majalah Asiaweek, BSB adalah Bandar Ke-6 dan 7 terbaik pada tahun 1999 dan 2000 berturut-turut.

Pencapaian ini adalah jelas terbit dari hasil komitmen yang sangat tinggi dan bersungguh-sungguh pihak kerajaan semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin hingga kepada pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini dijelaskan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, BSB, Awang Haji Saji bin Haji Mudin dalam buku program sambutan penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB yang ke-35 tahun bagi tahun 2005.

Menurut beliau lagi pembangunan dan kemajuan infrastruktur serta prasarana yang pesat di sekitar BSB terus menerus dipantau dan diberi perhatian oleh agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Bagi meneruskan kema-

juan dan pembangunan Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan bersama dengan ahli-ahli Majlis Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan berusaha untuk mencari visinya iaitu menjadikan Bandar Seri Begawan sebuah bandar raya maju setanding dengan bandar-bandar raya di rantau Asia Pasifik menjelang tahun 2010," ujar beliau.

Sehubungan dengan itu sambutan memperingati ulang tahun ke-35 penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB dilangsungkan hari ini di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini.

Antara tur cara sebelah pagi bagi memeriahkan sambutan termasuklah senam ria, Pertandingan Walk-A-Hunt, Perlawanan Tarik Kalat, Peraduan Melukis dan Mewarna bagi kanak-kanak dan peserta veteran, Pertandingan, 'Mini Basketball' Pertandingan Gubahan Bunga-bunga Hidup, membuat roti canai, teh tarik dan jemput-jemput pisang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan hadir selaku tetamu kehormat di sambutan itu.

Acara yang paling menarik dalam sambutan sebelah pagi itu ialah perlawanan akhir tarik kalat pertemuan Pasukan Lee Signcraft dengan Pasukan Persatuan Lumapas 'A' (PERLU). Dalam pusingan pertama Pasukan Lee Signcraft berjaya mengutip satu

mata dalam masa tiga minit, manakala pusingan kedua iaitu pusingan penentu, Pasukan Lee Signcraft sekali lagi berjaya menewaskan Pasukan PERLU dengan kutipan 1.5 mata sekali gus dinobatkan menerima hadiah wang tunai \$1,000.00 serta piala.

Terdahulu dari itu dalam pusingan separuh akhir Pasukan Lee Signcraft berjaya menewaskan Pasukan Majlis Perundingan Kampong Subok. Sementara Pasukan JASTRE menduduki tempat ketiga setelah berjaya menewaskan pasukan Majlis Perundingan Kampong Subok. Hadiah-hadiah Perlawanan Tarik Kalat disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perlawanan Tarik Kalat yang dilangsungkan selama empat hari berturut-turut bagi peringkat saringan disertai oleh 21 buah pasukan terdiri agensi-agensi kerajaan, syarikat perniagaan, mukim dan kampung.

Acara yang menarik bagi kanak-kanak dan veteran iaitu Peraduan Melukis dan Mewarna Lukisan yang disertai oleh kira-kira 200 orang kanak-kanak. Peraduan tersebut dibagikan kepada tiga kategori iaitu kategori 'A' memabitkan kanak-kanak berumur 3 hingga 4 tahun, kategori 'B' berusia 5 hingga 7 dan kategori 'C' berusia 8 hingga 11 tahun dan kategori 'D' adalah terbuka bagi veteran berusia 50 tahun.

Bertanggungjawab, patuhi arahan ketua, ciri kejayaan

BERAKAS, Selasa, 11 Oktober. - Menjalankan tugas dengan tekun, rajin dan penuh tanggungjawab serta sentiasa mematuhi arahan ketua adalah antara kejayaan yang membawa Awang Mortadzah bin

milihan dirinya sebagai penerima anugerah terbaik itu merupakan contoh terhadap rakan yang lain supaya lebih efisien agar tahun depan giliran mereka pula diberikan anugerah.

"Saya sendiri tidak percaya dengan pemilihan ini kerana saya melihat ada lagi rakan sebaya saya yang lebih baik dari saya namun kerana kelebihan sedikit maka jawatan-kuasa penilai memilih saya sebagai penerima anugerah tahun ini," jelasnya.

Beliau ditemui setelah menerima anugerah itu di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan di sini sempena Sambutan Hari Pos Sedunia.

"Kita tidak dapat menilai kebaikan kerja kita sendiri, orang lain mungkin lebih tepat bagi penilai hasil atau kerja

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

yang kita buat selama ini dan saya terpilih tahun ini bukan kerana kemahuan saya tapi kehendak orang," jelas beliau.

Beliau yang bertugas di Cawangan Pos Lamunin menyeru rakan sebayanya

supaya berusaha meningkatkan prestasi dan mutu kerja masing-masing kerana orang ramai dan jabatan memerlukan seorang pekerja yang komited kepada tugas-tugas masing-masing.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar semasa menyampaikan hadiah kepada seorang peserta di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-131 Tahun. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



AWANG Mortadzah bin Haji Hanafiah.

Haji Hanafiah dipilih sebagai Kerani Kaunter Pos sempena sambutan Hari Pos Sedunia.

Bagi Mortadzah yang mula berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Pos pada Disember 1989 pe-



SEMANGAT kental yang ditunjukkan oleh Pasukan Jabatan Penerangan dalam Perlawanan Tarik Kalat yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. - Gambar oleh Ernie Suliana Haji Othman.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyampaikan replika cek bernilai \$1,000.00 kepada Penolong Pengurus Syarikat Lee Signcraft, Koh Chun Kiong setelah menjurai perlawanan tarik kalat. - Gambar oleh Hermie Suliana Haji Othman.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bersama Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama semasa menghadiri majlis berkenaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Ambil iktibar peristiwa Israk dan Mikraj

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Forum Khas sempena sambutan Israk dan Mikraj 2005 berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Menteri Kebudayaan,

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menghadiri Majlis Forum yang bertajuk 'Pengajaran Israk Mikraj Ke Arah Menjana Pembangu-

Ummah Yang Beriman dan Bertakwa'.

Dua ahli panel forum itu ialah Ustaz Haji Mail bin Awang Besar dan Ustaz Anwari bin Haji Rawace yang dipengerusikan oleh Awang Mohd. Amin bin Begawan Pehin Khatib



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud ketika hadir di majlis Forum 'Pengajaran Israk Mikraj Ke Arah Menjana Pembanguan Ummah Yang Beriman dan Bertakwa'. - Gambar oleh Masri Osman.



AHLI-AHLI panel forum berkenaan. - Gambar oleh Masri Osman.

Majlis Bertahlil bagi ayahanda, bonda Kebawah DYMM

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
dan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Oktober. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, di sini.

Hadir di majlis ini ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang

Ahmad dan Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara tahunan yang disusun oleh Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan.

Sementara itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga mengadakan majlis yang sama pada hari Rabu, 28 September lepas.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Mudim Haji Ambran bin Haji Mohd. Salleh.

Hadir di majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin serta para pegawai kanan Kementerian berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bersama Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan pegawai serta kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir di majlis berkenaan. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Kementerian Kewangan raikan peristiwa Israk Mikraj

BERAKAS, Khamis, 29 September. - Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya petang ini melangsungkan Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi tahun 1426H/2005M di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Awang Haji Mohammad Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammad Yunus, ketua jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan persembahan bacaan Ayat-

Oleh Noor Khadijah Tengah

ayat Suci Al-Quran yang dibacakan oleh Penolong Penguasa Kastam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad iaitu johan Tilawatil Al-Quran

Kementerian Kewangan pada tahun 2004.

Ceramah khas juga menyerikan majlis tersebut dengan tajuk 'Pengajaran Dari Israk Mikraj Dalam Hubungannya Ke Arah

Peningkatan Kualiti Pentadbiran dan Mutu Perkhidmatan Kepada Orang Ramai' yang disampaikan oleh penceramah undangan daripada Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Ismail bin Mohammad Ariff.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong semasa hadir di majlis berkenaan. - Gambar oleh Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

Keperluan persekolahan anak yatim diberi perhatian

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah

BERAKAS, Khamis, 13 Oktober. - Dalam kesibukan membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri, keperluan dan persediaan menghadapi cuti penggal persekolahan tahun 2006 tetap di beri perhatian.

Sehubungan itu, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim menyampaikan sumbangan bantuan pembelian peralatan dan keperluan persekolahan kepada seramai lebih 1,100-orang anak yatim di Daerah Brunei dan Muara yang berdaftar di sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Penyampaian sumbangan diselenggarakan bersama di Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak-anak Yatim Seluruh Negara yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Derma tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud dan

Datin.

Projek itu selaras dengan dasar dan tujuan penubuhan dana bagi membantu anak yatim, untuk mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka generasi yang berilmu dan berkemahiran.

Di majlis tersebut mereka diberikan sumbangan berbentuk kupon bernilai sebanyak \$50.00 yang sah ditukarkan dan digunakan di kedai-kedai yang dikenalpasti oleh dana tersebut.

Pada tahun ini sebanyak 22 buah syarikat yang membekalkan barangan itu di keempat-empat daerah dikenalpasti bagi memberikan kemudahan tersebut.

Sumbangan itu dihasratkan bagi memberi galakan dan kesedaran di kalangan mereka untuk menghargai kepentingan pendidikan di masa hadapan dan memberi dorongan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan selain bagi meringankan beban perbelanjaan ibu dan penjaga mereka apabila menjelang penggal awal persekolahan.

BERAKAS, Khamis, 13 Oktober. - Seramai 13 orang pelajar anak-anak yatim terpilih menerima hadiah utama membawa pulang satu set komputer lengkap dari Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang Bank Islam Brunei Berhad (IBB) bagi anak-anak yatim di seluruh negara.

Majlis penyampaian sijil dan hadiah skim galakan ini diselenggarakan bersama Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Di samping hadiah utama, seramai 14 anak-anak yatim menerima hadiah sampingan berupa baucher bernilai \$200.00 bagi pembelian buku dan alat tulis dari beberapa kedai-kedai buku utama di negara ini yang dikhususkan untuk pelajar-pelajar yang mencapai keputusan cemerlang pada mata pelajaran teras yang termasuk Bahasa Melayu, English, Mathematics dan mana-mana mata pelajaran Sains semasa peperiksaan GCE 'O' Level.

Hadiah-hadiah dan sijil-sijil dari skim ini disampaikan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang yang juga Pengerusi IBB dan anak-anak syarikatnya dan Takaful IBB Berhad.

Skim hadiah galakan pelajar cemerlang IBB bagi anak-anak yatim mula diperkenalkan oleh IBB pada tahun 2003 yang

13 anak yatim terima hadiah Skim Galakan Pelajar Cemerlang IBB

dikhususkan untuk pelajar-pelajar daripada golongan anak yatim yang cemerlang dalam pembelajaran.

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab kepada masyarakat, IBB akan terus melaksanakan sokongan kepada golongan yang kurang bernaib baik seperti anak-anak yatim dan dengan adanya skim ini, bank ini berharap akan dapat mencapai objektifnya.

Skim itu adalah bagi menimbulkan kesedaran kepada kumpulan anak-anak yatim bahawa mereka ini sentiasa diberikan perhatian yang wajar oleh masyarakat setempat khususnya untuk mereka lebih maju dan berjaya dalam hidup walaupun

mereka sudah kehilangan tempat bergantung.

Di samping itu juga skim itu memberi kesempatan kepada mereka untuk mendapat penghargaan atas pencapaian dan atas usaha mereka walaupun dengan keadaan serba kekurangan.

Ianya juga akan dapat menyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus berusaha serta memberi kesempatan kepada mereka untuk menikmati kegembiraan yang sama dirasai oleh anak-anak yang lain.

Skim itu juga menggalakkan masyarakat untuk terus memberikan bantuan kepada kumpulan-kumpulan yang kurang bernaib

baik di negara ini.

Sementara itu, empat kategori utama hadiah galakan akan disediakan iaitu kumpulan anak-anak yatim yang menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR); Kumpulan anak-anak yatim yang menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB); Kumpulan anak-anak yatim yang menduduki peperiksaan Peringkat 'O' dan Kumpulan anak-anak yatim yang menduduki peperiksaan Peringkat 'A'.

Di samping hadiah utama, anak-anak yatim yang cemerlang atau mendapat gred amat baik dalam mana-mana matapelajaran teras iaitu Bahasa Melayu,

Mathematics, English dan mana-mana matapelajaran Sains juga menerima hadiah sampingan dari skim galakan ini.

IBB telah membentuk satu komiti khas bagi menilai dan memilih anak-anak yatim yang layak menerima hadiah skim galakan ini yang mana adalah terdiri daripada Pengarah Urusan IBB, Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkot Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Pengarah Sekolah-Sekolah, Pengarah Peperiksaan, Kementerian Pendidikan dan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Kesyukuran sempena ulang tahun puja usia

Oleh Noor Khadijah Tengah

KIULAP, Khamis, 6 Oktober. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam berserta 14 persatuan dan kumpulan wanita mengadakan Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaasiin diikuti majlis terbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah serta membaca doa kesyukuran.

Majlis itu dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali bersama ahli-ahli Lembaga Tadbir Majlis Wanita dan persatuan serta kumpulan wanita yang lain.

Antara persatuan dan perkumpulan wanita yang hadir ialah BAKANITA (Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan), BISTARI

(Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan dan Pegawai Wanita), BAKTI (Badan Kebajikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei), PGGMB (Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei), IWC

(International Women's Club), PELITA (Persatuan Isteri-isteri Pegawai, Pegawai Wanita dan Kakitangan Jabatan Penjara), Persatuan Pandu Puteri, PERGANITA (Persatuan Gabungan Wani-

ta Tutong), PERTIWI (Persatuan PERTIWI), PKP (Persatuan Kebajikan Daerah Belait), PSW (Persatuan Siswazah Wanita), WI (Women Institute), PENJURU (Persatuan Jururawat) serta PEMBEKAL (Kumpulan Wanita Lambak Kanan).



YANG Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali bersama ahli-ahli lembaga tadbir dan ahli-ahli pertubuhan semasa mengadakan sambutan berkenaan. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Indeks Harga Pengguna Julai 2005 menurun

BANDAR SERI BEGA-WAN, Khamis, 13 Oktober. - Jabatan Perancangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Julai 2005 yang disiarkan melalui siaran akhbarnya melaporkan bahawa IHP bagi bulan tersebut telah menurun sebanyak 0.6 peratus daripada bulan sebelumnya dengan Indeks bernilai 102.0. Penurunan tersebut adalah sebahagian daripada kenaikan harga tepung, mee, ikan segar, ayam segar, udang segar, buah pear dan sirap cordial. Manakala bagi kos kasut dan pakaian pula telah berlaku penurunan sebanyak 7.9 peratus yang disebabkan oleh harga rendah bagi pakaian siap sedia, fabrik bagi lelaki dan wanita dan kasut.

Dalam pada itu, menurut siaran akhbar berkenaan, harga rendah bagi alat perabot, alas lantai, alat hiasan rumah tangga, kelengkapan audio video dan alat muzik, kelengkapan rumah tangga dan alat elektrik, alat perkakas dapur, pinggan mangkuk dan kutleri dan

pengendalian rumah tangga telah menyebabkan kos peralatan, perkhidmatan dan pengendalian rumah tangga menurun sebanyak 2.4 peratus. Demikian juga dengan kos pelbagai barangan dan perkhidmatan telah menurun sebanyak 1.1 peratus ekoran daripada harga rendah bagi peralatan penjagaan diri dan aksesori. Manakala kos perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan serta pendidikan adalah tidak berubah daripada bulan sebelumnya.

Kos pengangkutan pula telah menurun sebanyak 0.2 peratus berikutan daripada harga rendah tambang udara, berbanding dengan kos rekreasi dan hiburan yang meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.4 peratus disebabkan oleh kenaikan harga bagi pakej percutian, tambah siaran akhbar itu.

Mengenai harga bagi telefon bimbit dan aksesori yang terpilih dan caj pengimanan wang pula, berlaku penurunan yang menyebabkan kos perhubungan menurun sebanyak 0.8 peratus.

Penurunan dalam kos perubatan dan kesihatan juga berlaku sebanyak 1.3 peratus berikutan turunnya harga alat-alat terputik.

Jabatan Perancangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi mengumumkan bahawa IHP bagi

bulan Julai tahun 2005 adalah 1.4 peratus lebih tinggi daripada indeks di bulan yang sama pada tahun lalu.

IHP adalah petunjuk bagi pengukur perubahan pada harga-harga barangan dan perkhidmatan dalam sebulan tetap barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh sebuah keluarga dalam satu tempoh masa tertentu. IHP juga adalah semamata pengukur bagi perubahan harga bukan pengukur bagi perubahan-perubahan pada kos sara hidup kerana IHP tidak mengambil kira faktor-faktor lain seperti perubahan gaya hidup, peningkatan pendapatan keluarga dan terdapatnya barangan atau perkhidmatan yang baru. Justeru itu, IHP hanya menggambarkan perubahan-perubahan harga.

Sebelum tetap barangan dan perkhidmatan pula adalah merupakan pola penggunaan kebanyakan keluarga di Negara Brunei Darussalam yang diperolehi daripada hasil Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK). Pengiraan indeks adalah secara purata kewajaran aritmetik bagi perubahan sebahagian harga barangan dan perkhidmatan dalam sebulan tetap di mana pengiraan kewajaran adalah berasaskan pembelajaran purata bagi setiap keluarga.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2002 = 100)

No	Kumpulan Utama	Kewajaran	Indeks			Pertukaran	
			Jul 04	Jun 05	Jul 05	Jul 05/Jun 05	Jul 05/Jul 04
I	Makanan dan minuman ringan	1000	100.6	102.6	102.6	-0.6	1.4
		2877	101.0	100.7	101.1	0.4	0.1
II	Pakaian dan kasut	561	90.5	96.1	88.5	-7.9	-2.2
III	Perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan	884	96.7	98.6	98.6	0.0	-0.1
IV	Peralatan perkhidmatan & pengendalian rumah	860	91.7	95.3	93.0	-2.4	1.4
V	Pengangkutan	2,251	106.2	109.2	109.0	-0.2	2.6
VI	Perhubungan	548	92.3	90.2	90.2	-0.8	-2.3
VII	Pendidikan	471	99.3	98.4	98.4	0.0	-0.9
VIII	Perubatan dan Kesihatan	98	97.4	99.4	99.4	-1.3	2.1
IX	Rekreasi dan hiburan	814	109.0	119.8	119.8	0.4	9.9
X	Pelbagai barangan dan perkhidmatan	636	100.4	100.4	100.4	-1.1	0.0

SUMBER : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Gunakan kaedah pengawasan yang positif

TUTONG, Isnin, 3 Oktober. - Tugas sebagai pegawai dan kakitangan awam merupakan amanah yang perlu dipikul dengan penuh ikhlas dan rasa tanggungjawab, di samping memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi.

Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa berkata, tugas itu tidak memadai kalau setakat melepaskan batuk di tangga sahaja, tetapi perlu mengamalkan dan menitikberatkan prinsip-prinsip asas bekerja.

"Kita harus merenung sejenak pencapaian kita dan melihat ke hadapan untuk menentukan hala tuju kita," jelasnya di Majlis Sambutan Hari

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Perkhidmatan Awam Peringkat Daerah Tutong di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Menyentuh mengenai pembaharuan dalam Perkhidmatan Awam, beliau menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 telah memperkalkan kaedah-kaedah pengurusan yang mendatangkan kesan yang positif kepada Perkhidmatan Awam.

Selubungan itu, beliau mengingatkan para pegawai kerajaan menggunakan kaedah-kaedah berkenaan selaras dengan keperluan perkhidmatan yang diberikan.

Etika cemerlang dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan, jelas beliau, merupakan elemen penting dan suatu kemestian bagi mempertahankan kewibawaan Perkhidmatan Awam di tahap yang tertinggi.

Justeru itu beliau berharap aktiviti-aktiviti yang menekankan kepada pembentukan nilai-nilai murni dan etika kerja akan dilaksanakan dengan lebih kerap dan terancang agar dapat membentuk budaya Perkhidmatan Awam yang cekap, bersih dan amanah.

Sementara itu, Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib berkata, Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam telah mengalami pelbagai perubahan mengikut peredaran masa dan permintaan orang ramai dan tema sambutan 'Bersatu Mempertingkatkan Kecemerlangan Perkhidmatan Awam' menjadi satu lagi cabaran dan mempunyai signifikan kepada pencapaian Perkhidmatan Awam.

Katanya, kerajaan telah mengukuhkan pelbagai projek dalam meningkatkan profesionalisme dan integriti sebagai langkah ke arah keceklerlangan Perkhidmatan Awam di negara ini.

Seramai 119 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan menerima Sijil Persaraan dari tetamu kehormat.

Majlis bermula dengan pembacaan Ikrar Hari Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib.

Persembahan Koir Hari Perkhidmatan Awam dan tayangan Video Montaj Hari Perkhidmatan Awam Ke-12 bagi Daerah Tutong mendedah dan menerangkan perkhidmatan, peranan dan pencapaian pelbagai agensi kerajaan di daerah itu juga menyenyerikan majlis.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa menyerahkan Sijil Persaraan kepada seorang penerima. - Gambar oleh Hernie Suliana Haji Othman.

Karnival Perikanan 2005 kumpul \$70,000 pendapatan keseluruhan

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

MUARA, 2 Oktober. - Kira-kira 10,000 orang mengunjungi Karnival Perikanan selama tiga hari yang bermula pada 30 September dan berakhir hari ini yang berlangsung di Kompleks Pendaratan Ikan Serasa, Jabatan Perikanan di sini.

Sepanjang karnival itu kira-kira \$70,000.00 telah berjaya dikumpulkan sebagai pendapatan keseluruhan hasil dari industri perikanan dan berharap karnival itu mampu memenuhi hasrat sambutan meng-

galakkan daripada orang ramai.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim ketika berucap di Majlis Penutup Karnival Perikanan 2005 hari ini. Beliau turut menambah bahawa kebanyakan jualan adalah hasil dari industri perikanan dan berharap karnival itu mampu memenuhi hasrat sambutan meng-

"Di samping itu Jabatan Perikanan juga menggalakan pendapat daripada orang ramai untuk meningkatkan serta memeriahkan lagi suasana karnival pada masa akan datang," jelas Dayang Hajah Hasnah.

Beliau kemudian menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta karnival dan hadiah kepada para pemenang karnival berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim menyerahkan sijil kepada peserta Karnival Perikanan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MASA CEPAT BERLALU

SETELAH dua minggu berpuasa, ia berlaku seperti tidak terasa. Itulah masa, masa yang tidak akan pernah menanti biar siapa pun ia. Masa itu terus beranjak, biar apa pun suasananya, biar apa pun yang dihadapinya, biar apa pun cuacaanya, biar apa pun gempunya, biarpun berlaku gegak-gempita di mana saja, tiada apa pun yang boleh menahan pergerakannya, suatu pergerakan yang menunjukkan kekuasaan Allah Yang Maha Agung.

Biar apa pun ilmu manusia, namun masa tidak dapat ditahan-tahan biarpun semua orang mungkin berhasrat besar untuk kembali kepada masa salannya. Para sasterawan selalu berilusi mengenai dengan masa ini melalui banyak karya kreatif masing-masing. Yang selalu berlaku termasuklah dalam karya-karya kasih sayang atau cinta kasih yang berjaya dan yang kecundang.

Yang gagal mencapai puncak kehidupan yang diimpikan, digambarkan juga keinginan untuk membetulkan yang melintang, namun masa itu tidak akan berulang dengan serba kejadian yang berlaku dalam lingkarannya. Yang tidak tahu-menahu dengan harga masa pun, masing-masing dengan gugur jatuhnya selain dari masing-masing dengan untung nasibnya, rugi dan kebinasaan serta keberuntungannya.

Malah, orang selalu berkata tentang betapa jadinya mereka yang lalai dengan keindahan dan kemewahan hidup dan bersenang-lenang dan punya banyak waktu yang senggang, tetapi yang malang pada akhirnya bila terasa kehilangan dan kerugian pada sesuatu yang bukan nilai mata benda apabila terasa kekontangan dalam diri yang kesemuanya diakibatkan lalainya kita untuk berjalan bersamasama atau beringin dengan masa yang perlu diisikan dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan masa depan yang penuh dengan kebaikan, semampu yang mungkin.

Masa yang sukar dikejar apabila ia sudah berlalu, biarpun ada yang mengatakan sebagai 'masih ada waktu untuk membetulkannya, namun masih tidak sama dengan mereka yang tidak 'mangkir' dalam mengisi masa, masa yang ada kerendaan Allah di dalamnya. Masa yang senantiasa menawarkan untuk menggunakannya tetapi tidak mengabaikannya. Ini bermakna masa yang diisikan dengan perkara-perkara yang diredai-Nya, mencari rezeki yang halal, melakukan perkara-perkara yang berkebaikan,

segala yang disuruh-Nya dan menjauhi yang dilarang-Nya.

Bagaimana mahu mencapainya? Para bijak pandai mengatakan bahawa dalam mengejar kebaikan yang dicita-citakan itu, antaranya adalah melalui disiplin diri dengan disertai oleh kesabaran yang tinggi, disiplin diri yang senantiasa merasa reda atas apa jua rezeki yang datang setelah melakukan usaha dengan tabah dan sabar, sabar yang sebenarnya sabar tetapi bukan kerana disaburkan sedang jauh di lubuk hati ada niat untuk 'mengintai', ada niat berupa unsur-unsur dendam kesumat, ada niat buruk untuk menjahanamkan kehidupan orang lain, ada semacam 'dengus' untuk 'melucik-lucik' atau meremehkan orang lain.

Sedangkan pada hakikatnya bahawa manusia itu adalah sama dan dilengkapkan dengan segala macam disiplin hidup zahir dan batin seperti yang kaya dengan yang miskin, yang berupaya dengan yang tidak berupaya. Namun, ada bekal yang disertakan untuk mengimbangi adanya perbezaan itu iaitu melalui kesabaran yang boleh dijadihkan sebagai neraca hidup terutamanya di persekitaran orang yang banyak dengan ragamnya yang bukan sedikit.

Orang dahulu, bersabar dengan penuh bertawakal kepada Allah itu adalah umpama penawar yang sangat ampuh dalam meladani tuntutan hidup harian mereka.

"Yang dikatakan hidup senang pada waktu itu, jika dibandingkan dengan kehidupan mereka yang ada sekarang ini, yang berpendapatan paling rendah sekalipun, maka yang sekarang itu masih dapat dikatakan di atas. Ini kalau dilihat kepada fasilitas yang dimiliki mereka sahaja seperti kemudahan per-

hubungan dan tempat tinggal. Tanpa melihat kualiti tetapi kuasa pemilihan (tadapat), orang sekarang yang paling rendah pendapatannya, adalah lebih baik berbanding dengan seorang ketua keluarga di masa lalu itu." : (Perkiraan yang dikatakan ini adalah sekadar yang dikurapakan oleh sebilangan warga emas dalam mengimbas hidup orang kitani dahulu dengan yang sekarang). Mungkin hal ini berguna kepada mereka yang membuat kajian yang berkaitan. Dan mungkin pada mereka yang ingin mengemaskannya.

Biarpun tidak semua orang, orang-orang di masa silam itu kelihatannya senantiasa pasrah kepada keadaan, kerana apalah yang ada pada upaya yang ada pada waktu itu, melainkan menerima apa adanya dan apa yang datang kepada mereka dalam konteks rezeki dan lain-lain hal dalam kebiasaan kehidupan mereka. Mereka jujur dalam menghadapi semua itu selain amalan bekerja keras untuk menampung keperluan hidup sekeluarga sambil tidak mengabaikan ibadah-ibadah yang dituntut seperti di sepanjang bulan Ramadan yang banyak mengemukakan pengajaran tentang hidup yang sempurna.

Sebagai sebuah masyarakat yang sempurna dan ingin kepada kemajuan dan perkembangan yang lebih besar selain memiliki cita-cita untuk menjadi bangsa yang maju dalam semua bidang, seperti juga dengan negara-negara yang lain, maka mereka juga mengalami berbagai kerehan, berbagai perilaku dan mengalami asam garam dan pahit manis, yang sebilangan besarnya sukar dielakkan terutamanya di ketika kuasa ekonomi keseluruhan ditentukan oleh tangan-tangan bukan tempatan dan bukan yang berasal usul dari tanah air tumpah darah mereka. Maka di

sinilah letaknya bahawa bekal utama mereka hanyalah semata-mata dengan kepasrahan sambil memendam niat dari keinginan agar kebangkitan anak negeri akan wujud jua akhirnya terutama pada sektor ekonomi yang waktu itu sangat menyulitkan.

Misalnya di waktu bulan Ramadan, bulan puasa yang menjadi antara pasak kekuatan mereka dalam menanti semangat beribadah dan beragama, bahan-bahan keperluan harian akan selalu menjadi masalah. Selain pembekalan yang tidak diketahui cukup tidaknya, kekurangan akan menjadi bahan perbualan. Seiring dengan itu akan segera dipersingkatkan ketidakcukupan termasuk bekalan beras yang sejak awal lagi menjadi tanggungan utama kerajaan terutamanya dalam memberikan subsidi yang tujuan utamanya adalah untuk menolong keperluan hidup rakyat dan penduduk diseluruh negara. Namun bekalan ini selalu sahaja bermasalah sehingga seperti terlihat adanya muslihat 'penapukan' bekalan itu dengan tujuan untuk menangguk keuntungan. Ini juga sekali-sekala berlaku kepada lain-lain bekalan yang perlu seperti gula, tepung dan lain-lain keperluan harian yang semuanya di tangan orang lain. Lalu keinginan untuk melibat bangsa sendiri memang sudah tumbuh sejak tempoh waktu begitu iaitu sekitar sejak awal 1950-an lagi. Kenapa ini kita bayangkan? Tujuannya ialah agar anak cucu sekarang dapat melihat peranan mereka, untuk masa depan mereka dan tidak leka dengan perkara-perkara yang boleh 'mentrangkan' minda mereka dari berpositif terhadap masa depan generasi mereka dan yang berikutnya nanti. Memang sehingga hari ini, niat untuk melihat bangsa sendiri itu masih belum dapat digenggam erat dan masih berlaku 'Ali dan Baba' di sana sini, biarpun nampaknya Baba berkurang tetapi Ali menyurung dan kita sendiri menjadi penghias gambar sahaja, sedikit-tidakanya orang kita ada bersama. Namun adalah sangat molek kiranya kita menjadi juragan dan mereka hanya anak buah kita, kiranya anak cucu kita masih enggan belayar sama di samudera yang luas.

Demikianlah sekadar akan halnya sahaja agar kita lebih fokus dan lebih sensitif terhadap anak cucu sekarang, agar lagi mengingatkan menjelang Hari Raya ini yang sudah banyak ditawarkan dengan tawaran-tawaran yang muluk-muluk belaka. Namun sebaiknya, hayatilah semangat bulan Ramadan yang mengajarkan agar kita lebih kepada sikap bersederhana, tidak membazir, mementingkan yang perlu sahaja. Inilah kemenangan yang kita rayakan di Hari Raya yang akan menjelang ini.

AMALKAN PEMAKANAN SEIMBANG DALAM RAMADAN

BIASANYA apabila tiba bulan Ramadan, umat Islam sering membicarakan soal-soal resipi makanan, menu berbuka puasa dan bersahur serta gerai-gerai Ramadan. Jika boleh biarlah juadah berbuka puasa ditimbun dengan pelbagai makanan yang enak-enak setiap hari. Soal makan secara berlebihan sememangnya sudah menjadi sebahagian cara hidup dan darah daging dalam masyarakat kita di bulan puasa.

Tapiat yang sukar dikikis itu akhirnya mengundang umat Islam kepada sikap membazir dan berlebih-lebihan.

Kesannya malas untuk menunaikan Sembahyang Tarawih ataupun bertadarus disebabkan kekenyangan. Dan yang lebih parah lagi mudah diserang oleh pelbagai penyakit yang berpunca dari tabiat makan yang berlebihan dan tidak seimbang.

Jika diteliti secara terperinci, puasa boleh digunakan sebagai peluang untuk membersihkan sistem perkumuhan. Teganya, amalan berpuasa bertindak sebagai pemBERSIH sistem usus dan sistem lain dalam tubuh manusia. Apa tidaknya, dalam masa 14 belas jam berpuasa dengan 840 minit dan 50,400 saat, sistem tubuh manusia akan kembali normal. Lazimnya kita berpuasa hanya 29 hari dalam bulan Ramadan dan masa sebenar umat Islam berpuasa dalam setiap tahun adalah sebanyak 696 jam atau 41,760 minit atau 2,505,600 saat.

Kelemahan sistem usus ini boleh menimbulkan pelbagai penyakit seperti buasir, gout, kolesterol tinggi, lemah jantung, kegemukan (obesiti), kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, kanser dan sebagainya.

Fungsi perkumuhan yang semakin berkesan membolehkan sel badan

OLEH JAFAR HAJI IBRAHIM
jafar.ibrahim@information.gov.bn

SOROTAN

memberikan tumpuan terhadap pembersihan toksin melalui pembakaran lemak. Malah sekiranya berpuasa dilakukan secara teratur gejala penyakit berat seperti yang tertera di atas dapat dikurangkan.

Menurut kajian perubatan, 90 peratus penyakit adalah berpunca daripada pencemaran sistem usus besar dan usus kecil. Ini secara langsung membuktikan kebenaran kepada Al-Quran dan hadis Rasulullah bahawa gaya hidup pemakanan yang tidak seimbang memberi kesan besar kepada kesihatan manusia. Tabiat 'menungap' apa saja makanan yang terhidang membawa risiko yang besar terhadap sistem usus di mana ianya menimbulkan kesesakan atau 'jammed' dalam sistem usus dan sistem badan yang lain.

BERAT BADAN

Dalam pada itu, puasa di bulan Ramadan juga boleh mengurangkan berat badan dengan syarat kita mengamalkan pemakanan baik dan seimbang. Menurut kajian dari University of

Medical Sciences, Tehran, Republik Islam Pakistan ke atas sembilan lelaki dewasa yang sihat mendapati, berat badan mereka berkurangan sekitar tujuh hingga sembilan kilogram sepanjang Ramadan. Kajian di University Hospital, Amman, Jordan juga membuktikan di mana 42 lelaki dan 26 wanita mencapai penurunan berat badan dalam lingkungan yang sama.

Dengan melakukan sembahyang terawih sepanjang Ramadan, ia membantu memetabolismakan (memproses) makanan yang dimakan ketika berbuka. Di samping itu secara langsung, ianya merupakan senaman ringkas dan baik untuk menguatkan sistem kardiovaskular (jantung dan aliran darah). Sementara itu bagi mereka yang ketagih rokok pula, puasa dengan secara tidak langsung mendidik perokok untuk mengurangkan nikotin yang amat berbahaya yang memudaratkan kesihatan seperti penyakit jantung koronari, kanser paru-paru dan penyakit sekatan pernafasan.

SEIMBANG

Dalam kita berbuka puasa dan makan sahur, pastikan kita mengambil makanan seimbang dengan membanyakkan mengambil buah-buahan, sayur-sayuran, karbohidrat, protein, kurangkan sama sekali makanan yang berminyak dan berlemak.

Tetapi apa yang terjadi dalam masyarakat kita, sebahagiannya menjadikan Ramadan sebagai pesta makanan. Orang kitani dengan budayanya yang sudah menebal, seringkali menyediakan makanan yang banyak dan berlebihan. Apa lagi dengan kemudahan gerai Ramadan yang menyediakan pelbagai jenis makanan dan minuman lebih memudahkan mereka untuk membeli sesuka hati dan menurut hawa nafsu, tetapi apa yang berlaku sebaliknya bila tiba waktu untuk sungkai semua jenis makanan yang dibeli tidak habis dimakan dan akhirnya mendorong sifat membazir. Sedangkan membazir adalah dilarang oleh agama Islam.

Namun itulah hakikatnya, sungguhpun pelbagai nasihat, ceramah dan taklimat diberikan, tetapi semuanya itu tidak memberi makna kepada masyarakat kita. Mereka ketepikan sebarang aja nasihat demi untuk menurut hawa nafsu. Tetapi apa yang digalakkan

dalam Islam ialah bersederhana dan dalam konteks orang-orang Brunei memadailah untuk memenuhi 'katisan liur' dan bukan dengan cara berlebih-lebihan.

Natijahnya orang kitani lebih mengutamakan makanan dari melakukan amal ibadah. Mereka hidang semua makanan sehingga meja menjadi 'limpar' dan tidak ada lagi ruang yang kosong. Pelbagai hidangan dan manisan disajikan setiap hari. Peraturan dan kaedah pemakanan yang seimbang sering dilupakan dan akhirnya mengundang kemudaratkan kepada kesihatan tubuh badan dengan menghidap pelbagai penyakit berbahaya dan kronik.

Rata-rata masyarakat Brunei menganggap bahawa Ramadan hanya datang setahun sekali. Maka dengan anggapan sedemikian itulah mereka tidak mengutamakan makanan seimbang. Padahal panduan pemakanan seimbang sering diperkatakan tentang pengambilan pelbagai jenis makanan dalam jumlah yang sederhana dan seimbang. Rasulullah sendiri menetapkan bagi orang Islam mengambil makanan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang seperti sabda Baginda yang bermaksud "Kami satu kaum yang tidak makan sehingga

lapar dan apabila kami makan tidak sampai kenyang." Kita merasa yakin jika kita mengamalkan sunnah Rasulullah ini, penyakit kegemukan dan penyakit-penyakit yang berpunca dari perut dan makanan berlebihan insya-Allah tidak akan menghampiri kita.

KEGEMUKAN

Ramadan juga merupakan peluang terbaik untuk mengurangkan berat badan atau lebih tepat lagi menguruskan badan dengan melaksanakan program diet. Diet yang perlu diambil tidaklah banyak berbeza dengan hari biasa dan seelok-eloknya ringkas sahaja. Isu kegemukan terutama sekali di kalangan kanak-kanak di negara semakin membimbangkan. Oleh itu kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu bagi membendung masalah kegemukan. Namun demikian, masalah yang kini sudah mencapai tahap membimbangkan itu semakin menular dan berleluasa di kalangan pelajar.

Isu kegemukan adalah sebenarnya berpunca daripada pemakanan yang tidak terkawal. Kanak-kanak sering menjadi mangsa kerana mereka makan apa saja tanpa memperhitungkan kesan sampingannya. Dalam hubungan ini, ibu bapa dan keluarga memainkan

kan peranan penting dalam memberikan kanak-kanak makanan yang seimbang dan bukannya dengan 'menu' dengan pelbagai jenis makanan lebih-lebih lagi makanan yang diistilahkan 'instant'.

Maka dalam kita menjalani ibadah puasa ini, perkara sedemikian perlu diberi perhatian kerana perkara ini sudah menjadi epidemik. Semua orang mampu melakukan dan tidak memerlukan wang malah menjimatkan, iaitu jangan makan terlalu banyak dan amalkan selalu berpuasa.

Berdasarkan kebenaran Al-Quran, hadis Rasulullah, penemuan kajian saintifik perubatan dan diakui oleh agama lain, ternyata, ibadah puasa menjadi 'tool' yang amat penting dan semula jadi mencegah serta menyembuhkan penyakit. Dengan mengamalkan pemakanan seimbang dapat mengelakkan daripada sebarang penyakit kronik ketika ini yang menjadi pembunuh utama kepada kehidupan manusia. Maka dengan cara itu, ia membolehkan umat Islam meneruskan cara hidup sihat dan aktif serta dapat menghayati bulan Ramadan dengan lebih sempurna lagi. Perlu diingat puasa boleh menyembuhkan pelbagai penyakit.

Tugas pendakwa perlu kemahiran, kewibawaan integriti

Berita dan gambar oleh Siti Seri Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah

RIMBA, Isnin, 19 September. - Seramai 75 orang pegawai daripada beberapa agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang mengikuti kursus tiga hari yang diadakan oleh Pejabat Peguam Negara pada hari ini di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Kursus yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Keadilan Jenayah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan undang-undang dan kualiti pendakwaan serta memperkenalkan teknik-teknik pendakwaan kes-kes jenayah bagi pendakwa-pendakwa dari agensi-agensi penguat kuasa undang-undang dan pendakwa-pendakwa dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Penasihat Undang-Undang Kanan dan Ketua Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi dalam ucapan alu-aluannya berkata, menurut perangkaan, lebih 2,500 kes-kes jenayah telah didengar di semua Mahkamah-mahkamah Jenayah pada tahun 2004.

Kebanyakan kes-kes di Mahkamah Majistret telah didakwa oleh pendakwa-pendakwa dari agensi-agensi penguat kuasa undang-undang ianya menunjukkan bahawa peranan pendakwa-pendakwa yang bukan dari Pejabat Peguam Negara adalah amat penting di dalam sistem ke-

adilan jenayah.

"Saya difahamkan bahawa jabatan-jabatan yang belum mempunyai pendakwa-pendakwa mereka sendiri telah mempunyai perancangan untuk mengaktifkan unit-unit pendakwaan masing-masing. Ini adalah satu langkah yang positif di dalam penyelesaian kes-kes yang berkaitan dengan jabatan-jabatan tersebut dengan lebih cepat dan efisien," katanya.

Beliau menambah pendakwa-pendakwa juga mempunyai peranan besar dalam meningkatkan mutu penyiasatan di jabatan masing-masing yang mana seorang pendakwa akan mengetahui jenis-jenis keterangan yang diterima di mahkamah dan boleh membimbing pegawai-pegawai penyiasat di jabatannya di dalam pengumpulan bukti-bukti yang relevan bagi sesuatu kesalahan.

Sehubungan dengan itu tugas pendakwa adalah tugas yang berat serta memerlukan kemahiran, kewibawaan dan integriti yang tinggi yang diperlukan bagi setiap pendakwa untuk memperlempapkan diri masing-masing dengan pengetahuan terkini berkenaan dengan undang-undang tatacara jenayah dan undang-undang keterangan.

Satu isu yang perlu menjadi perhatian sama ada kepada penyiasat, pendakwa atau hakim ialah kebajikan dan hak-hak saksi terutama

sekali mangsa-mangsa jenayah.

Sesuatu pendakwaan tidak mungkin berjaya tanpa saksi-saksi memberikan keterangan di mahkamah, maka adalah menjadi tanggungjawab penyiasat dan pendakwa untuk memastikan bahawa saksi-saksi diberi maklumat secukupnya mengenai proses penyiasatan serta pendakwaan, di samping diberikan bantuan yang perlu untuk hadir ke mahkamah dan memberikan keterangan mereka tanpa perasaan tertekan atau takut.

Pada hari pertama kursus tersebut oleh Timbalan-Timbalan Pendakwaraya iaitu Norhayati Dato Paduka Haji Omar, Dayangku Suzana binti Pengiran Haji Abas dan Dayang Suhana binti Haji Sudin.

Kursus tersebut diteruskan di hari berikutnya yang dibimbing oleh Timbalan-Timbalan Pendakwaraya iaitu Dayang Hajah Najwa binti Haji Abd. Majid, Dayang Aldila binti Haji Mohd. Salleh dan di sebelah petangnya kursus dibimbing oleh Dayang Suhana binti Haji Sudin.

Sementara Dayangku Hajah Hana Molina binti Pengiran Haji Mohammad, Dayang Noradinah binti Haji Ramlee dan Dayang Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abd. Ghani membimbing pada hari terakhir kursus tersebut.

Sesi kursus tersebut diakhiri dengan 'Mock Trial Preparations' yang dibimbing oleh para Timbalan Pendakwaraya dari Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara.

Menteri Pendidikan lawat SMPAPHM

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah

BERAKAS, Rabu, 31 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman meneruskan lagi siri lawatan kerja ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMP-SPHM), Lambak Kanan di sini.

Hadir sama dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan; Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin

Paduka Hajah Mariam; Pemangku Ketua Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Afsah dan para pegawai Kementerian Pendidikan.

Fokus lawatan tersebut adalah untuk mengetahui aspek-aspek pengurusan sekolah, perkembangan profesional guru-guru, pencapaian akademik dan ko-kurikulum sekolah.

Lawatan kerja itu diakhiri dengan menandatangani buku lawatan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan bergambar ramai.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan rombongan bergambar ramai bersama Pengetua dan guru-guru Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna. - Gambar ihsan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.



PARA pegawai Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara semasa mengendalikan kursus berkenaan.



AYAM-ayam ternakan dan peliharaan di ladang-ladang terdedah kepada jangkitan penyakit, justeru para pengusaha disarankan supaya sentiasa menjaga kebersihan persekitaran tempat-tempat berkenaan.

PENYAKIT Selesema Burung (Bird Flu) atau 'Highly Pathogenic Avian Influenza (HPA)' merupakan penyakit yang masih lagi membimbangkan masyarakat antarabangsa dan kini virus penyakit berbahaya itu telah melanda salah sebuah negara jiran di rantau ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan agar semua negara-negara termasuk Negara Brunei Darussalam meningkatkan kewaspadaan dan mengambil langkah-langkah tertentu dalam menangani kemungkinan berlakunya penyakit tersebut di negara masing-masing.

Dalam menyahut saranan WHO, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam kini telah pun menubuhkan Jawatankuasa 'Pandemic Influenza' bagi menyusun Pelan Tindakan Siap Sedia Menangani Pandemic Influenza bagi tujuan perlindungan kesihatan setiap warganegara.

Jawatankuasa tersebut telah menubuhkan beberapa jawatankuasa kecil bagi penyusunan terperinci pelan tindakan tersebut yang meliputi aspek-aspek pengendalian dalam pemantauan iaitu langkah pengawalan dan pencegahan, pengurusan pesakit, bantuan teknikal dan logistik, media dan perhubungan awam, perkhidmatan makmal serta keperluan tenaga manusia.

Pelan tindakan tersebut juga memberi penekanan terhadap perkara-perkara utama termasuk bekalan ubat-ubatan, vaksin, kemudahan kesihatan serta peralatan perubatan adalah mencukupi.

JANGKITAN

Penyakit Selesema Burung ialah sejenis penyakit berjangkit di kalangan burung-burungan seperti ayam, itik dan burung liar yang disebabkan oleh virus 'Influenza Type A'. Bagaimanapun, penyakit tersebut pertama kali dilaporkan menjangkiti manusia pada tahun 1997, semasa wabak penyakit itu berlaku di Hong Kong.

Pada asasnya, tanda-tanda klinikal penyakit pada binatang peliharaan ialah kadar kematian yang tinggi melebihi 20 peratus, petanda simptom penyakit yang berkaitan dengan sistem pernafasan, pengeluaran dan kualiti

telur ayam yang menurun, ayam-ayam yang lemah dan tiada selera makan serta pembengkakan pada bahagian kepala, mata dan kaki, pertukaran warna kebiruan pada balung, pial dan kaki, pengeluaran cecair yang berlebihan dari hidung, batu dan bersin serta tidak boleh berjalan dengan betul/seimbang dan cirit-birit.

RISIKO TINGGI

Mereka yang mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti penyakit Selesema Burung ialah mereka yang terdedah secara langsung dengan burung-burung yang dijangkiti seperti:

WASPADA TERHADAP PENYAKIT SELESEMA BURUNG

KELOLAAN HAJI AHAT HAJI ISMAIL
ahat.ismail@information.gov.bn

- * Tinggal berdekatan dengan tempat pembiakan burung atau kawasan ternakan ayam, itik dan burung-burungan.

- * Bekerja di ladang ternakan, rumah penyembelihan dan pasar.

- * Bertugas memeriksa tempat-tempat ternakan ayam, itik dan burung-burungan.

Tanda-tanda penyakit Selesema Burung di kalangan manusia adalah:

- * Panas badan.
- * Sakit tekak/kerongkong.
- * Selesema.
- * Batuk.
- * Jangkitan mata.
- * Sesak nafas atau susah bernafas.

Pada tahun lalu, virus avian telah merebak ke 10 negara di Asia, memaksa kira-kira 100 juga ekor unggas dibunuh, sebagai kaedah biasa antarabangsa yang digunakan bagi langkah kawalan terbaik selesema burung.

Sehingga kini, belum terdapat vaksin atau rawatan untuk penyakit Selesema Burung, yang mana kira-kira 70 peratus daripada mereka yang dijangkiti akan mati malah lebih teruk daripada kadar kematian yang disebabkan oleh ebola.

Kes jangkitan pertama manusia ke manusia didokumentasikan berlaku

di Thailand, melibatkan seorang budak perempuan berumur 11 tahun yang mati akibat penyakit itu tahun lepas, selepas menyentuh seekor ayam.

WHO, dalam maklum balas terhadap perembangan itu tidak dapat menyumbangkan kebimbangan jika virus itu lambat-laun melalui proses mutasi (perubahan), menjadikannya lebih mudah merebak di kalangan manusia.

Pada mulanya Selesema burung hanya berjangkit sesama spesies unggas seperti ayam, itik dan unggas liar sebelum menjangkiti manusia seperti sekarang. Walaupun tiada bukti-bukti saintifik lain yang boleh menguatkan



SEHINGGA kini, belum terdapat vaksin atau rawatan untuk penyakit Selesema Burung, yang mana kira-kira 70 peratus daripada mereka yang dijangkiti akan mati malah, lebih teruk daripada kadar kematian yang disebabkan oleh ebola.



PEMANTAUAN terhadap kebersihan reban ayam dan unggas kepunyaan orang-orang perseorangan adalah penting untuk menghindarkan jangkitan penyakit.

lagi penyebaran wabak ini sesama manusia, namun tetap wujud ancaman wabak demam selesema yang cukup membimbangkan.

WHO tidak menolak kemungkinan ia berupaya menyebabkan pandemik, sekali gus menyaingi wabak-wabak pada tahun 1918, 1957 dan 1968 yang telah mengorbankan puluhan juta manusia.

Pada tahun lalu tiga negara jiran dalam ASEAN dilanda teruk penyakit tersebut yang membawa maut kepada rakyat negara masing-masing selain, terpaksa menghapuskan ribuan ayam, burung dan unggas yang dijangkiti virus tersebut.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Negara Brunei Darussalam telah berusaha melakukan pemantauan, di samping menubuhkan Jawatankuasa Pandemik Influenza bagi menyusun Pelan Tindakan Siap Sedia

menangani virus itu.

Di samping jawatankuasa tersebut, Jabatan Pertanian juga baru-baru ini menyediakan pelan tindakan yang meliputi program pencegahan yang dilaksanakan sebelum terjadi wabak HPA dan program pembasmian jika terjadi wabak tersebut di negara ini.

LANGKAH BERJAGA-JAGA

Sebagai langkah berjaga-jaga terhadap ancaman penyakit tersebut orang ramai dinasihatkan supaya:

- * Menjaga kebersihan persekitaran, rumah, terutamanya di ladang ternakan, rumah penyembelihan dan pasar.
- * Kebersihan juga harus dijaga semasa mengendalikan ayam atau burung-burungan yang hendak dimasak.
- * Jaga kebersihan diri dengan sentiasa mencuci tangan dengan menggu-

nakan sabun dan air yang bersih.

- * Pastikan ayam atau burung-burungan dimasak dengan sempurna, sekurang-kurangnya pada suhu 70 selsius untuk memastikan virus tersebut musnah. Telur juga hendaklah dimasak dengan sempurna, elakkan diri memakan telur setengah masak atau telur masak mata lembu.

- * Dinasihatkan supaya tidak mengunjungi ladang ternakan, sama ada di dalam atau di luar negeri.

- * Pastikan ayam peliharaan dikurung dan tidak dibiarkan berkeliaran.

- * Hindarkan kanak-kanak dari menghampiri atau bermain-main dengan ayam dan burung-burungan.

- * Jika awda mempunyai risiko yang tinggi bagi penyakit Selesema Burung dan mempunyai tanda-tanda penyakit Selesema Burung, segera berjumpa doktor.



PENYEMBELIHAN ternakan perlu dilakukan mengikut prosedur penyembelihan yang ditentukan oleh hukum syarak.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

KAD UCAPAN HARI RAYA MASIH RELEVAN

OLEH ABDULLAH ASGAR
abdullah.asgar@information.gov.bn

“JARI sepuluh disusun tanda maaf kupohon” atau “Kad Raya dikirim sebagai pengganti diri di hari yang mulia ini”, itu adalah antara kata-kata atau ucapan yang terkandung dalam Kad Ucapan Selamat Hari Raya yang banyak dikirim sebelum munculnya era siber.

Akan tetapi pada hari ini hanya segelintir masyarakat Islam di seluruh dunia menggunakan Kad Ucapan Selamat Hari Raya untuk dikirimkan kepada sanak saudara atau rakan dan sahabat kerana wujudnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sistem perhubungan yang canggih dan cepat.

Namun jika diimbis kembali Kad Raya sebenarnya lebih mengeratkan hubungan silaturahim dan lebih bermakna bagi si penerima kerana si pengirim dengan bersusah payah mengirimkan kad semata-mata memohon maaf di hari yang mulia dan mengucapkan Selamat Hari Raya, Kad Hari Raya dibuat dengan begitu rupa dan bentuk oleh si pengirim dengan kreatif.

Sekarang melalui ruang angkasa yang tak bersempadan orang lebih suka mengirim ucapan Selamat Hari Raya dan memohon maaf melalui internet, sms, telefon bimbit, e-mel, faksimili, telex dan telefon biasa.

Malah melalui e-mail si pengirim dapat meluahkan rasa isi hati dalam Ucapan Selamat Hari Raya kerana tiada had bagi si pengirim, ditambah lagi ia percuma dan cepat, cuma si pengirim dan si penerima mestilah berlanggan terlebih dahulu sama ada melalui Yahoo mail atau Hotmail.

Mengirimkan ucapan Selamat Hari Raya cara demikian lebih mudah dan menyenangkan berbanding dengan menggunakan Kad Hari Raya yang dijual atau dibuat dengan harga yang berlainan, malah ruang menulisnya pun agak terhad.

Bahkan urusan mengirim juga memakan masa paling cepat dua hari jika dipos di dalam negeri dan jika ke luar negara mungkin seminggu, ini belum termasuk kos pem-

belian setem bagi setiap sampul surat yang ditimbang mengikut beratnya.

Berbeza pula dengan sms yang menggunakan telefon bimbit yang juga mempunyai ruang terhad tetapi ia boleh diterima serta-merta walaupun si penerima berada di luar negara dan kos penghantaran pun agak murah tertakluk kepada pengendali telefon berkenaan.

Begitu juga dengan faksimili yang cepat cuma si pengirim dan si penerima perlu memiliki mesin faksimili yang disambungkan dengan talian telefon, di mana si penerima boleh menerima langsung ucapan tersebut. Biasanya ucapan melalui pengiriman faksimili dikenakan bayaran antara \$1.50 hingga \$2.50 tertakluk kepada destinasi ucapan berkenaan dikirimkan.

Walaupun bagaimanapun penyampaian ucapan Selamat Hari Raya melalui Kad Hari Raya lebih bermakna dan mempunyai mesej yang lebih bererti kerana Kad Hari Raya yang ada di pasaran beraneka bentuk, warna dan dibuat dengan memuatkan pelbagai gambar serta dituliskan dengan kata-kata yang menyentuh perasaan.

Oleh itu pengiriman Kad Hari Raya di era siber ini masih relevan kerana ia membawa erti bagi si pengirim dan si penerima.



UCAPAN 'Selamat Hari Raya' melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) lebih mudah dan cepat.

WALAU bagaimanapun penyampaian ucapan Selamat Hari Raya melalui Kad Hari Raya lebih bermakna dan mempunyai mesej yang lebih bererti kerana Kad Hari Raya yang ada di pasaran beraneka bentuk, warna dan dibuat dengan memuatkan pelbagai gambar dan dituliskan dengan kata-kata yang menyentuh perasaan.



SALAM Hari Raya melalui mel-elektronik (e-mail) popular di kalangan remaja.



KAD Ucapan Hari Raya yang memuat pelbagai bentuk ilustrasi dan rangkai kata yang bersesuaian masih digemari.

PUSAT SUMBER KERJAYA

'Menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bimbingan'

JUMLAH lepasan sekolah dan institusi pendidikan tinggi semakin meningkat setiap tahun. Rata-rata mereka mencari pekerjaan yang sesuai dengan pelbagai kelulusan dan minat masing-masing seperti akademik biasa, lepasan institusi teknikal dan vokasional, maktab, universiti dalam dan luar negeri.

Sebilangan mereka agak lama untuk mendapatkan pekerjaan tetap yang bukan sahaja sesuai dengan minat tetapi juga dapat dijadikan kerjaya untuk jangka masa panjang. Salah satu sebabnya termasuklah tidak mengetahui di mana terdapatnya peluang-peluang pekerjaan, di samping tidak begitu faham tentang saluran dan cara memohon.

Bagi pihak majikan pula, kebanyakan permohonan bagi satu-satu jawatan yang mereka diiklankan kurang menepati kriteria yang dikehendaki. Mungkin lebih banyak pencari kerja yang berkecayaan dan menepati kehendak mereka tetapi tidak mengetahui tentang jawatan yang diiklankan itu.

Dalam keadaan ini, adalah lebih baik bagi pencari-pencari kerja untuk mendaftarkan diri ke Jabatan Buruh yang mungkin dapat membantu mereka atau memberikan senarai nama mereka kepada majikan-majikan yang berkecayaan dengan bidang tugas yang diperlukan.

Satu lagi perkara penting yang perlu diketahui oleh para pelajar sebelum menceburi diri ke alam pekerjaan ialah memilih jurusan yang tepat sebelum melanjutkan pelajaran sama ada bagi pendidikan akademik, vokasional atau mengikuti kursus dan latihan. Ia perlu sesuai dengan minat dan potensi pasaran kerja yang dikehendaki oleh para majikan pada masa kini dan di masa hadapan.

PUSAT SUMBER

Selain Jabatan Buruh, para lepasan sekolah dan

graduan juga boleh mendapatkan khidmat melalui Pusat Sumber Kerjaya (PSK), Kementerian Pendidikan. Pusat ini berfungsi sebagai sebuah 'One Stop Centre' bagi para lepasan sekolah dan graduan institusi-institusi pendidikan tinggi yang sedang mencari pekerjaan.

Idea menubuhkan PSK pada mulanya diumumkan dalam ucapan bekas Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-13 di Universiti Brunei Darussalam.

Cadangan itu diperkukuhkan lagi melalui ucapan bekas Timbalan Menteri Pendidikan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi bin Haji Osman di Majlis Konvokesyen Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada 21 Ogos 2003.

Sejak dari itu, penubuhan PSK telah menjadi kenyataan melalui usaha pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan serta bantuan Pihak Pengurusan Kompleks Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Agensi-agensi lain yang turut memainkan peranan penting termasuklah British Council, Hongkong and Shanghai Bank Corporation Limited, Star Trading & Printing Sendirian Berhad, Galfar Pembinaan & Perusahaan (B) Sendirian Berhad, AIFA Sendirian Berhad, B.S. Syscom (B) Berhad, Brunei Press Sendirian Berhad, Kemuda dan IDP Education Australia (B).

Pusat ini mula beroperasi pada bulan November 2003 di pejabatnya, sementara di bawah seliaan Unit Kerjaya dan Kaunseling di Jalan Ong Sum Ping. Dalam tempoh seminggu

penubuhannya pusat ini menerima pelbagai pertanyaan, di samping menerima banyak pendaftaran.

Walaupun ketika itu ia hanya dihasratkan untuk memenuhi keperluan lepasan PMB, N dan O Level sahaja tetapi sejumlah 600 pencari kerja melalui pelbagai peringkat kelulusan telah mendaftarkan diri ke pusat ini.

Sehingga pertengahan tahun 2004, pihak PSK telah menerima pendaftaran dari tiga pemegang diploma, 21 lulusan A Level, 306 lulusan O Level, 78 N Level, 11 lulusan institusi agama, 14 lulusan institusi teknikal dan vokasional, 89 lulusan PMB/BJCE dan 86 lulusan pelbagai peringkat pendidikan. Jumlah tersebut semakin meningkat dari masa ke semasa.

Dalam masa sembilan bulan penubuhannya PSK telah berjaya mencari pekerjaan kepada para pegawai PSK begitu giat mengadakan jera-yawara, interviu dan publisiti untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai kewujudan pusat dan perkhidmatan tersebut.

OBJEKTIF

Antara objektif PSK ini ialah:

- * Mencari peluang-peluang pekerjaan untuk pencari-pencari kerja.
- * Menyediakan maklumat kepada bakal-bakal majikan tentang para lulusan sekolah dan siswazah.
- * Melengkapkan para lepasan sekolah dan siswazah dengan kemahiran-kemahiran mencari kerja.
- * Melaksanakan kursus-kursus pendek kepada pencari kerja.
- * Menyediakan khidmat nasihat tentang jenis pekerjaan dan prospek.

* Menyediakan khidmat kaunseling bagi pencari-pencari kerja dengan tujuan membantu mereka membuat keputusan memilih kerjaya secara bijak-sana.

* Membantu para lepasan sekolah dan siswazah memahami diri secara mendalam melalui penggunaan inventori minat kerja.

* Membekalkan maklumat mengenai pendidikan pengajian tinggi, sama ada di institusi tempatan mahupun di luar negeri.

PERKHIDMATAN

Jenis-jenis perkhidmatan lain yang disediakan oleh pusat ini ialah perkhidmatan memberi maklumat; perkhidmatan penempatan kerja; perkhidmatan kaunseling dan latihan. Mereka yang memerlukan perkhidmatan ini termasuklah:

* **PELAJAR** : Mereka boleh mendapatkan nasihat dan bimbingan dalam memilih kerjaya yang sesuai dengan minat dan potensi mereka.

* **PENCARI KERJA**: Mereka boleh mendapatkan maklumat mengenai pelbagai jenis kerjaya di pasaran, di samping dibantu untuk mendapatkan pekerjaan.

* **BELIA**: Mereka boleh mendapatkan nasihat dan kaunseling bagi perancangan masa depan.

* **IBU BAPA**: Mereka boleh mendapatkan maklumat mengenai pelbagai jenis pekerjaan dalam pasaran yang dengannya dapat membantu anak mereka membuat keputusan memilih kerjaya dengan bijaksana.

SUMBER

Bahan-bahan dan sumber di pusat ini disediakan untuk semua klien. Penggunaan akses kepada sumber-sumber berikut:

- * Komputer
- * Maklumat tentang pasaran buruh
- * Maklumat pendidikan dan pekerjaan terkini.

* Prospektus dari maktab-maktab dan universiti-universiti tempatan dan sebarang laut.

* Contoh surat lampiran (covering letter), resume dan tip-tip untuk temu duga.

* Akses kepada beberapa laman web maktab-maktab dan universiti-universiti.

* CD-Rom dan DVD yang mengandungi maklumat maktab dan universiti.

* Bahan ujian inventori minat.

PERSEDIAAN PEKERJAAN

PSK juga menyediakan sumber-sumber persediaan pekerjaan merangkumi:

- * Bantuan kepada penungjung untuk menyediakan resume.
- * Bantuan untuk menghalusi resume yang disediakan sendiri.
- * Melatih teknik-teknik menjalani temu duga.
- * Cara-cara mewujudkan imej profesional.

BENGKEL

Pusat ini juga menyediakan bengkel-bengkel seperti berikut:

- * Bengkel menulis surat lampiran dan resume.
- * Bengkel temu duga.
- * Bengkel kemahiran mencari pekerjaan.
- * Bengkel membentuk sikap positif pencari kerja.
- * Bengkel kemahiran berkomunikasi secara berkesan.
- * Bengkel etika kerja.

Usaha baik yang diungkapkan oleh PSK harus diberikan pujian dan sokongan dari semua pihak. Para majikan khususnya harus memberikan kerjasama yang erat kepada PSK dengan sentiasa memberikan maklumat mengenai kekosongan jawatan dalam agensi atau syarikat mereka.

Bagi lepasan sekolah, siswazah dan pencari kerja khasnya, mereka hendaklah memanfaatkan perkhidmatan PSK dengan



Oleh Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

sebaiknya. Sikap sabar, usaha berterusan dan tidak terlalu memilih kerja merupakan ciri-ciri penting yang harus dimiliki oleh para pencari kerja. Sikap positif seperti itu akan membantu mereka untuk terus maju dalam mengharungi kehidupan.

PERANCANGAN

Dr. Ee Ah Ming dalam artikelnya 'Usaha Mencari Pekerjaan' menyebut, seseorang pencari kerja perlu membuat perancangan awal dalam usahanya mendapatkan pekerjaan. Perancangan adalah penting bak kata pepatah Inggeris yang berbunyi 'If you fail to plan, you plan to fail'.

Kita paparkan beberapa tips atau saranan Dr. Ee Ah Ming kepada pencari-pencari kerja. Katanya, setelah sahaja tamat persekolahan atau pengajian di sesebuah institusi, seseorang pencari kerja perlu berusaha mengumpul seberapa banyak maklumat mengenai jenis-jenis pekerjaan yang ada di pasaran.

Antara cara lain yang dapat dilakukan ialah rajin membaca iklan di akhbar-akhbar tempatan seperti PELITA BRUNEL, Borneo Bulletin dan Media Permata; membentuk jaringan dengan individu-individu berlainan; membuat pertanyaan melalui telefon; mendaftar di Pejabat Buruh dan agensi-agensi pekerjaan atau secara walk in.

Sebahagian daripada pekerjaan kosong juga dimuatkan dalam laman web seperti where2cari kerja atau brudirect.com. Selain dari sumber tersebut, pencari kerja harus melawat ke pameran kerjaya, syarikat-syarikat dan majikan-majikan.

PROAKTIF

Pencari kerja yang bersikap proaktif dapat meningkatkan lagi peluangnya untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan sikap sedemikian, dia tidak sekadar menunggu iklan-iklan jawatan kosong yang disiarkan dalam surat khabar sebaliknya akan merujuk buku panduan telefon dan menghubungi syarikat-syarikat berkenaan untuk bertanya mengenai peluang-peluang pekerjaan.

Selain dari itu, dia juga bersedia mendatangi pejabat, firma atau syarikat dan menemui pengurus perjawatan untuk memohon satu-satu jawatan. Selalunya pencari kerja sedemikian akan berjaya mendapatkan pekerjaan dengan lebih cepat berbanding dengan seorang yang bersifat pendiam atau introvert.

TABAH

Tabah hati merupakan satu lagi ciri penting bagi seseorang pencari kerja. Sebilangan pencari kerja mulai berasa kecewa atau berputus asa setelah permohonan kerja mereka ditolak beberapa kali.

Seorang pencari kerja yang sanggup menulis berpuisi-puisi pucuk surat permohonan kerja mempunyai peluang yang lebih baik berbanding mereka yang hanya menghadapkan permohonan beberapa kali sahaja.

Sifat untuk terus mencuba merupakan aspek penting bagi seseorang pencari pekerjaan. Pencari kerja seharusnya bersikap bahawa dia belum gagal selagi dia terus mencuba. Dia perlu berpegang kepada pepatah 'When the going gets tough, only the tough gets going'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA

Bahagian VI

BIL.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pembekalan keperluan pengusaha kolam ikan di Daerah Tutong dan Daerah Belait seperti ais dan lain-lain.	1 hari
2.	Permohonan bagi menggunakan bekalan elektrik jabatan.	1 hari



SAMBUTAN Nuzul Al-Quran telah dianjurkan oleh Badan Penerangan Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei dengan acara yang sederhana tetapi menarik minat orang ramai di kawasan Lagoon Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada 16 November 1970.

Sambutan tersebut telah dibuka rasmi oleh Pengetua Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin.

Antara acara di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran itu ialah Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Pertunjukan Tatoo di air yang menceritakan kepahlawanan Tariq bin Ziad yang terkenal sebagai seorang pahlawan dan tokoh Islam.

ZAKAT FITRAH RINGANKAN BEBAN ORANG SUSAH

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa serta penuh dengan keyakinan dan keikhlasan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Harta merupakan kurnia Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-hamba-Nya yang menjadi keperluan setiap orang, kerana harta boleh membawa kebahagiaan, akan tetapi sebaliknya, jika salah penggunaan, harta itu boleh membawa kebinasaan. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab setiap pemiliknya untuk mentadbir dan menguruskannya dengan betul dan bijaksana menurut ajaran Islam, seperti membelanjakannya pada perkara-perkara yang baik dan berfaedah, memberi nafkah kepada orang-orang yang di bawah tanggungjawabnya serta menyalurkan ke arah perkara yang berkebaikan seperti bersedekah dan lebih-lebih lagi mengeluarkan zakat.

Setiap hamba Allah wajib menunaikan tanggungjawab tersebut dan agama Islam telah memperuntukkan cara pengurusan harta-harta itu melalui dalil-dalil atau nas-nas yang diwahyukan Allah Subhanahu Wataala kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hadiid ayat 7 tafsirnya:

"Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan belanjakanlah pada jalan kebajikan sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan sebahagian dari harta itu pada jalan Allah, mereka tetap beroleh pahala yang besar."

Alhamdulillah, pada masa ini kita sedang berada di dalam bulan Ramadan, di mana pada bulan ini kita juga diwajibkan menunaikan zakat fitrah iaitu dengan mengeluarkan sebahagian harta atau bahan makanan yang utama menurut ketentuan dan ukuran yang ditentukan oleh syarak.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maknanya:

"Dari Ibnu Umar Radiallahuanhu dia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan zakat fitrah (di bulan Ramadan), satu gantang dari tamar atau satu gantang dari gandum ke atas hamba sahaya, orang merdeka, laki-laki, perempuan, kanak-kanak, orang tua dari segenap orang Islam dan memerintahkan untuk menunaikannya sebelum manusia mengerjakan sembahyang (Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri)."

Ketahuilah wahai kaum Muslimin, sebagaimana yang disebutkan dalam kitab-kitab fikah bahawa waktu mengeluarkan zakat fitrah itu terbahagi kepada lima, iaitu:

Waktu wajib: Sesudah jatuh matahari akhir bulan Ramadan.

Waktu sunat: Selepas Sembahyang Fardu Subuh hingga imam mendirikan Sembahyang Hari Raya.

Waktu harus: Dari awal bulan Ramadan.

Waktu makruh: Selepas Sembahyang Hari Raya hingga jatuh matahari Hari Raya.

Waktu haram: Sesudah jatuh matahari Hari Raya.

Pensyariatan dan ke-farduan zakat itu sebenarnya banyak mengandungi rahsia dan hikmatnya sebagaimana juga dengan ibadat puasa. Di antara hikmat tersebut ialah untuk menampal kekurangan-kekurangan yang berlaku ketika berpuasa yang mungkin dilakukan dengan tidak diketahui atau tidak disengajakan seperti terlanjur mengeluarkan kata-kata yang kurang baik atau melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Islam, umpamanya mengumpat, memaki orang, melihat perkara-perkara maksiat dan sebagainya. Semua ini adalah perbuatan yang boleh merosakkan ibadat

puasa atau boleh mengurangkan pahala puasa, bahkan kadang-kadang boleh menyebabkan puasa itu menjadi sia-sia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah maksudnya:


"Dari Ibnu Abbas Radiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan zakat fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa dari segala perkataan-perkataan keji dan buruk (yang ia lakukan dalam masa ia berpuasa)."

Hikmat zakat fitrah itu dari sudut kemasyarakatan pula ialah zakat fitrah itu boleh menimbulkan perasaan kasih sayang dan kegembiraan di antara sesama Islam, di samping ianya juga dapat meringankan beban orang-orang yang susah seperti orang fakir dan miskin, lebih-lebih lagi untuk menyediakan persediaan mereka bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Se-

ungguhnya jika seseorang manusia itu tidak memikirkan keadaan seumpama ini dan tidak menaruh perasaan belas kasihan terhadap kedaifan seseorang manusia khususnya saudara Islam yang lain, nescaya Allah Subhanahu Wataala tidak akan mempedulikan mereka, jauh sekali akan menyayangi mereka. Ini ada dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya:

"Dari Jarir bin Abdulah berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Allah tidak akan mengasih si-siapa yang tidak mengasih hamba-Nya yang lain."

Menunaikan zakat harta atau zakat fitrah adalah diwajibkan bagi mereka yang telah mencukupi syarat-syaratnya dan Allah Subhanahu Wataala akan melaknat orang yang tidak mahu menunaikannya. Kerana itu di dalam



HIKMAT zakat fitrah itu dari sudut kemasyarakatan pula ialah zakat fitrah itu boleh menimbulkan perasaan kasih sayang dan kegembiraan di antara sesama Islam, di samping ianya juga dapat meringankan beban orang-orang yang susah seperti orang fakir dan miskin, lebih-lebih lagi untuk menyediakan persediaan mereka bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sesungguhnya jika seseorang manusia itu tidak memikirkan keadaan seumpama ini dan tidak menaruh perasaan belas kasihan terhadap kedaifan seseorang manusia khususnya saudara Islam yang lain, nescaya Allah Subhanahu Wataala tidak akan mempedulikan mereka, jauh sekali akan menyayangi mereka.

Al-Quran dan Al-Hadis banyak memberikan anjakan dan amaran sebagai peringatan dan pengajaran, bahkan banyak cerita-cerita atau kisah-kisah mengenai orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat tercatat di dalam sejarah Islam untuk menjadi iktibar kepada kita.

Di antara azab atau seksa yang bakal diterima oleh mereka yang ingkar mengeluarkan zakat itu adalah sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang di-

riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang bermaksud:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang dikurniakan harta tetapi tidak mahu mengeluarkan zakatnya, maka pada Hari Kiamat nanti hartanya itu dijadikan ular yang botak kepalanya (kerana banyak menyimpan racun) dan mempunyai dua taring di rahangnya. Ular besar tersebut akan membelit lehernya (leher orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat) pada Hari Kiamat, lalu memeluk kedua pahanya secara terus-menerus. Lalu ular itu berkata: Akulah hartamu dulu, akulah simpananmu di dunia dulu yang kamu tidak mengeluarkan zakatnya."

Cubalah bayangkan betapa dahsyatnya azab yang ditimpakan kepada orang yang ingkar mengeluarkan zakat sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Mudah-mudahan kita dijauhkan dari azab yang sedemikian dan terhindar dari termasuk dalam golongan yang ingkar mengeluarkan zakat.

Ketahuilah bahawa syaitan sentiasa mempengaruhi manusia supaya tidak mengeluarkan zakat,

sedang Allah Subhanahu Wataala menjanjikan keampunan, rahmat dan balasan yang berlipat ganda di sisi-Nya. Oleh itu tunaikanlah zakat dan keluarlah zakat fitrah dan jangan kita terlalai sehingga kita terlupa untuk menunaikannya, nuzubillahi minzalik.

Akhirnya kerjakanlah ibadat puasa dengan tekun serta menjaga adab-adab berpuasa, mudah-mudahan ibadat puasa kita dan zakat yang kita tunaikan itu akan diterima serta mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wataala jua. Amin ya rabbalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubah ayat 60 tafsirnya:

"Sesungguhnya sedekah itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan orang musafir yang keputusan dalam belanjanya, ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah, dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

وقت سمبهيڭ، امساك، شوروڤ دان ضحى

وقت ٢ سمبهيڭ، امساك، شوروڤ دان ضحى باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 15 رمضان، 1426 برسمان دغن

19 اوكتوبر، 2005 هيڭك كهاري ثلاث، 21 رمضان، 1426 برسمان دغن 25 اوكتوبر، 2005 اداله سقرت دباوه اين-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروڤ	ضحى	مسيحي
رمضان									اوكتوبر
15	12.07	3.24	6.06	7.16	4.38	4.48	6.05	6.28	19
16	12.07	3.25	6.06	7.15	4.38	4.48	6.05	6.28	20
17	12.07	3.25	6.05	7.15	4.38	4.48	6.05	6.28	21
18	12.06	3.25	6.05	7.15	4.38	4.48	6.05	6.28	22
19	12.06	3.25	6.05	7.15	4.37	4.47	6.05	6.28	23
20	12.06	3.25	6.04	7.15	4.37	4.47	6.05	6.28	24
21	12.06	3.25	6.04	7.14	4.37	4.47	6.05	6.28	25

وقت ٢ سمبهيڭ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

PERSOALAN MEMBERI SALAM

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

MAJLIS YANG BERCAMPUR ORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM

JIKA dalam sesuatu majlis terdapat percampuran di antara orang Islam dengan bukan Islam, maka disunatkan kita memberi salam dengan niat memberi salam kepada orang Islam sahaja. Ini berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti mana yang diriwayatkan daripada Usamah bin Zaid Radiallahuanhu, beliau berkata yang maksudnya:

"*Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah melalui satu majlis yang di dalamnya bercampur antara orang Islam dan kaum Musyrikin, penyembah berhala serta orang-orang Yahudi, maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberi salam kepada mereka.*" (Hadis Riwayat Al-Bukhari

dan Muslim).
Sebaliknya adalah haram memberi salam ke atas kaum Nasrani dan Yahudi. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"*Janganlah kalian terlebih dahulu memberi salam kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Apabila kalian bertemu dengan salah seorang dari mereka di jalan, maka mintalah agar mereka menyisih.*" (Hadis riwayat Muslim).

Dan apabila mereka yang memberi salam, maka wajib menjawab salam dengan mengucapkan 'waalaikum' sahaja,



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

seperti mana yang diriwayatkan daripada Anas Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"*Apabila Ahlul-Kitab memberi salam kepada kamu, maka jawablah dengan 'waalaikum.'*" (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

SALAM KETIKA MASUK DAN KELUAR

Memberi salam itu bukan sahaja disunatkan

ketika bertemu, masuk ke rumah atau majlis, malah kita disunatkan juga mengucapkan salam ketika berpisah atau keluar daripada rumah atau majlis. Seperti mana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"*Apabila salah seorang daripada kamu sampai di suatu majlis, maka hendaklah ia memberikan salam, lalu apabila ia hen-*

dak meninggalkannya, maka hendaklah ia memberikan salam. Tidakkah salam pertama itu lebih utama dari salam terakhir." (Hadis riwayat Abu Daud dan At-Termizi).

SALAM KANAK-KANAK

Disunatkan memberi salam kepada kanak-kanak dan jika mereka memberi salam, maka wajib menjawabnya kerana hadis yang diriwayatkan daripada Anas Radiallahuanhu menyebutkan yang maksudnya:

"*Bahawasanya ketika beliau (Anas Radiallahuanhu) melalui perkumpulan kanak-kanak, beliau memberi salam ke atas mereka dan beliau mengatakan: "Demikianlah yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."* (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Bilangan 211 Bahagian Keempat

Adapun seseorang memberi salam kepada jemaah yang di dalamnya ada kanak-kanak lalu dijawab salam itu oleh kanak-kanak sahaja, maka tidak gugur kewajipan salam itu seperti mana yang diterangkan oleh Imam An-Nawawi, maka diwajibkan bagi jemaah itu menjawab salam tersebut atau salah seorang daripadanya.

MENYAMPAIKAN SALAM

Salam juga boleh diutus atau dikirim melalui seseorang atau surat. Jika salam yang diutus melalui surat itu sampai kepada orang yang ditujukan, maka wajib salam itu dijawab dengan segera.

Salam yang dikirim melalui seseorang wajib disampaikan oleh orang yang membawa salam, kerana ia merupakan satu amanah. Jika salam yang

diutus melalui seseorang sampai kepada orang yang ditujukan salam, maka wajib orang yang ditujukan salam menjawab salam dengan segera dan sunat juga menjawab kepada penyampai itu dengan berkata yang maksudnya:

"*Dan ke atas awak dan ke atasnya kesejahteraan.*"

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah Radiallahuanha bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepadanya yang maksudnya:

"*Sesungguhnya Jibril Alaihissalam memberi salam ke atasmu.*" Aisyah menjawab: *Ke atasnya (Jibril Alaihissalam) Kesejahteraan dan Rahmat Allah.*" (Hadis riwayat Al-Bukhari).

BERSAMBUNG

KEDUDUKAN ORANG YANG BERPUASA DAN KELEBIHANNYA DI SISI ALLAH

PUASA adalah bertujuan melatih seseorang itu bersifat sabar dengan taat menjunjung perintah Allah, menjauhkan dan meninggalkan segala larangan-Nya, bersifat dengan rela menerima ujian qadak dan qadar-Nya tidak ada padanya keluhan-kesah, rungut dan menyesali nasib dirinya apatah lagi merajuk dan putus asa dengan rahmat Allah atau kesal dengan hikmah kuasa-Nya.

Di dalam hal ini, kedudukan orang yang berpuasa itu bukanlah setakat berlapar dahaga sahaja tetapi menuntut segala keredaan Allah Azzawajalla. Sebagaimana diriwayatkan dari Umar Radiallahuanhu, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. "*Bukanlah berpuasa itu setakat berlapar dahaga daripada makanan dan minuman sahaja tetapi puasa itu ialah menyekat diri dari berbuat bohong, pekerjaan batil dan menyekat diri daripada pekerjaan yang sia-sia.*"

Dengan memahami segala huraian dan kehendak puasa di atas, selain daripada menahan diri daripada lapar dan dahaga, ternyata puasa juga melatih diri seseorang itu daripada berbuat perkara-perkara yang berkebalikan dan meningkatkan amal ibadat di sepanjang bulan puasa. Kita juga digalakkan dengan berbuat kebajikan dan meninggalkan segala maksiat dan kemungkaran seperti melazimkannya dengan sembahyang berjemaah, meringankan makan dan minumannya, memperbanyakkan zikir dan mengingat Allah sama ada dengan berjemaah Sembahyang-semahyang Sunat Tarawih, Witir, Sunat-sunat Rawatib atau berdiri malamnya dengan sunat tahajjud dan seumpamanya, memperbanyak berselawat, beristighfar bertasbeih dan berdoa memohon rahmat daripada Allah dan kurnia-Nya, menghubungkan silaturrahim serta membantu fakir dan miskin pada makan dan minum

dan seumpamanya, kerana kesemuanya itu kelakuan dan perubahan yang dituntut supaya berkekalan agar kita mendapat keampunan Allah dan rahmat daripada-Nya.

Puasa itu mempunyai banyak kelebihan-nya di sisi Allah Subhanahu Wataala. Sebagaimana tersebut di dalam sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Baihaqi daripada Jabir Radiallahuanhu Alaihi Wasallam. Katanya telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"*Dikurniakan kepada umatku di dalam bulan Ramadan itu lima perkara yang belum pernah dikurniakan kepada seseorang pun Nabi yang dahulu daripada aku:*

1. Apabila tiba awal Ramadan memerhatilah Allah kepada mereka itu dan

barangsiapa yang pernah diperhatikan Allah nescaya tidaklah ia akan disiksa azab-Nya selama-lamanya.

2. Sesungguhnya bau mulut mereka ketika petang hari pada masa berpuasa itu lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi.

3. Bahawasanya segala malaikat itu sentiasa memohonkan ampun kepada Allah pada tiap-tiap hari puasanya.

4. Sesungguhnya Allah memerintahkan kepadanya sambil berfirman, bersiap-siaplah kamu wahai Syurga dan berhiaslah kamu kerana hamba-Ku itu hampir beristirahat bersenang-senang diri daripada kepenatan dan keletihan dunia hendak kembali masuk ke rumah kemuliaan-Ku.

PUASA adalah bertujuan melatih seseorang itu bersifat sabar dengan taat menjunjung perintah Allah, menjauhkan dan meninggalkan segala larangan-Nya, bersifat dengan rela menerima ujian qadak dan qadar-Nya tidak ada padanya keluhan-kesah, rungut dan menyesali nasib dirinya apatah lagi merajuk dan putus asa dengan rahmat Allah atau kesal dengan hikmah kuasa-Nya.

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

5. Apabila tiba pada malam akhir puasa, Allah mengurniakan keampunan kepada mereka itu sekalian, bertanya salah seorang lelaki daripada satu kaum. Adakah itu Malam Lailatulqadar ya Rasulullah? Jawab Baginda bukan, tidakkah kamu saksikan tiap-tiap orang yang bekerja manakala mereka itu telah selesai bekerja dan mereka itu terus dibayar upah mereka?"

Begitulah, betapa besarnya kedudukan bagi orang-orang yang berpuasa di sisi Allah Subhanahu Wataala, terdapat banyak yang boleh kita memperolehinya setelah berjuang melawan hawa nafsu daripada perkara-perkara yang membatakannya dengan hanya mengharap keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Oleh yang demikian maka hendaklah kita melakukan dan menyempurnakan puasa itu dengan sebaik-baiknya dan janganlah ianya dilakukan dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan dan mengurangkan pahala puasa itu sendiri, kerana mereka yang berpuasa tidak memenuhi tujuan yang sebenar, maka ibadat puasanya itu menjadi sia-sia, bukan pahala yang diperolehi, hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja.

BATAS PATUH BAGI KANAK-KANAK

DALAM memimpin anak-anak kita menuju kematangan adalah menjadi satu kesilapan untuk menganggap kepatuhan itu sebagai suatu kebaikan dalam diri sendiri.

Seorang kanak-kanak yang mematuhi setiap perintah kita mungkin menyenangkan, tetapi dia akan menjadi seorang yang hilang inisiatifnya dan selalu menunggu perintah untuk melaksanakan sesuatu. Kanak-kanak seperti ini memang mudah untuk dihadapi, tetapi malangnya pada masa-masa akan datang, ia dengan mudah sekali terdedah kepada kesukaran apabila dia terpaksa membawa jalan hidupnya sendiri di masa akan datang.

Namun begitu ada peraturan-peraturan hidup tertentu yang mesti dipelajari dan dipatuhi oleh setiap orang, dan semakin awal peraturan itu dipelajari adalah semakin baik. Sebagai anak damit dan kemudian sebagai seorang kanak-kanak, ia mesti diajar untuk mengerti bahawa ia tidak sentiasa dapat melakukan sesuatu yang hendak dibuatnya dengan sesuka hatinya, ini bukan sahaja kerana kita mahu mengajar mereka supaya menurut perintah, tetapi kerana peraturan-peraturan itu merupakan sebahagian daripada hidup kita dan juga supaya mereka belajar menjadi seorang yang matang.

Bila kita memperhentikan tentang peraturan-peraturan yang penting itu nescaya kita akan dapati bahawa masih banyak lagi peluang-peluang kecil yang sudah cukup untuk membiarkan kanak-kanak itu mendapatkan pelbagai kebebasan untuk melaksanakan inisiatifnya sendiri.

Peraturan-peraturan yang penting itu, ialah peraturan-peraturan yang kita semua hormati untuk hidup dengan saksama dan berperaturan. Kita menetapkan waktu makan dan waktu tidur, kita mempunyai peraturan-peraturan tertentu untuk menjaga kebersihan, kerana kebersihan itu perlu bagi kesihatan, kita belajar menghormati hak milik orang lain, kita belajar untuk mengelak bahaya-bahaya jalan raya dan bahaya-bahaya lain, kita juga belajar untuk menimbang perasaan orang lain.

Adalah sangat mudah untuk difahami bahawa jika peraturan-peraturan tersebut dihormati dari sejak kecil lagi, nescaya ia akan diregapi dan diterima sebagai satu kewajipan oleh kanak-kanak sehingga mereka menjadi belia atau gadis remaja. Peraturan-peraturan itu akan menjadi sebahagian daripada tingkah lakunya.

Anak-anak damit yang disusui 'menurut kemahuannya sendiri' dari sejak dilahirkan sekalipun dapat juga menyesuaikan dirinya pada kebiasaan makan selepas dia berumur beberapa bulan.

Bila kanak-kanak itu belajar merangkak, ibunya akan membuat peraturan untuk membasuh tangan dan mukanya yang kotor sebelum memberinya makan. Jika ibu itu arif, ia akan meletakkan anaknya di tempat tidur di waktu yang tetap setiap malam, sehingga menjadi satu kebiasaan. Anak-

anak itu akan menerimanya sebagai suatu peraturan dan tidak menjadi masalah dengannya apabila ia sudah besar kelak.

Bila kanak-kanak itu pandai merangkak dia akan tahu walaupun dia mempunyai kebebasan untuk memeriksa hampir seluruh benda-benda, tetapi ada benda-benda tertentu yang tidak boleh dijamahnya. Kanak-kanak damit sekalipun boleh diajar mengerti perkataan 'tidak boleh'.

Sebagai contoh seorang anak damit berusia sepuluh bulan dibiarkan merangkak ke mana saja dengan bebas di dalam bilik sementara kita mengawasinya. Pada suatu hari kita melihat dia memungut sebiji guli dan memasukkan ke dalam mulutnya. Kita pun segera mengeluarkan guli itu dari mulutnya dan meletakkannya kembali sambil berkata, 'tidak boleh', tapi dia segera mengambilnya kembali, lalu memasukkan ke dalam mulutnya semula. Sekali lagi kita menahanya sambil berkata, 'tidak boleh'. Selepas mencubanya sebanyak beberapa kali barulah dia berhenti dan merangkak ke tempat lain dengan hampa. Tetapi selepas itu, walaupun kita tinggalkan guli itu di tempat tersebut, dia tidak pernah mencuba lagi untuk mengambilnya. Inilah satu contoh di mana anak damit mesti belajar bahawa sesuatu benda itu dilarang kerana ianya berbahaya.

Anak-anak mungkin dibawa ke rumah sahabat handai dan di sana ia mesti belajar supaya tidak menjamah barang-barang orang lain tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu.

Dari sejak awal-awal lagi si ibu akan memimpin tangannya dan mengajarnya menulis ke kiri dan ke kanan dan dengan

awas melintasi jalan raya. Dia akan belajar melakukan semua perkara itu dengan melaksanakannya setiap hari.

Contoh teladan melalui orang tuanya dan dengan pertimbangan mereka mengenai perasaannya dan juga dengan ketegasan mereka mengenai hak-hak masing-masing, kanak-kanak itu akan mengerti bahawa orang lain juga mesti diberikan pertimbangan.

Justeru itu dalam soal yang penting ini, kanak-kanak damit mestilah menerima didikan tentang hal-hal berkenaan supaya menjadi sebahagian daripada tingkah lakunya sebelum ia sampai umur persekolahannya. Dalam memimpin anak kita menurut garis-garis tersebut, ibu bapa tentu berlaku saksama dan bijaksana tetapi tegas. Ketegasan dan kepastian itu boleh melahirkan asas ketenteraman yang juga oleh memberi kebebasan yang luas kepada kanak-kanak itu untuk melakukan sesuatu yang digemarinya di dalam kegiatan seharian-nya.

Umpamanya, ia patut diberikan kebebasan untuk memilih mana-mana pakaian yang disukainya ataupun permainan yang digemarinya. Bila dia sudah besar, dia patut pula diberikan kebebasan untuk memilih kawan-kawannya sendiri, dia patut diberikan kebebasan untuk mengotak mengotak barang-barang mainannya menurut kesukaannya sendiri. Pendeknya dalam semua perkara yang bukan bersangkutan dengan kesihatan ataupun keselamatan, kita patutlah memberi kebebasan kepada kanak-kanak itu untuk membuat penentuan sendiri. Malah semakin banyak kita melayannya sebagai seseorang yang bertanggungjawab, maka makin cepat dia akan



Kelolaan
Haji Dayang
Haji Kasim
dayang.kasim
@informa-
tion.gov.bn

menjadi begitu.

Memangnya biasa jika kanak-kanak memakan masa untuk belajar patuh kepada peraturan penting yang disebut di atas tadi. Dan sebahagian besarnya pula tergantung kepada sikap ibunya dalam memberi pimpinan kepada anak-anaknya. Ibu-ibu selalu patut ingat bahawa kanak-kanak memberi perhatiannya yang besar kepada sesuatu yang sedang dilakukannya dan perbuatan itu sangat penting kepadanya. Oleh sebab itu jika hendak mengajak makan atau menyuruhnya tidur ataupun berbuat perkara lain pada masa tersebut, hendaklah diberikan tempoh yang cukup kepadanya supaya dia dapat menyudahkan apa yang sedang dilakukannya.

Seorang ibu yang baik sekalipun suatu waktu mungkin juga menjadi tidak sabar ketika menghadapi kanak-kanak yang tidak menurut perintah atau ingkar. Kita semuanya manusia dan tidak selamanya hidup dengan kehendak kita. Walau bagaimanapun kanak-kanak selamanya bersikap sabar terhadap kegagalan kita, selagi mereka tahu kita ingin menolong mereka, nescaya mereka akan memaafkan segala-galanya. Kanak-kanak menghargai kejujuran lebih dari yang lain.

Seandainya ibu bapa menjadi marah kerana keletihan, maka mencurahkan kemarahan itu mungkin tidak begitu membahayakan daripada membendungnya. Tetapi janganlah kita membiarkan perkara-perkara yang remeh memberi gangguan yang tidak wajar kepada kita. Seandainya timbul rasa marah dalam diri kita, sebaik-baiknya kita hendaklah pergi ke tempat lain sehingga kita merasa sejuk dan dapat menghadapi anak kita dengan tenang kembali. Dalam kebanyakan hal, anak-anak kita tidak menyedari

bahawa kita keletihan, kerana mereka selalunya terlalu asyik untuk menyedari hal tersebut. Mereka mungkin menganggap kemarahan kita itu sebagai sesuatu yang tidak ada hubungan dengan perbuatannya, malah mungkin juga memikirkan kita juga nakal.

Akhirnya sangatlah penting untuk disedari bahawa perintah-perintah dengan mulut tidaklah memberi erti yang besar kepada kanak-kanak kecil. Menurut beberapa kajian ketika kanak-kanak berumur tiga atau empat tahun, jika kita ingin mengajarnya melakukan sesuatu ataupun berhenti daripada melakukan sesuatu, dia akan lebih mengerti apa yang kita kehendaki jika kita bekerjasama dan menolongnya untuk mematuhi perintah itu. Ini sungguhpun menyusahkan kita tetapi segera mendapat hasilnya. Hanya selepas diajar dengan jalan seperti ini, barulah kanak-kanak belajar patuh kepada perintah mulut. Ada beberapa alasan kenapa kepatuhan itu mesti didapati dengan jalan memberi kerjasama kepada anak-anak itu.

Umpamanya anak itu sedang bermain dengan sesuatu benda yang tidak diizinkan, anda tentu menyuruhnya menyerahkan barang-barang itu kepada anda tetapi sekiranya anak itu tidak mematuhi perintah anda itu, anda mungkin akan merampas benda itu. Ini bererti penentangan dan tangisan. Tapi selain dari itu anda boleh berkata "Tengok, ini ada benda lain yang boleh dimainkan sebagai gantinya." Ini tidaklah bererti memanjakan anak itu tetapi menggunakan imaginasi anda untuk mengelakkan pertentangan. Seorang ibu yang bijaksana, selalunya menggunakan imaginasi, dalam memimpin anak-anaknya ke jalan yang patut dilalui-nya.



Kelolaan : Sahari Akim

Sistem Pengurusan Kandungan

SISTEM Pengurusan Data (Content Management System) merupakan satu sistem dalam pembangunan laman portal (portal web). Ia lebih fleksibel kerana melibatkan penggunaan pangkalan data untuk menyimpan segala maklumat teknikal atau maklumat yang dispesifikasikan untuk suatu domain portal itu.

Secara tidak langsung ia menjadi semakin penting kerana pada masa kini portal bukan sahaja digunakan sebagai platform atau pusat maklumat di Internet, malah ia kini boleh diakses secara wayarles terus ke telefon bimbit atau PDA.

Maklumat di alam siber ini masih tidak terlepas daripada disalahgunakan jika tiada kawalan ke atasnya dan ia juga boleh jadi tiada nilai kepada pengguna kerana ia tidak lagi sah apabila tamat tempohnya.

Maklumat masa kini mempunyai tempoh dan jika ia sudah melebihi tempoh ia tidak bernilai serta tidak memberi manfaat kepada pengguna.

Pentadbir sistem bertanggungjawab dalam mengawal semua maklumat yang dimasukkan ke dalam portal untuk tujuan memberi maklumat kepada pengguna, tetapi persoalannya adakah mekanisme yang boleh memberi maklumat balas kepada pentadbir sistem mengenai maklumat yang dimasukkan itu masih relevan atau tidak.

Jika dengan hanya maklumat balas dari pengguna sahaja ia masih tidak dapat memberi keputusan yang tepat.

Oleh itu teknik diperlakukan untuk memastikan bahawa maklumat yang dipaparkan itu masih relevan atau tidak iaitu dengan menggunakan teknik perlombongan data yang diletakkan di dalam enjin sistem pengurusan kandungan.

Seperti sedia maklum perlombongan data merupakan salah satu cabang dalam bidang kecerdasan buatan yang berfungsi untuk mengekstrak corak daripada koleksi data yang besar.

Teknik ini akan menjalankan analisis terhadap fail-fail log pelayan. Fail log pelayan akan menyimpan maklumat aktiviti-aktiviti pengguna terhadap suatu portal.

Setiap klik akan direkodkan ke dalam fail log pelayan dan enjin perlombongan data yang dapat menganalisis fail ini dengan memberi maklumat balas mengenai maklumat yang berada di portal.

Berdasarkan analisis ini, pentadbir sistem bukan sahaja dapat maklumat mengenai kepentingan paparan maklumat di portal, malah dapat mengetahui aktiviti pengguna seterusnya dapat memastikan portal berada dalam keadaan selamat.

Perlombongan data juga dapat digunakan untuk menjejaki aktiviti pengguna yang meragukan melalui fail log pelayan serta bantuan perisian penjejakan nombor Internet Protokol (IP) pengguna. (Sumber: Megabait Utusan Malaysia). Akan disambung pada terbitan akan datang.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Banyakkan bersedekah di bulan Ramadan

AMALAN bersedekah amat digalakkan di dalam Islam. Bukan sahaja ia dapat meringankan kesempitan hidup golongan fakir miskin, tetapi mewujudkan hubungan silaturahmi di antara golongan berada (yang mampu) dan tidak berada (yang tidak mampu).

Istilah asal sedekah bermaksud apa-apa yang di keluarkan seseorang daripada hartanya bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Kalimah sedekah juga asalnya dirujuk kepada pemberian harta secara sukarela, yang di dalam bahasa Arab disebut (Tatawwu'an). Bagaimanapun, di dalam Al-Quran, istilah sedekah juga digunakan bagi seseorang yang mengeluarkan harta secara wajib iaitu zakat. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah At-Taubah ayat 60, tafsirnya:

"*Sesungguhnya sedekah (zakat-sakat) itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*"

Memperbanyakkan amalan bersedekah di bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan ini adalah sangat baik dan wajar dilakukan oleh setiap manusia di muka bumi ini. Adapun pengertian bersedekah bukanlah hanya tertumpu kepada harta benda yang dikeluarkan kepada orang lain, tetapi ianya juga adalah termasuk segala perkara kebajikan (Al-Khair) atau disebut, kebaikan yang diberikan ganjaran pahala. Misalnya, menyuruh kepada yang makruf yang lebih khusus setiap bertahmid kita akan menyebut (Alhamdulillah) dan bertasbih kita akan menyebut (Subhanallah) ini juga dinamakan sebagai satu sedekah.

Amalan bersedekah bukan sahaja dibuat di dalam bulan Ramadan malah di bulan-bulan lain ataupun di dalam kehidupan kita seharian juga. Misalnya, senyum

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Banyakkan Bersedekah Di Bulan Ramadan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Sedekah pemangkin kesejahteraan masyarakat

SESUNGGUHNIA kita amat maklum bahawa bersedekah itu merupakan satu amalan yang sangat mulia lagi terpuji lebih-lebih lagi apabila amalan bersedekah itu dilakukan di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Masyarakat Brunei memang terkenal dengan sifat prihatin dan bersimpati di atas kesusahan orang lain. Buktiannya, apabila disiarkan saja apa-apa jua berita tentang kesusahan atau penderitaan yang menimpa seseorang atau golongan baik di dalam mahupun di luar negeri, sudah tentu sumbangan derma dalam pelbagai bentuk akan datang mencurah-curah sebagai sumbangan masyarakat untuk meringankan bebanan pihak yang terbit ini.

Amalan sedekah itu pula sememangnya dituntut dalam Islam sehinggalah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri merupakan individu contoh dan ikutan kerana sifat Baginda yang suka bersedekah. Kehidupan manusia merupakan suatu sunnah yang direncanakan oleh Allah Subhanahu Wataala yang mempunyai pelbagai hikmah di sebalik setiap peristiwa yang berlaku. Setiap kejadian, sama ada yang membawa keceriaan kepada manusia ataupun yang membawa keduakan, pasti akan muncul pelbagai pengajaran yang boleh membantu manusia membina dan merencanakan kehidupan di masa hadapan.

Pada saat kesusahan yang menimpa sesuatu golongan akan ada golongan yang lain akan membantu dalam situasi inilah amalan bersedekah menjadi pemangkin dalam membina kesejahteraan kehidupan masyarakat.

Amalan bersedekah perlu difahami sebagai suatu amalan yang mudah dan praktikal dalam kehidupan harian sebagai satu dorongan dan rangsangan untuk seluruh lapisan masyarakat turut sama terlibat. Islam menggalakkan amalan sedekah sebagai suatu cara membantu diri sendiri ke arah mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala di samping membantu orang lain melepaskan diri mereka daripada kesengsaraan hidup.

Amalan dan budaya bersedekah yang sudah sebatih dalam masyarakat kita tanpa mengira bangsa dan agama akan menjadi sumber kekuatan masyarakat apabila semua lapisan masyarakat berpeluang sama untuk menyumbang apa yang dimiliki. Dalam hal ini, kita harus meyakini setiap

juga merupakan satu sedekah bukan sahaja dari segi material malahan dari sikap serta budi bahasa yang elok yang kita lakukan seharian kepada orang juga adalah merupakan satu sedekah atau amal jariah kita yang mulia dan dipandang elok oleh orang yang memerhatinya. Kita tidak boleh menilai seseorang yang suka melakukan amalan bersedekah ini adalah ingin mahukan nama sahaja. Tetapi kita haruslah memandang dan menilai dari sudut keikhlasan dan kejujuran seseorang itu. Kerana tujuan bersedekah ini adalah untuk mendapatkan pahala dan mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wataala.

Adalah lebih baik bersedekah ketika seseorang itu masih hidup dan sihat. Di dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya: "Sedekah seorang lelaki itu ketika hayatnya dan sihatnya dengan satu dirham lebih baik daripada dia bersedekah dengan 100 dirham ketika dia mati." Hikmah-hikmah bersedekah ini boleh mengikis sifat kita sebagai umat manusia (makhluk) ciptaan Tuhan di muka bumi ini dengan sifat bakhil, mem-

bentuk seseorang itu bersifat dermawan. Melalui sedekah juga silaturahmi terjalin dan mengeratkan hubungan persaudaraan serta hubungan kemanusiaan, di samping sedekah juga dapat menjauhkan diri kita daripada api Neraka di akhirat kelak.

Adapun satu sedekah di kira sebagai satu kebaikan yang nilai pahalanya sekurangnya sepuluh dan boleh mencapai 70. Jadi bersedekah adalah satu cara manusia mengumpulkan banyak pahala. Selain akan menimbulkan keinsafan kepada orang yang ditolong. Ia juga merupakan dalil (tanda) bagi pelakunya di akhirat kelak, yang dapat meringankan seksaan. Menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Sedekah itu tanda atau saksi (burhan) di akhirat ketika dihisab." Riwayat Muslim.

**Siti Noorzaimah binti Haji Nooralli,
No. 91, Simpang 100, Kampong
Sengkurong 'A', Jalan Jerudong.
No. k/p : 00-258107**

Bersedekah rapatkan jurang golongan miskin, kaya

hati mereka yang menerima bantuan.

Perkara ini tidaklah digalakkan di dalam agama Islam kerana ini boleh menyebabkan si pemberi itu akan berasa sombong ataupun boleh menyebabkan si penerima tidak berasa senang hati. Peringatan ini terdapat melalui firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 62 yang tafsirnya:

"*Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan agama Allah, kemudian mereka tidak mengingati apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit pemberiannya dan tidak pula menyinggung atau menyakiti pihak yang diberi mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka. Dan tidak ada kebimbangan dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.*"

Banyak ganjaran yang diberikan kepada mereka yang bersedekah ataupun membelanjakan hartanya di jalan Allah seperti diberikan pahala seratus kali ganda dan akan dibalas di kemudian hari serta tidak perlu takut akan Hari Pengadil.

Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 yang tafsirnya:

"*Bandangan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (Rahmat) Kurnia-Nya lagi melipat ilmu pengetahuannya. Mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) bersehid hati.*"

Walaupun bagaimanapun pemberi sedekah janganlah berasa khauf dengan apa yang diberinya itu seperti berasa takut akan jatuh miskin apabila melakukan sedekah dan sebagainya. Sebelum bersedekah, kitani ada di ajarakan agar mengutamakan mereka yang berada di bawah tanggungan kitani seperti isteri, anak-anak, ibu bapa dan ahli keluarga yang terdekak. Jika sekiranya kitani mempunyai kelebihan harta benda dan melebihi daripada keperluan, barulah diberikan kepada orang Islam yang lain yang juga mengharap bantuan kepada kitani. Perkara ini ada diajarkan di dalam agama Islam melalui hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"*Tangan yang di atas (yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang meminta) dan mulakan pemberian itu kepada orang yang di bawah tanggunganmu. Sesiapa yang tidak meminta nescaya Allah akan memberikan rasa cukup kepadanya dan sesiapa yang mengagihkan kekayaan nescaya Allah akan memberi kakayau kepadanya.*"

Walaupun sedekah ini boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja, namun apabila tibanya bulan Ramadan Al-Mubarak, kitani selaku umat Islam sangat-sangat digalakkan untuk melakukan amal jariah ini kerana di dalam bulan tersebut terkandung banyak kelebihan dan keistimewaan terutama sekali dari segi pahala yang akan diberikan. Jika sudah di dalam bulan biasa Allah Telah telah

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan Ibu Bapa Membantu Anak-anak Menghadapi Peperiksaan'. Tarikh tutup 26 Oktober 2005.

2. 'Jadikan Aidilfitri Untuk Bermaaf-maafan'. Tarikh tutup 2 November 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkai dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunei.bn**

menjanjikan pahala sebanyak seratus kali ganda maka di dalam bulan Ramadan Al-Mubarak mungkin sahaja tujuh ribu kali ganda atau lebih banyak lagi daripada yang dijanjikan. Ianya bergantung kepada ketetapan Allah dan hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Ini dapat dilihat di dalam hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"*Barangsiapa mendekatkan dirinya kepada Allah dengan suatu kerja kebajikan di dalamnya (bulan Ramadan) samalah dia seperti orang yang menaikan satu fardu di bulan yang lain. Dan barangsiapa yang menaikan satu fardu di dalam bulan Ramadan, samalah seperti orang yang mengerjakan tujuh puluh fardu di bulan yang lain.*"

Melalui bersedekah, kitani orang-orang Islam akan dapat bantu-membantu antara satu dengan yang lain iaitu antara yang miskin dengan yang kaya dan sekali gus rasa persaudaraan itu dapat ditingkatkan lagi seperti yang terdapat di dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 yang tafsirnya:

"*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara.*"

Sementara di dalam firman Allah Subhanahu Wataala yang lain pula iaitu di dalam Surah Al-Maa'idah ayat 2 yang tafsirnya:

"*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa.*"

Perkara ini juga ada ditekankan oleh pemimpin kita di dalam petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-57 pada 15 Julai 2003 bertitah:

"*Seperti yang beta sering tekankan di masa yang lalu, masyarakat yang sentiasa mengamalkan sikap bersatu padu, hormat-menghormati dan saling faham-memahami adalah merupakan asas yang penting bagi pembangunan negara.*"

Kesimpulannya, ia bersedekah adalah salah satu amalan yang mulia dan sangat digalakkan di dalam agama Islam kerana melalui amalan ini umat Islam akan dapat hidup bersatu padu, saling hormat-menghormati dan juga jurang pemisah di antara yang miskin dan yang kaya. Mereka menjadi rapat tanpa ada rasa perkauman atau perbezaan status. Amalan sedekah ini boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja akan tetapi jika sekiranya dilakukan di bulan Ramadan Al-Mubarak maka pahalanya adalah berlipat kali ganda. Oleh itu perbanyakkanlah amalan bersedekah di bulan yang mulia ini iaitu di bulan Ramadan Al-Mubarak.

**Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867,
Kampong Serdang, Jalan Kota Batu,
BD 2117.
No. k/p : 00-291429**

**Rahimah binti Haji Tengah,
No. 2, Berak MTSSR, Jalan Muara,
No. k/p : 00-115823**

REMAJA

MEWUJUDKAN GAGASAN DIRI

MENUNTUT ilmu adalah suatu kewajipan kepada setiap individu. Ia tidak kira dalam sesi formal atau tidak formal. Dalam menuntut ilmu apa yang ada adalah sikap untuk berkongsi maklumat dengan orang lain. Kita juga berpeluang untuk belajar dari sahabat yang berkongsi maklumat dengan kita. Itu adalah saat yang menyeronokkan dalam situasi pembelajaran. Kekuatan akal dan sifat cintakan ilmu itu penting dalam menuntut ilmu. Banyak kisah teladan yang boleh dijadikan contoh dan pengajaran. Namun dalam cenderung untuk memiliki ilmu, kita haruslah mengubah sikap. Ini kerana sikap adalah jalan utama bagi merealisasikan perubahan diri.

Sikap mempunyai tiga elemen penting: Pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Ia perlu berubah bersama-sama agar ketahanan diri positif dapat menjamin ke arah kecemerlangan. Kesepaduan unsur jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah gabungan yang terpenting dalam menuntut ilmu. Seharusnya kita berusaha membentuk sikap yang baik kerana sikap bertindak sebagai pendorong kepada manusia untuk bergerak menjadi baik atau tidak baik. Pemikiran adalah pergantungan utama yang menyebabkan manusia itu bertindak. Kita memerlukan

alasan-alasan yang boleh mengganggu dan berubah kepada pemikiran yang lebih positif. Kalau perlu memperbaiki cara berfikir untuk menuju kecemerlangan.

Perasaan juga disebut sebagai emosi yang sering menguasai diri. Faktor ini juga perlu berubah daripada perasaan yang negatif kepada yang positif. Terdapat satu perasaan yang perlu dikikis iaitu merubah perasaan rendah diri kepada perasaan yang boleh membina keyakinan diri. Kita berhak cemerlang seperti orang lain. Jangan biarkan perasaan rendah diri menguasai dalam bersaing mencapai kecemerlangan. Pupuklah semangat ingin bersaing, hal sedemikian ini adalah baik untuk masa depan. Salah satu faktor yang perlu diambil kira ialah sikap ini adalah juga penyebab kepada kegagalan manusia. Kita dikatakan sebagai makhluk yang hebat, kerana kita dikurniakan akal dan fikiran oleh Allah Subhanahu Wataala. Maka dari itu, manusia yang hebat selalu bertanya untuk mengetahui dan mempertingkatkan kredibiliti diri yang menuju ke arah kewibawaan dan karisma sebagai orang yang cemerlang.

Keadaan zon yang selesa menyebabkan manusia tidak mempunyai motivasi yang tinggi, tidak mahu berubah

dan berganjak kepada jalan kejayaan. Manusia perlu berusaha untuk mengubah nasib dan bukan hanya merasa hidup sudah sempurna. Tingkah laku merupakan penampilan dan hasil terjemahan perubahan emosi dan perasaan serta pemikiran. Tingkah laku mempunyai unsur-unsur luaran yang boleh dilihat dengan mata kasar. Perubahan perasaan dan pemikiran akan mengubah tingkah laku. Dalam hal ini akar umbinya ialah keberanian, justeru ia perlu kerana ia adalah punca kepada perubahan tingkah laku.

Justeru itu, kita boleh simpulkan bahawa tingkah laku adalah pancaran dari perubahan perasaan dan pemikiran. Bila hal ini sudah terpahat, kita perlu pula menetapkan matlamat atau tujuan hidup. Matlamat adalah perkara penting dalam aspek perubahan sikap. Seharusnya kita tidak boleh memandang ringan hal ini kerana matlamat adalah kompas kehidupan. Kita perlu mempunyai matlamat khusus demi mencapai apa yang kita mahukan. Ia perlu dinyatakan dengan bertulis dan dapat diterjemahkan secara jelas dan dapat dilihat. Ciri ini akan membolehkan kita mudah bertindak.

Contohnya ciri spesifik. Ciri ini perlu pada matlamat yang khusus agar mudah dicapai. Jika tidak dikhususkan, maka matlamat tidak mempunyai asas yang kukuh. Kita pula perlu realistik, tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan selain usaha sendiri. Oleh itu jadikan matlamat sebagai suatu kenyataan. Jangka masa matlamat ditetapkan berdasarkan jangka masa yang selaras. Keseluruhan jangka masa itu penting agar usaha dapat dilakukan berterusan dan sejajar dengan matlamat. Berdoa adalah senjata yang paling mustajab. Berdoalah selepas berusaha bersungguh-sungguh, mengikut jangka masa yang teratur dan belajar dengan kaedah yang betul. Natijah yang baik akan diperolehi jika kita berdoa sepanjang usaha yang kita lakukan. Sekiranya faktor-faktor yang dinyatakan sebelum ini sudah dapat kita bentangkan, maka matlamat yang perlu kita capai ialah gagasan kehidupan itu hendaklah sempurna berlaku.

Kesempurnaan inilah yang nantinya akan mewujudkan keberhasilan perubahan sikap, daya fikir dan pencapaian matlamat diri yang lebih dinamik dan progresif.

OLEH H. A. MANAP

Gotong-royong bina jambatan di Kampong Lurong Sekuna

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 September. - Majlis Perundingan Kampong Lurong Sekuna dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta agensi kerajaan yang berkenaan hari ini menganjurkan Majlis Gotong-royong Membina Jambatan di kampung berkenaan di sini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Haji Yusoff bin Haji Ismail juga hadir di majlis itu.

Jambatan sepanjang 88 meter itu dianggarkan menelan belanja \$12,000.00 dan dilaksanakan secara bergotong-royong seminggu yang lalu.

Majlis itu adalah salah satu aktiviti kemasyarakatan Majlis Perundingan Kampong Lurong Sekuna bagi menambah kemudahan yang sedia ada, selain memberikan peluang menyemai dan memupuk sikap

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov

perpaduan di kalangan mereka.

mendapatkan Sijil Pengiktirafan ISO 9001 : 2002 sebuah pertubuhan hendaklah menunjukkan komitmen terhadap perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Di majlis tersebut Pengerusi SKSwood, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah menerima Sijil ISO 9001 : 2000 oleh Timbalan Menteri Pembangunan. Syarikat tersebut menerima sijil berdasarkan pencapaian dalam projek pengurusan yang melibatkan kejuruteraan, pembinaan, reka dan perkhidmatan pembaikan bagi industri minyak dan gas. Syarikat SKSwood merupakan sebuah pemborong terbesar Syarikat Minyak Shell Brunei yang menyumbangkan pelbagai perkhidmatan kepada industri minyak dan gas Brunei.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny semasa menyampaikan Sijil ISO 9001 : 2000 kepada Pengerusi SKSwood, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah.

Pastikan peniaga patuhi peraturan

KUALA BELAIT, Isnin, 26 September. - Sebanyak sembilan buah restoran di kawasan Seria dan Belait telah diperiksa melalui operasi kerjasama yang dinamakan Operasi Kawal Empat yang melibatkan Jabatan Bandar Kuala Belait dan Seria dan Jabatan Kesihatan.

Operasi Kawal Empat itu melibatkan lapan orang pegawai daripada Unit Penguatkuasaan Bandar dan Jabatan Kesihatan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi yang diketuai oleh Ketua Unit Penguatkuasaan Jabatan Bandar, Awang Abu Basrah bin Haji Md. Mansor dan Pegawai Kesihatan, Dayang Hajah Norlelawati binti Haji Johar.

Pemeriksaan bertujuan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kedua-dua jabatan dalam mengawal bangunan-

bangunan dan premis-premis perniagaan di bawah kawalan Bandar bagi memastikan mereka mematuhi undang-undang yang mengawal Akta Lesen Bandar (Municipal By-Laws 1920) seperti syarat yang tercatat di dalam lesen Bandar.

Di samping itu pemeriksaan juga bagi menjamin keselamatan orang ramai dan pengunjungan restoran serta memastikan pengurusan dan pengendalian restoran sentiasa mematuhi kriteria dan syarat khas lesen perniagaan, di samping menasihatkan pengurusan restoran untuk memperbaiki serta memastikan kebersihan terawal hingga ke tahap yang lebih efisien.

Jabatan Bandar dalam laporannya hari ini menyatakan semasa pemeriksaan dibuat banyak teguran diberikan kepada pengurus dan pengu-

dali restoran serta pemeriksaan susulan akan dijalankan semula dalam tempoh seminggu akan datang bagi memastikan segala teguran dan nasihat telah dipatuhi mengikut yang disarankan oleh kedua-dua jabatan.

Menurut jabatan itu lagi, Unit Penguatkuasaan Bandar akan sentiasa memantau dari semasa ke semasa apa jua perkara yang bertentangan dengan Undang-undang Lesen Bandar dan akan sentiasa memastikan ianya terkawal.

Sehubungan itu jabatan berkenaan sekali lagi mengingatkan peniaga-peniaga supaya akan sentiasa mematuhi segala syarat dan peraturan yang telah ditetapkan serta mengawal kebersihan seperti mana yang diarahkan sebelum tindakan lanjut untuk menutup kedai mereka dilakukan oleh unit berkenaan.

Berkas warga asing

KUALA BELAIT, Rabu, 28 September. - Lima orang warga asing terdiri warga India dan Republik Indonesia ditahan kerana dipercayai melanggar peraturan imigresen. Kesemua mereka ditahan setelah pemeriksaan mengejut dilakukan oleh Jabatan Imigresen Bahagian Penguatkuasaan Cawangan Daerah Belait melalui Operasi Basmi 78 yang diadakan hari ini.

Operasi yang dijalankan selama dua jam melibatkan enam orang Pegawai Imigresen yang diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan, Awang Yunus bin Omar.

Kelima-lima orang lelaki terabit seorang warga India dan Republik Indonesia didapati bekerja dengan menggunakan pas lawatan, manakala dua lagi warga Indonesia didapati bekerja bersama majikan lain dan seorang warga India tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan.

Dalam pemeriksaan di lima kawasan sasaran pembinaan rumah dan kedai seramai 29 orang warga asing terdiri daripada warga India, Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina telah diperiksa.

Sementara itu dalam pemeriksaan yang dilakukan se-

malam dua orang lelaki warga Bangladesh yang bekerja sebagai pemotong rumput telah ditahan kerana dipercayai mengubah biodata asal untuk masuk ke negara ini.

Suspek pertama berusia 28 tahun ditahan di kawasan Perumahan Pekerja-pekerja Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) Panaga, manakala suspek kedua berusia 25 tahun ditahan di rumah sewanya di Kampong Mukim Sungai Liang. Kedua-duanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 28 (3) (d) Akta Imigresen (mengemukakan dokumen yang mengelirukan).



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny.

Lengkapkan diri dengan kemahiran, pengetahuan

KUALA BELAIT, Rabu, 28 September. - Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman menasihatkan lepasan sekolah agar melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan untuk memasuki pasaran pekerjaan.

Selain itu mereka juga perlu memiliki sifat tahan lasak dan penuh komited terhadap pekerjaan yang diamanahkan. Teks ucapan dibacakan oleh wakil peribadi beliau Penolong Pesuruhjaya Buruh, Awang Shahrin bin Haji Besar di Majlis Menandatangani Perjanjian Skim Latihan Perantisan Kursus Teknikal Brunei Darussalam dan Kaunsel Pendidikan Vokasional (BDTVEC) Sijil Perdagangan Kebangsaan 2 (NTC2) penyediaan dan penyusunan udara serta majlis penghargaan kepada syarikat-syarikat swasta dan jabatan-jabatan kerajaan di atas kerjasama di dalam Program Latihan Penempatan Industri yang diadakan di Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, di sini.

Langkah sedemikian, kata

Pesuruhjaya Buruh bagi mengakhiri anggapan majikan bahawa mereka tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk bekerja di sektor swasta dan mendapatkan lesen mengambil pekerja asing bagi mengisi jawatan yang sepatutnya diberikan keutamaan kepada anak tempatan.

Menyentuh Program Latihan Perantisan, beliau berharap lebih banyak lagi syarikat dan majikan akan tampil untuk melibatkan diri dalam program tersebut dalam pelbagai bidang yang benar-benar diperlukan oleh sektor industri dan perdagangan.

Sehubungan itu beliau menyeru semua perantis supaya tidak mensia-siakan usaha kerajaan dalam memberikan latihan dan kemahiran serta hendaklah menggunakan ilmu yang dimiliki itu bagi menyumbang kepada perkembangan sektor swasta.

"Sesungguhnya sektor swasta adalah penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara dan janganlah ada di antara perantis yang beranggapan bahawa bekerja dengan

kerajaan itu sahaja yang dikatakan menyumbangkan kepada pembangunan negara," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, dalam keadaan ekonomi yang semakin kompetitif dewasa ini, pasaran pekerjaan kini sudah berubah dan memerlukan pekerja yang bersedia untuk bekerja bukan sahaja di dalam negeri sendiri tetapi juga di negara serantau.

Oleh kerana itu dengan hanya mempunyai satu kemahiran saja tidak memadai untuk mendapatkan pekerjaan yang dikehendaki, kerana pekerjaan sekarang memerlukan keupayaan pelbagai bidang untuk terus mampu bersaing dalam dunia pekerjaan, katanya.

Beliau menambah dengan perkembangan pesat teknologi yang sentiasa berubah telah menyebabkan kemahiran dan ilmu yang dipelajari menjadi lapok dalam masa yang pendek, kerana itulah proses meningkatkan kemahiran dan pembelajaran jangka panjang sangat penting serta relevan pada masa kini sebagai strategi yang perlu ada pada setiap

individu supaya negara akan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja bagi jangka pendek dan jangka panjang, katanya.

Majlis tersebut disempenakan ulang tahun ke-10 penubuhan sekolah itu dan Skim Latihan Perantisan merupakan kali keempat bagi pelajar-pelajar program NTC2 penyediaan dan penyusunan udara. Sejahtah ini seramai 10 orang pelajar telah menamatkan skim berkenaan dan pada masa kini 11 orang pelajar masih menjalani skim berkenaan.

Majlis penandatanganan perjanjian selama setahun lebih itu dimeterai oleh pelajar-pelajar BDTVEC NTC2 bersama empat buah syarikat penyediaan dan penyusunan udara, Sahid Sendirian Berhad, Borneo Air-Conditioning Engineering Sendirian Berhad, Jati Refrigeration and Air Conditioning Sendirian Berhad dan HSE Sendirian Berhad serta Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan.

Sementara itu sebanyak 85 buah industri iaitu 25 sektor kerajaan dan 60 swasta menerima sijil penghargaan di majlis tersebut yang antara lain bertujuan sebagai tanda penghargaan di atas sokongan dan kerjasama mereka dalam menempatkan pelajar-pelajar sekolah bagi program latihan penempatan industri, di samping mengeratkan hubungan dan meningkatkan kerjasama di antara sekolah dan pihak industri.

Dalam majlis tersebut, sekolah berkenaan juga menganjurkan lawatan dalam sekolah bagi perwakilan industri yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pihak industri mengenai kursus-kursus yang dijalankan di sekolah serta mendedahkan sistem pengajian teknikal, vokasional dan kurikulum kursus.



PELAJAR-PELAJAR yang akan mengikuti Skim Latihan Perantisan menandatangani perjanjian tersebut.



PEGAWAI-PEGAWAI Jabatan Imigresen Bahagian Penguatkuasaan Cawangan Daerah Belait melakukan pemeriksaan ke atas buruh asing yang bekerja di negara ini.

Hari Perkhidmatan Awam pengukur diri

KUALA BELAIT, Isnin, 3 Oktober. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail berkata Sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang diadakan setiap tahun bukan hanya sebagai mercu tanda pencapaian Perkhidmatan Awam (PA) di dalam menggerakkan dan memacu pembangunan serta kemajuan negara, tetapi perlu dijadikan sandaran untuk muasabah diri terhadap pencapaian yang diperolehi dan haluan yang akan dituju.

Dato Paduka menambah, pengukuran diri perlu diwujudkan terus-menerus supaya warga PA tidak hanya berpuas hati dengan prestasi dan pencapaian yang ada tetapi terus gigih dan bersungguh-sungguh mencari kaedah serta pendekatan yang terbaik, terkini bagi memperbaiki dan meningkatkan keadaan serta pencapaian masing-masing.

Berucap demikian di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Daerah Belait, Dato Paduka menambah senario ataupun keadaan dan persekitaran

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hjh. Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

kerja sudah jauh berubah dan begitu pantas berlaku antaranya ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi tinggi dan fenomena globalisasi.

"Semua keadaan dan faktor tersebut merubah cara kita berfikir dan mengurus organisasi kita serta untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan terus relevan, PA terpaksa melakukan transformasi dan mengajuk paradigma ke satu medan yang lebih kondusif dan fleksibel di dalam mengurus perubahan itu," ujar Dato Paduka di majlis yang diadakan di Dewan Santap di sini.

Dato Paduka seterusnya berkata, dalam menangani perubahan itu suatu usaha langkah ke hadapan kerajaan telah menjadikan ICT salah satu asas dalam cara untuk meningkatkan kecakapan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan khususnya melalui pelaksanaan projek

aplikasi perdana e-Kerajaan.

"Terlaksananya projek ini nanti ianya menuntut perubahan dari segi kita berurusan dengan pelbagai pihak. Oleh itu individu PA perlu peka akan perubahan ini dengan memperkasakan diri dengan sikap dan pemikiran yang positif dan terbuka serta melihatnya sebagai peluang untuk membangun diri dan mempertajamkan kecekapan," demikian harapan Dato Paduka.

Dato Paduka menambah perubahan yang digerakkan oleh ICT pada hari ini telah menuntut kepantasan untuk berurusan dengan pihak yang terlibat di mana kepantasan menjadi semacam terminologi 'di mulut-mulut' di kalangan pengamal-pengamal pengurusan dan orang ramai diselubungi dengan keadaan ini, ekspektasi pelanggan dan orang ramai supaya urusan serta kehen-

dak mereka diselesaikan di dalam tempoh masa yang singkat sudah terlaksana.

Perubahan tersebut, tambah Dato Paduka menjadi cabaran kepada PA untuk terus mencari dan mengaplikasikan kaedah terkini bagi menangani ekspektasi yang meningkat itu.

Di majlis tersebut hampir 60 orang warga PA yang telah bersara menerima sijil persaraan mereka. Ikrar Hari Perkhidmatan Awam juga turut dibacakan beramai-ramai yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Abd. Rahman dan persembahan koir, Setia Berkhidmat dan syair Etika Kerja Perkhidmatan Awam disampaikan oleh Dayang Hajah Julia Chee.

Pameran dan ujian kesihatan juga diadakan yang bertujuan untuk memberikan kesedaran warga PA dan orang ramai betapa pentingnya menjaga kesihatan, lebih-lebih lagi penyakit jantung koronari menjadi punca kematian yang tertinggi di negara ini.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman menyampaikan sijil persaraan kepada seorang warga Perkhidmatan Awam yang telah bersara.

Pertandingan Robokon uji kemampuan

KUALA BELAIT, Isnin, 3 Oktober. - Pemangku Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Awang Ibrahim bin Haji Abd. Rahman merasa gembira kerana MKJB telah berjaya lagi sebagai pemenang Pertandingan Robokon dalam negeri dan menjadi wakil ke pertandingan yang sama di Beijing, China pada bulan Ogos lalu.

Katanya, MKJB telah berjaya mewakili negara ke Pertandingan Robokon Asia-Pacific Broadcasting (ABU) sebanyak tiga kali berturut-turut termasuk pada tahun ini yang diadakan di Beijing, China. Beliau berucap demikian di Majlis Penghargaan kepada penaja Pertandingan Robokon 2005 di Dewan Serbaguna MKJB di sini.

Menyentuh mengenai penyertaan tahun ini, beliau menjelaskan, pihaknya akan mencipta sebuah robot manual berserta enam robot berautonomi yang berfungsi dengan baik. Katanya dalam pertandingan tempatan MKJB yang menghasilkan ciptaan robot telah berjaya meraih 75 markah secara terkumpul dalam dua permainan dan menerima tajaan serta hadiah sumbangan Toyota, manakala pertandingan di



PEMANGKU Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Awang Ibrahim bin Haji Abd. Rahman menyampaikan penghargaan kepada seorang pelajar yang menyertai Pertandingan Robokon 2005.

Beijing meraih 24 mata terkumpul menerusi dua penyertaan.

Pertandingan Robokon ABU diadakan setiap tahun bagi penyertaan pelajar-pelajar universiti dan maktab-maktab di negara-negara Asia-Pasifik dan Negara Brunei Darussalam tidak menyertai pertandingan yang diadakan di Tokyo, Jepun pada tahun 2002.

Namun pada tahun berikutnya MKJB menyahut cabaran tersebut meskipun belum begitu berpengalaman mencipta robot tetapi telah mampu membuktikan di pertandingan yang diadakan di Bangkok, Thailand. Melalui pengalaman pertama itu maktab tersebut telah mewakili negara ke Seoul, Korea tahun lalu setelah memenangi pertandingan tempatan.

Halusi ibadat sembahyang

KUALA BELAIT, Jumaat, 30 September. - Kira-kira 230 orang peserta wanita yang tinggal di daerah ini menyertai kursus fardu ain dalam menghalusi sembahyang anjuran ahli jawatkuasa muslimah ta'mir masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Pandan.

Kursus selama tiga hari bermula hari ini diadakan di Masjid Kampong Pandan dan lima orang penceramah dari Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid Kuala Belait di undang bagi membentangkan kertas kerja masing-masing bertajuk toharah (bersuci), sembahyang, sembahyang qasar dan jamak, sembahyang berjemaah dan sembahyang sunat.

Salah seorang penceramah dari Jabatan Pengajian Islam, Ustazah Noraini

Muhammed ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk Toharah (Bersuci) antaranya menyentuh mengenai pengertian bersuci, jenis-jenis bersuci, perkara-perkara yang diharamkan semasa berhadass kecil dan besar, perkara-perkara yang membatalkan wuduk dan alat digunakan untuk bersuci.

Katanya pengertian bersuci bermaksud menghalalkan tubuh dan najis daripada badan, pakaian dan tempat agar boleh mengerjakan sembahyang dan ibadah yang lain. Hukum bersuci katanya wajib apabila seseorang itu hendak mengerjakan sembahyang dan ibadah lain kerana tanpa bersuci ibadah tidak akan diterima.

Kursus antara lain bagi memberi lebih pengetahuan dan ilmu kepada kaum muslimah terutama suri-suri rumah supaya akan dapat disampaikan kepada anggota keluarga mereka kerana mereka merupakan orang yang paling terdekat ketika di rumah.

Selain itu kursus juga bagi menghalusi pengetahuan yang sedia ada dan sebagai mengingatkan para peserta bahawa menuntut ilmu pengetahuan haruslah secara berterusan kerana tidak mustahil terdapatnya ilmu atau kaedah baru untuk dipelajari dari masa ke semasa.

Objektif kursus sebagai kewajiban bagi umat Islam mengerjakan sembahyang dengan betul di samping memperolek bacaan dan perbuatan di dalam sembahyang serta sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala, di samping menginsafkan diri dan mengharapkan ibadah sembahyang diterima-Nya.



IKRAR Hari Perkhidmatan Awam dibacakan beramai-ramai diketuai oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Abd. Rahman.

Gotong-royong baiki jeti

KUALA BELAIT, Ahad, 2 Oktober. - Kira-kira 30 orang pegawai dan kakitangan kerajaan, ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong (MPK) Belait dan orang awam menyertai gotong-royong membaiki jeti kenaikan penambang di Jalan Kampong Melayu Asli di sini.

Kerja membaiki jeti bermula hari ini antaranya penggantian tiang, dinding, lantai dan atap baru yang disediakan oleh Pejabat Daerah Belait. Kerja membaikinya dijangka mengambil masa kira-kira seminggu, sementara kerja-kerja pemasangan tiang baru akan dilakukan apabila air surut. Turut serta dalam kerja gotong-royong bagi mewakili Pegawai Daerah Belait, Ketua Pembantu Teknik Jabatan Daerah Belait, Awang Mohd. Samardi bin Abd. Samad.

Kerja membaiki diendahkan oleh Jabatan Daerah Belait bertujuan memupuk dan menanam

semangat bekerjasama di kalangan penduduk mukim dan kampung selain memberikan keselesaan dan kemudahan orang awam terutama penduduk Kampong Sungai Teraban yang menggunakan jeti berkenaan.

Selain itu ia juga bagi mengelak daripada berlaku

sebarang kemalangan memandangkan keadaan jeti yang sudah agak usang. Jeti berkenaan mula dibina sekitar tahun 80-an bagi menggantikan jeti lama yang kini diambil alih oleh Jabatan Perikanan bagi kemudahan kenaikan perahu nelayan di Pekan Belait.

Jeti tersebut dibina bagi memberi kemudahan kepada penduduk Kampong Sungai Teraban yang tidak menggunakan jalan darat dan orang awam yang hendak pergi ke kampung berkenaan dengan menaiki bot dan dibina berdekatan pasar dan Pekan Belait.



BERAT SAMA DIPIKUL RINGAN SAMA DIJINJING... Kerja-kerja membaiki jeti Jalan Kampong Melayu Asli dilaksanakan secara bergotong-goyong.

GERAK

OLEH MIRA TANIA

AHABAT!

SKau tanya mengapa begitu jauh dan drastik perubahanku pada Ramadan Al-Mubarak tahun ini. Katamu kau faham aku baru saja kehilangan antara insan yang sangat kusayangi tetapi ia bukan satu alasan untukku berubah sedemikian rupa. Katamu, perubahanku menakutkanmu. Kau kata lagi perubahanku itu tidak normal. Perubahan yang menyelubungiku kini mustahil berlaku 'overnight', ia sesuatu yang memakan waktu.

Lalu kau mahu aku mengingat bulan Ramadan tahun lepas. Kita enak melepak di Coffee Bean sehingga larut malam ketika malam itu jua diisytiharkan negara akan menyambut Ramadan pada keesokannya. Dengan Coffee Latte dan minuman coklat panas dicampur krim, berkuihkan kek keju kegemaran bersama, kita berdiskusi dari sembang-sembang seperti dunia ini hanya kita yang punya. Aku juga masih ingat, kita telah berkenalan dengan seorang bekas nombor telefon biribit dan bila pulang saja ke rumah aku terus ke komputer ribaku dan kita 'chatting' hingga dinihari. Kau mesti ingat aku ceritakan reaksi abangku keesokannya.

Seperti lazimnya abangku panggil aku ke kamar studinya. Dan aku duduk dengan rasa bosan mendengar ceramah agamanya tentang budaya lepak kita. Kata abangku adakah patut seorang wanita Muslimah melepak di luar rumah sehingga meninggi hari? Bergaul dengan orang-orang yang bukan mahram? Di mana kedudukan diriku sebagai seorang wanita Muslim? Sedangkan katanya malam itu masjid-masjid sudah penuh dengan orang-orang yang mencari pahala bulan yang mulia ini. Aku malas mahu menjawab atau memikirkan. Bila abangku bersyarah begitu ada lebih baik diam saja. Pura-pura mendengar. Dia tentunya merasakan dakwahnya itu sampai ke hati dan akan dilaksanakannya. Betapa salahnya ia. Kerana malam seterusnya kita pergi menonton movie di bioskop. Kita enak ketawa, terhibur dengan wayang yang menunjukkan aksi gila-gila yang bodoh, sambil makan-makan 'pop corn' dan minum 'coke diet vanilla' ketika umat Islam di negara kita melakukan Sembahyang Sunat Tarawih dan Tadarus Al-Quran.

Kita tidur agak lewat kerana asyik bercerita perkara yang enteng, yang karut marut mengikut istilah abangku. Kita tertidur dengan keadaan 'earphone mp3' terlekap di telinga; lagu-lagu rock rancak dengan lirik yang mengghairahkan terus mengbuai kita ke alam mimpi. Dan aku ingat mimpi malam itu tidak seindah realiti siangku. Aku beritahu kepadamu. Kita ketawa dan menganggap itu sekadar khayalan orang-orang muda seperti kita. Mamaku tidak khuatir aku ke rumahmu kerana ia kenal abah

dan mamamu. Ia tahu mereka adalah orang yang kuat berpegang kepada buhul agama.

Tetapi entah di mana silapnya abangku tahu segala yang kita lakukan. Kadang-kadang aku merasa abangku itu seperti punya empat biji mata atau mata umpama 'x-ray' atau punya 'spy' yang merata di mana-mana. Lagi sekali aku dipanggil ke kamar studinya. Abangku nampak amat sangat ketertaruhannya melihat adik perempuannya satu-satunya tergelincir jauh dari kemuliaan Ramadan ini. "Mengapa?" Tanyanya bertubi-tubi. Aku hanya diam tidak tahu apa harus kujawab. Kerana aku sendiri pun tidak mendapat jawapannya.

Kau juga mengingatkan aku satu petang hampir waktu Iftar kita masih berjaur di gerai-gerai makan dalam pakaian seluruh jeans sendat dan baju T berlengan pendek tetapi kita rasa kita selamat kerana ada 'scarf' menutup kepala. Kebetulan kita bertembung dengan abangku. Kau pasti ingat abangku tidak pun menegur kita. Ia hanya palingkan wajahnya yang serius itu seolah ia tidak kenal akan kita. Ketika itu aku rasa serba salah.

Namun sesampainya aku di rumah, abang sudah menunggu di kamar studinya. Aku lihat abangku cuba mengawal kesabarannya. Matanya merah seperti usai menangi. Abangku menangi? Mustahil! Lama wajahku direnungnya. Aku masih ingat soal jawab kami:

Kata abangku: "Rin, mengapa Rin begini berat? Sedangkan katanya hari biasa pakaianmu itu menjolok mata. Inikan pula dalam bulan Ramadan. Tidakkah Rin tahu? Rin buat dosa kerana merosakkan pahala orang yang berpuasa?"

Aku kaget: "Rin rosakkan pahala orang yang berpuasa? Bagaimana?"

Kata abangku: "Pakaian kamu itu."

Jawabku: "Tapi ok what? Rin pakai tudung!"

Abangku senyum sinis. "Tahukah kamu bahawa kamu telah momokkan agama kita yang suci ini?"

"Maksud abang?"

"Apalah gunanya kepala ditutup sedangkan anggota badan lain yang lebih utama terdedah.

RAMADAN AL-MUBARAK

Tahukah Rin bahawa potongan badan seseorang wanita itu juga satu aurat?"

"Jadi?" tanyaku galak.

"Pakaianmu itu bukan pakaian seorang Muslimah. Pakaianmu itu boleh saja membatalkan puasa orang lelaki yang melihat."

"Siapa suruh mereka pandang?"

"Kau mahu mereka

mahu perkara yang sama berlaku kepadamu. Semasa Rin di UK, abang dan mama di sini..., memang kami tidak ada kuasa untuk membentuk kamu. Tetapi sesudah kembali ke sini tinggalkanlah tabiat yang buruk masa di sana. Ubahlah diri kepada yang baik. Mati tidak mengenal usia dek! Jangan kita menemui-Nya nanti dalam keadaan penuh dosa!" sendu suara abang.

segi itu.

Sehinggalah seminggu sebelum Ramadan ini tiba, di satu Subuh yang dingin kami diberitahu bahawa abangku meninggal dunia akibat kemalangan dalam perjalanan pulang ke rumah usai Sembayang Fardu Subuh. Aku terus pengsan bila mendengarnya. Bila aku sedar mayat abangku sudah terbujur kaku di ruang legar rumah kami. Sedangkan baru

ke dalam rumah. Suara abang memang merdu dan syahdu. Bila abang membaca ayat-ayat suci Al-Quran hati sesiapa pun akan tersentuh. Cuma hatiku saja belum mere-lakan tersentuh.

Aku terus menda-patkan mama, merebah-kan wajahku ke bahunya yang kecil itu.

"Mama, tidakkah mama sedih atas keper-

MAMA angkat wajahku dengan tangannya yang kurus. Mama kesat air mataku dengan jari-jarinya yang lembut. Kata mama: "Mama reda abangmu pergi dalam keadaan husnul khatimah. Allah reda dengannya. Mama bahagia." Kemudian mama pegang bahu dan berkata: "Sekiranya abangmu pergi dalam keadaannya ketika ia baru pulang dari seberang laut dulu, pasti mama akan menangis sehebatnya. Pasti mama akan menyesali diri mama kerana tidak upaya memulangkan seorang anak yang diamanahkan Allah kepada mama dalam keadaan yang terbaik!"

tutup mata hanya kerana kau mahu buat maksiat? Hei, Rin! Di mana akal-mu?" Abang sedikit meninggikan suaranya. Kemudian ia segera beristighfar. "Tengok apa yang kau nyaris buat pada abang!" Katanya kesal sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Jangan salahkan Rin kalau abang tidak mampu mengawal diri abang!" Aku tahu kata-kataku itu amat mencabar. "Dulu masa abang di UK abang pun macam Rin. Tak pun warak. Sudah abang matang begini baru abang berubah. Rin akan berubah juga bila sampai waktunya."

Aku mula berani berkata-kata bila melihat abangku tunduk memandang lantai. Mulutnya kumat-kamit. Di wajahnya bertandang seribu ketertarikan yang begitu ketara. Anehnya aku tidak cuba kasihan padanya. Aku lihat itu sebagai satu kelemahannya untuk aku cuba menewaskan dirinya dan aku menang dalam bicara hari itu.

Kulihat ia menyapu wajahnya yang bening itu. Janggut kecil dan kumis nipisnya itu di usap-usapnya.

"Rin, kita sudah tidak punya ayah. Di bahu abanglah sekarang tanggungjawab menjaga kamu dan mama. Abang akui dulu abang juga pernah muda dan liar. Abang kesal kerana ketika itu abang terbiar tanpa bimbingan. Abang tidak

Aku hanya jawab akan fikirkan segalanya. Tetapi abangku memaksa aku untuk memikirkannya ketika itu. Namun hatiku yang lebih keras dari batu kerikil memang tertutup ketika itu untuk menghayati kebenaran. Jadilah sepanjang tahun lalu aku seorang wanita yang terumbang-ambing melayari bahtera kehidupan yang entah di mana noktahnya.

Sahabat, aku kira kau ingat semua itu. Kerana antara kita berdua banyak persamaan. Dalam usia kita yang baru melangkah alam dewasa kita sudah masing-masing dicap wanita berkarier. Tugas kita sebagai jurutera sivil, memang banyak memerlukan kita bertindak lakas dan mewajarkan kita berpakaian yang menjolok mata seperti kata abangku. Adakah kau lihat kesesuaian wanita berpuduh berada di tengah kerja-kerja pembangunan di tarik matahari?

Ya, segala yang kuca-tatkan di atas masih jelas terpampang di benakku. Ramadan yang lalu aku adalah manusia yang ter-salah arah. Tidak cuba berubah kepada yang ter-baik. Aku masih diulit keindahan alam remaja yang penuh dengan pan-caroba dan ketidakwajaran. Aku tidak menerima hidayah dari-Nya kerana aku sendiri yang memilih untuk menutup pintu hatiku. Abangku telah berusaha yang ia termam-pu untuk mengangkat hijab itu. Allah belum memberinya rahmat dari

sealam abangku mengi-ngatkan aku akan ketibaan Ramadan ini. Supaya kami bersyukur diberi peluang merasai nikmat Ramadan lagi dan men-cari pahala sebanyak-banyaknya. Dan kini... Ah, sahabat, betapa rapuhnya nyawa kita ini.

Aku nampak mama sedang mencium wajah abang untuk kali terakhir. Aku segera bangkit dan meluru ke arah jenazah yang sudah siap diu-ruskan. Aku pandang wajah mama. Jernih dan pasrah. Tidak nampak pun mama seperti orang yang sedang atau usai menangis. Tidak ada kesedihan di wajah itu. Sedangkan bila giliran-ku tiba air mataku tumpah macam banjir kilat. Mama menyuruh aku menyeka air mata itu sebelum men-cium wajah abang yang mulus dan tersenyum. Kulihat di dahi abang ada peluh tipis. Hidung abang berair. Wajah abang begitu cantik. Senyumnya seperti ia masih hidup. Ya, Allah! Kuatkan aku!

Ketika jenazah abang diusung keluar lagi sekali aku hampir pengsan. Namun sempat aku lihat mama berdiri di anjung jendela dengan tenang melihat kereta jenazah bergerak meninggalkan kawasan rumah kami. Mama kelihatannya hanya seperti menghantar abang yang akan pergi bekerja seperti hari-hari yang telah lalu. Masih ter-ngiang-ngiang di telin-gaku ucapan salam abang setiap kali meninggalkan rumah atau mahu masuk

gian abang?" tanyaku teresak.

Mama angkat wajahku dengan tangannya yang kurus. Mama kesat air mataku dengan jari-jarinya yang lembut. Kata mama: "Mama reda abangmu pergi dalam keadaan husnul khatimah. Allah reda dengannya. Mama bahagia." Kemudian mama pegang bahu dan berkata: "Sekiranya abangmu pergi dalam keadaannya ketika ia baru pulang dari seberang laut dulu, pasti mama akan menangis sehebatnya. Pasti mama akan menyesali diri mama kerana tidak upaya memu-langkan seorang anak yang diamanahkan Allah kepada mama dalam ke-adaan yang terbaik!"

Aku terpukul dengan kata-kata mamaku. Ia seperti halilintar yang terus saja menyambar kesesalan hatiku selama ini.

Apakah kau tidak ter-pukul sama bila mende-ngar pengakuan mamaku itu?

Kini aku sedar bahawa masa itu tidak memilih usia. Justeru sahabat, aku mahu sentiasa bersedia bila nyawaku diambil nanti agar aku tidak men-jadi manusia yang rugi di hari kemudian.

Tambahan, bila lagi masa yang terbaik untuk aku mengubah diriku kalau bukan di dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini di mana di dalamnya terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan?

YA, segala yang kucaatatkan di atas masih jelas terpampang di benakku. Ramadan yang lalu aku adalah manusia yang tersalah arah. Tidak cuba berubah kepada yang terbaik. Aku masih diulit keindahan alam remaja yang penuh dengan pancaroba dan ketidakwajaran. Aku tidak menerima hidayah dari-Nya kerana aku sendiri yang memilih untuk menutup pintu hatiku. Abangku telah berusaha yang ia termampu untuk mengangkat hijab itu. Allah belum memberinya rahmat dari segi itu.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BAGAI TIADA PERPISAHAN

Ramadan ...!
di dalammu ada satu malam
yang lebih baik dari seribu bulan
bagaikan ada suatu rahsia
yang engkau sembunyikan
iaitu malam Qadar.

Dalam dirimu
ada rakaat terawih
yang tidak ada pada yang lain
inilah antaranya kelebihanmu
yang akan kutimba.

Di dalam dirimu juga
Al-Quran diturunkan
buat pedoman
agar tidak tersesat jalan.

Ramadan ...!
kaulah bulan mulia dan berkah
awalmu rahmah
pertengahanmu maghfirah
akhirmu itqum-minannar.

Ramadan ...!
kita akan bermesra lagi
bagaikan tiada perpisahan.

AKU MENANGIS LAGI

Semusim lalu ...
kepergianmu menyayat hati
kutangisi tanpa noktah
kerana aku khuatir
tidak akan ketemu lagi
denganmu Ramadan mulia
walau kau berjanji
akan pasti kembali
menjenguk ruang dada ini
setelah kau tinggalkan berkelana
namun usia tidak pernah menjanjikan
apakah kita akan bertemu lagi.

Alangkah bahagiannya
jika Ramadan sepanjang tahun.

Ramadan kini datang lagi
menepati bagai dijanji
aku menangis lagi tanpa suara
sebak ... hiba ... terharu
dalam kesyukuran
anugerah Yang Maha Esa
meminjamkan usia
walau sedetik cuma
untuk membersihkan diri ini
spesies yang bernama manusia.

Ramadan ...!
kau akan pergi lagi
hingga sampai musim
datang lagi menunaikan janji
yang di kala itu
apakah aku akan menangis lagi
atau cuma ditangisi ...!

Maya Brunei

SELAMAT DI DUNIA BAHAGIA DI AKHIRAT

Muslim, mukmin, muhsin!
fikir-fikiran
dan kenang-kenanganlah
akan halnya diri kita ini
sedang di mana mahu ke mana
tiba saatnya nanti
kembali ke hadirat Ilahi.

Di sini jalan makrifat
jalan hakiki jalan selamat
jiwa yang kuat
dapat membentuk keperibadian diri
beriman
bertakwa
dan beramal salih
kepada Yang Maha Pengasih.

Muslim, mukmin, muhsin!
berwaspada dan berhati-hatilah
dalam melayari bahtera hayat kita ini
sekali terantuk ...
penyesalan tidak berguna lagi
segalanya jadi tidak bererti
di sini!

Muslim, mukmin, muhsin!
kenali dirimu anak Adam
segala cinta dan kasih dilabuhkan
dan panjatkanlah doa ke hadirat-Nya
semoga sentiasa dalam keberuntungan
selamat di dunia
bahagia di akhirat.

TAKSUB

Bumiku
bumimu
tempat kita berpijak
dan menanti harap
bahawa -
hari depan yang dinantikan
kebahagiaan pasti mendatang.

Kita taksub
kerana kita adalah sama
sealir sungai sedesir pantai
kita pertahankan
kita tak rela berputih mata
demi kedaulatannya.

Kita tidak mahu
dalam kehidupan nafsu-nafsi
yang kau adalah kau
yang aku adalah aku
selamanya kita akan berantakan
dalam kehancuran.

Demikian -
bumiku
bumimu
sama
dan aku pasti di sini
kesetiaan kita adalah sejati
abadi.

INSAN YANG LARA

Walau jauh kau pergi
mencari di mana-mana
di merata tempat di dunia ini
kau tidak akan bertemu
atau memperoleh
sesuatu yang kau cari.

Kau sebenarnya insan yang lara
hanyut oleh arus kehidupan moden
dibayangi keasyikan dan kemewahan duniawi
menyebabkan:
kau semakin jauh
lupa diri dan alpa
kau tidak tahu dan mengerti
yang hilang selama ini
adalah dirimu sendiri.

Wahai insan yang lara
sedarilah
dan kenalilah dirimu
kau akan mengerti

kau akan bertemu
sesuatu yang kau cari itu
ada di dalam rumahmu.

Rahim M. S.

GEGAR MENGUKIR SERIBU PERTANYAAN

Betapa berdarahnya hati yang sedia tersayat
dibawa arus kepunyaan asing bumi kian surut
ada suara dari hati tersembunyi
sekali pun segenggam pasir tiada harga.

Di ruang dingin bakal panas oleh suara
kerana antara kita rakus meniupkan api
gegaranya mengukir seribu pertanyaan di hati
menggoncang samudra di teluk sepi.

Kitalah yang berhak berbicara tentang manusia
bergelut dengan nafsu dan lantak percaya
saling soal-menyual dan bertanya
dalam kemilau sinaran mentari senja.

Hati siapa yang tidak terharu mengenangkan
kesedihan dan keperitan menghitam
segala-galanya
menikam saraf serta nadi kehidupan.

HIDUP SATU PENCARIAN

Di malam kembara ini
fikirkmu adalah bintang-bintang yang mengedip
menyelitap dan meresap ruang-ruang yang
terbuka
segala cita-cita dan harapan.

Kesepian adalah kuntum-kuntum embun segar
bayu kemesraan dan mawar kedamaian
menyentuh jantung rasa
menyepuh sayang semesta.

Entah di mana perhentianmu
betapa pun hidup ini satu pencarian
ia tidak seindah yang dimimpi-mimpikan
bila saja teringin pada keindahan.

DERITA MENEKAT RASA DUKA

Sejernih awan berbintang cerah
umpama titian membentang pantai
tersisih hanyut ditiup badai berdebu
memerah lumpur derita menekat rasa duka.

Kualami jua ranjau bala durjana
sekelumit rasa dibawa pulang
mengharap mimpi bahagia tak kunjung nyata
harap-harapan pada yang diharapkan.

Dari seorang kelana lara tenggelam sayu
sambil menonton lakonan nan kita nukil
apakah ada perhitungan terbengkalai
selain hanya menumpang kenang di hati orang.

Alwi S. M.

PENGEMBARA LAUT

Bayu menyapa sayup
ombak bergulung
pantai pecah
sebuah lamunan
bulan redup
sesat di angin timur lautan
mata memana infiniti
garis-garis horizon
gerimis langit di kaki mega:
dia seorang pengembara laut
membelah samudera

bersabung nyawa
di lambungan ombak
laut tak bertepi.

Pohon nyiur melambai
lagu si anak dagang
berkira nasib pada
sebuah naskhah
betara guru
menerang gelap
dengan lantera.

Kau hanyalah sebuah lautan
berpuing dalam gelombang alunan
kemuncak agli
meniti dan menyusur
buih menjadi
hamparan permaidani
lantas disulam bersama
emas awan.

DEDEBU KOTA

Dalam kebisingan dan kerutuhan
malam yang melepaskan layarnya
pada menara batu nan menjulang
berdiri megah
lampu neon metropolitan.

Wajah-wajah singa yang menanti hadirnya
kupu-kupu malam mengerlip hias
di setiap lorong gelap
pak turut angguk kepala
dibuai lena kealpaan
di bawah neon indah
bersaksi indera tidak bijak menilai
erti penghidupan sesudah mati
akhirnya muflis budi
hilang dalam suluh cahaya.

Ingin kujeritkan kuat
sebuah kalimat hak
namun embun meniti dalam asap membahang.

Kaku berdiri mencari sebuah harap
sebuah gagasan untuk anak-anakku
berkecai terus berkecai, munaah
jadi debu kota
di lembah durja
pohonan duri di pinggir kencana emas
menghiris tembok luka
pekat, gelap, malap.

Siapa pun pada wajah-wajah bangsaku
dari mana jua asal usulnya
yang hidup dalam makna dewasa
bangkitlah maruah dan jati diri
dengan lantera kukuh
dan teguh berdiri menjadi
barisan yang serentak berentak
tunggak memerangi badai jahil.

Maka ajilah kitab-kitab
dan kelak yang dapat
mengenal manikam
dialah jauh hari.

KALA SENJA

Dexiran ombak di gigi pantai
memecah kesunyian alam
dengan deruan angin
dan kilauan petir sahut-sahutan
membelah langit, tujuh petala
berarak mendung berarak langkah
mega-mega kemerahan, pudar.

Adi Swara



سنتياس برسام بيسكتيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 19 OKT	PAGI		10.02	TELENOVELA- 'Betty The Ugly One'	PETANG 1.40	DOKUMENTARI - 'Journey Into Islamic China'	4.15	JEJAK RASUL	7.30	H & S	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.50	HALFWAY ACROSS THE GLAXY AND TURN LEFT	2.15	KONG THE ANIMATED SERIES	4.45 5.15 5.30	DRAMA - 'Syariah' IHYA RAMADAN RAMADAN KARIM	8.00 8.50	BERITA NASIONAL DRAMA CO PROD - 'Korban'	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN				5.45	6.06	BERITA	9.30	TRADISI	
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	2.40	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	6.20 6.35	BEDUK/ AZAN MAGHRIB SAMBIL BERSUNGKAI MUTIARA HIDAYAH	10.00 10.30	NEWS AT 10 DOKUMENTARI - 'Journey Into Islamic Southern Asian'	
	9.00	BERITA			3.15	DRAMA (MEDIA CORP TV) - 'Siapa Bos'					
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	TELEDRAAMA RAMADAN - 'Hijrahku'	3.24	AZAN ASAR					
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.07	AZAN ZUHUR	3.45	RESIPI PILIHANKU Sr. 2					
								MALAM			
								7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	DARK ANGEL Yr. 2
							7.16	AZAN ISYAK	11.50	TADARUS	
									1.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

K H A M I S 20 OKT	PAGI		10.02	TELENOVELA- 'Betty The Ugly One'	2.15	ANIMATION HOUR: 'SLEEPING BEAUTY/ TELETUBBIES Sr. 2'	5.30	RAMADAN KARIM	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	MASAK APA Sr. 2		5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Padamu Aku Bersimpuh'	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	3.07	6.06	BEDUK/ AZAN MAGHRIB		WAYANG PILIHAN - 'Bid On A Wire'	
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	TELEDRAMA RAMADAN 'Keinsafan'	3.25	6.20	SAMBIL BERSUNGKAI	9.30		
	9.00	BERITA	12.07	AZAN ZUHUR	3.30	6.35	MUTIARA HIDAYAH Sr. 2			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		3.54	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	10.00	RANCANGAN HARI INI	1.40	DOKUMENTARI: 'Journey Into Islamic China'	4.24	RESIPI PILIHANKU Sr. 2		10.30	WAYANG PILIHAN - Sambungan	
					4.45	JEJAK RASUL Sr. 10	7.00	WARTA ISLAM		TADARUS
					5.15	DRAMA - 'Syariah'	7.15	AZAN ISYAK	11.30	
						IHYA RAMADAN	7.30	SURAH-SURAH PILIHAN	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAT 21 OKT	PAGI		10.00		12.15		3.30		MALAM	
			10.02		12.30		3.45		7.00	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.25	RANCANGAN HARI INI		ART ATTACK	4.15	DIARI KEHIDUPAN		LIPUTAN SEMASA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		PLAY WITH ME SESAME Sr. 2		SEMPAHYANG FARDU	4.45	RESIPI PILIHANKU Sr. 2	7.17	AZAN ISYAK
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.50	JOHAN, THE YOUNG SCIENTIST		JUMAAT - Siaran Langsung	5.15	JEJAK RASUL Sr. 10	7.30	JASAMU
	9.00	BERITA		BEING EVE - 'Being Obsessed'	1.30	PETANG	5.30	DRAMA - 'Syariah'	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.15	APA INI APA ITU	2.00	VISI SUCI	5.45	IHYA RAMADAN	9.00	BERSAMA MUFTI
			11.30	BERITA	2.30	SUKAN ANTARABANGSA	6.05	RAMADAN KARIM	9.30	GLOBAL ALERT
			11.45	MUSLIM WORLD	3.25	AN NUR - Siaran Langsung	6.20	BERITA	10.00	NEWS AT 10
						AZAN ASAR	6.35	BEDUK/ AZAN MAGHRIB	10.40	KHUTBAH JUMAAT
								SAMBIL BERSUNGKAI	10.55	TADARUS
								MUTIARA HIDAYAH	1.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 22 OKT	PAGI		10.50		2.00		5.15		9.00	
			11.20		2.25		5.30		9.45	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	CONTROL FREAKS	2.45	SABTU - 'Billy Madison'	6.05	IHYA RAMADAN		RANCANGAN KHAS - 'Mukjizat Al-Quran'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		DRAMA CO PROD - 'Diandangan Bujang Si Gandam' - Ulangan	3.25	DRIVE	6.20	RAMADAN KARIM		TAYANGAN GAMBAR - ARAB - 'Abdul Kadir Geylani'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	BERITA	3.50	KAMPUNG KITA - 'Kampung Kiudang/ Mukong' - Ulangan	6.35	BEDUK/ AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA		DOKUMENTARI - 'Warisan Kaum Etnik' - Ulangan	4.15	CHICAGO HOPE - 'Everybody's Special At Chicago'		SAMBIL BERSUNGKAI	10.30	TAYANGAN GAMBAR
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		AZAN ZUHUR	4.45	EVERBODY'S SPECIAL AT CHICAGO		MUTIARA HIDAYAH		ARAB - Sambungan
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.05	PETANG		AZAN ASAR		MALAM	11.55	TADARUS
	10.05	BUG ALERT Sr. 2/ THE LOST WORLD	12.30	PANGGUNG PETANG		RESIPI PILIHANKU		DUNIA ASIA	1.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
						JEJAK RASUL Sr. 10		AZAN ISYAK		
						DRAMA - 'Syariah'		INNNOV 8		
								BERITA NASIONAL		

AHAD 23 OKT	PAGI		10.05		1.15		3.25		MALAM	
			11.00		1.45		3.30		7.00	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus/ Even Stevens'	2.40	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/2006 - PREVIEW	4.15	PENGAJARAN DARI AL-QURAN		EXPLO MATHS - 'Sekolah Menengah'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		PIMPING Sr. 2	2.53	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/2006 - HIGHLIGHT	4.45	RESIPI PILIHANKU	7.15	AZAN ISYAK
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	SUNDAY MATINEE - 'The Borrowers'	3.15	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	5.15	JEJAK RASUL	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	11.45	BERITA	3.45	DOKUMENTARI - 'The Colour Of Islam'	5.30	DRAMA SYARIAH	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Ikan Emas'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		SUNDAY MATINEE - Sambungan	4.15		5.45	IHYA RAMADAN	10.00	NEWS AT 10
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.06	AZAN ZUHUR	4.45		6.05	RAMADAN KARIM	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
							6.20	BERITA	11.00	TADARUS
							6.35	BEDUK/ AZAN MAGHRIB	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
								SAMBIL BERSUNGKAI		
								MUTIARA HIDAYAH		

ISNIN 24 OKT	PAGI		10.02		2.00		5.15		8.00	
			11.00		2.15		5.30		8.50	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	TELENOVELA- 'Betty The Ugly One'	2.53	ANIMATION - 'Silver Brumby/ Super Little Fanta Heroes'	6.04	IHYA RAMADAN		BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		WANITA HARI INI	3.15	SPORTS PAGE	6.20	RAMADAN KARIM		DRAMA CO. PROD - 'Menanak Hati Mengulai Jiwa'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	TELEDRAAMA RAMADAN - 'Najihah'	3.25	MASSIVE NATURE	6.35	BEDUK/ AZAN MAGHRIB	9.30	PERISKOP
	9.00	BERITA	12.06	AZAN ZUHUR	3.45	AZAN ASAR		SAMBIL BERSUNGKAI	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		PETANG	4.15	RESIPI PILIHANKU		MUTIARA HIDAYAH	10.30	SUKAN GLOBAL
	10.00	RANCANGAN HARI INI	1.40	DOKUMENTARI - 'Journey Into Islamic China'	4.45	JEJAK RASUL Sr. 10		MALAM	11.00	HORIZON Sr.2
						DRAMA - 'Syariah'		LIPUTAN SEMASA	11.45	TADARUS
								AZAN ISYAK	1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
								THE ORANGE ROOM Sr. 3		

SELASA 25 OKT	PAGI		10.00		1.40		5.15		8.00	
			10.02		2.15		5.30		8.50	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	RANCANGAN HARI INI	2.53	DOKUMENTARI - 'Journey Into Islamic China'	6.04	IHYA RAMADAN		BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		TELENOVELA- 'Betty The Ugly One'	3.10	KIDS HOUR: 'Secret Adventures/ New Adventures Of Ocean Girl'	6.20	RAMADAN KARIM		KAMPUNG KITA - 'Kampung Madang Berakas' - Ulangan
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	MUTIARA HUTAN Sr. 2 - Ulangan	3.25	KID SINAR	6.35	BERITA	9.20	EHSAN
	9.00	BERITA	12.00	LIPUTAN SEMASA	3.45	AZAN ASAR		BEDUK/ AZAN MAGHRIB	9.30	DRAMA - 'Puspa Indah Taman Hati Bonda'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.06	TELEDRAAMA RAMADAN - 'Relong Cahaya'	4.15	RESIPI PILIHANKU		SAMBIL BERSUNGKAI	10.00	NEWS AT 10
				AZAN ZUHUR	4.45	JEJAK RASUL Sr. 10		MUTIARA HIDAYAH	10.32	WITHOUT TRACE
						DRAMA - 'Prasangka'		MALAM	11.20	TADARUS
								DRAMA - 'Suluh'	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT
								AZAN ISYAK		
								DOKUMENTARI: MENARA IMPIAN - 'Bidang Perguruan'		

Scan Van Mobile X-Ray memudahkan pemeriksaan keselamatan

GADONG, Isnin, 3

Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) kini mempunyai sebuah lagi Scan Van Mobile X-Ray Smith Heimann Hi-Scan 8585 yang berperanan untuk membantu meringankan tugas dan tanggungjawab pasukan berkenaan dalam mengawal keselamatan di negara ini khusus dalam pemeriksaan barangan para penumpang dan delegasi luar negara yang menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa di negara ini.

Sebelum ini PDB telah mempunyai kenderaan Scan Van Mobile X-Ray yang pertama telah digunakan sepenuhnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ketika ketibaan delegasi-delegasi luar negara bagi menghadiri Mesyuarat APEC 2000 yang lalu.

Dengan kenderaan dan kemudahan tersebut dapat membantu meringankan tugas dan tanggungjawab PDB, sebelum ini berupaya proses mengim-

Oleh Hj. Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

bas (scanning) amat terhad disebabkan hanya sebuah Van Mobile X-Ray.

Berbandukan dari pengalaman tersebut yang mana keperluan peralatan tersebut amatlah dikehendaki dan permohonan telah dibuat bagi mendapatkan sebuah kenderaan yang sama.

Sehubungan dengan itu Majlis Menepung Tawar bagi kenderaan tersebut diadakan di kawasan Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas di sini.

Majlis menepung tawar disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin kemudian diikuti oleh para pegawai kanan PDB.

Terdahulu dari itu Pesuruhjaya Polis menerima kunci bagi kenderaan tersebut yang disampaikan oleh wakil syarikat pembekal CIGS, kemudian Yang Dimuliakan menye-

raikan kepada Pengarah Gerakan PDB.

Menurut siaran akhbar PDB, kenderaan yang diserahkan merupakan kenderaan Van Mercedes yang kedua dimiliki oleh pasukan berkenaan yang dilengkapi X-ray dan didatangkan dari Jerman.

Siaran akhbar itu menambah X-ray yang dipasang pada kenderaan tersebut merupakan kelengkapan yang serupa dengan X-ray 'hand luggage' yang ada di kawalan-kawalan di Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Antara lain kegunaan kelengkapan Van Mobile X-Ray yang berharga \$500,000.00 tersebut adalah mudah alih dengan serta-merta bila-bila diperlukan. Adalah diharapkan dengan adanya peralatan dan akan memudahkan serta meringankan tugas itu tanggungjawab PDB dalam mengawal keselamatan negara.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin menyaksikan kemudahan di dalam kenderaan berkenaan (kiri), sementara gambar bawah, Scan Van Mobile X-ray Pasukan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Masri Osman.

CARA-CARA MENCEGAH PEMBIAKAN NYAMUK AEDES

Buangkan air yang bertakung pada lapik pasu dan tukarkan air dalam vas sekurang-kurangnya sekali seminggu.



Bersihkan longkang-longkang yang tersumbat supaya air tidak bertakung.



Semua bekas yang boleh mengandungi air seperti botol-botol, tin-tin dan bekas plastik dan tempurung-tempurung kelapa mesti ditanam atau di buang ke dalam tong sampah yang tertutup.



Terbalikkan semua baldi-baldi, yang tidak digunakan dan pastikan semua bekas menyimpan air yang lain ditutup rapat.



Perahu-perahu yang tidak digunakan lagi sebaiknya diterbalikkan supaya air tidak bertakung.



Tayar-tayar yang tidak digunakan lagi hendaklah ditebuk untuk mengelakkan air bertakung atau dibuang di tempat pembuangan sampah.



Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam

S
i
B
u
d
i
m
a
n





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyerahkan derma kepada seorang anak yatim.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar selaku Pengerusi IBB dan anak syarikatnya dan Takaful IBB Berhad menyerahkan hadiah kepada anak yatim yang terpilih.

2,033 orang anak yatim terima derma

BERAKAS, Khamis, 13 Oktober. - Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Seluruh Negara Bagi Tahun 1426H/2005M anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Jabatan Daerah Brunei-Muara dan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) telah diadakan di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Majlis tahunan anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang diadakan setiap bulan Ramadan. Ia diadakan sejak hampir 30 tahun yang lalu.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, yang seterusnya telah menyampaikan derma kepada anak-anak yatim seluruh negara. Turut hadir ialah Pengerusi IBB dan anak-anak syarikatnya; Pengarah Urusan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Dato Paduka Haji Ali Hashim bin Haji Daud dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Para Pegawai Daerah, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, IBB dan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, para pegawai kanan kerajaan, para Penghulu dan Ketua-ketua Kampung juga hadir di majlis itu.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Md. Fikri bin Haji Sharbini. Terjemahannya oleh Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin, diikuti oleh ucapan alu-aluan Pengerusi Bersama Majlis, Datin Hajah Adina binti Haji Othman, Pengarah Pembangunan Masyarakat.

Seterusnya majlis diikuti dengan membaca tahlil dan doa arwah beramai-ramai yang dipimpin oleh Mudim Haji Mat Salleh bin Haji Damit.

Ceramah Khas juga berajuk 'Peranan Anak Untuk Mentaati dan Menghormati Kedua Ibu Bapa' disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Ismail bin Md. Arif dari Pusat Da'wah Islamiyah.

Acara kemuncak majlis

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah dan Noor Khadijah Tengah Gambar-gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit dan Ramli Tengah

ialah penyampaian derma kepada anak-anak yatim seluruh negara. Seramai 2,033 orang anak yatim dari Daerah Brunei-Muara; 404 orang dari Daerah Tutong dan 347 orang dari Daerah Temburong yang berumur di bawah 18 tahun.

Mereka menerima sumbangan derma dari Tabung Anak-anak Yatim Negara Brunei Darussalam, IBB dan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, manakala bagi pihak anak-anak yatim dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong pula telah diterima oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Pada tahun ini Tabung Anak-anak Yatim Negara Brunei Darussalam telah menyumbang derma berjumlah \$60,990.00 dengan

kadar \$30.00 bagi setiap orang, manakala IBB telah menyumbang derma wang tunai \$50.00 kepada 2,033 orang anak-anak yatim dan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim pula telah memberikan sumbangan derma berbentuk kupon bernilai \$50.00 kepada anak-anak yatim yang berdaftar dengan Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim bagi pembelian peralatan dan keperluan sekolah.

Seperti mana pada majlis tahun lepas, pihak IBB sekali lagi telah memberikan Skim Hadiah Galakan Pelajar-pelajar Cemerlang IBB kepada anak-anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan PSR, PMB, 'O' Level dan 'A' Level pada tahun 2004.

Sumbangan derma kurangkan beban perbelanjaan sambut Hari Raya

BERAKAS, Khamis, 13 Oktober. - Anak-anak yatim di negara ini mendapat perhatian atas dasar sikap pemedulian oleh pihak-pihak yang tertentu dalam membantu mereka untuk mendapatkan asuhan, pim-

pinan dan pendidikan yang sempurna agar menjadi generasi berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran.

Sehubungan dengan itu, sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, keperluan anak-anak yatim tidak

ini, seramai 1,100 anak-anak yatim menerima sumbangan derma. Pihak PELITA BRUNEI berkesempatan menemui bual beberapa orang penerima yang hadir di majlis tersebut.

Hari Raya Aidilfitri secara sederhana.

Manakala Dayang Norjaain Mazyiah binti Jaini, 8 tahun dari Kampung Salambigar menyatakan rasa sedih kerana ditinggalkan ayahnya pada 20 Ogos yang lalu dan pertama kali menyambut Hari Raya Aidilfitri tanpa ayah, ditambah lagi dengan keadaan ibunya yang masih belum sedarkan diri selepas kemalangan jalan raya yang baru lalu.

Beliau yang mempunyai adik kecil berusia 11 bulan melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah atas pemedulian pihak yang tertentu memberikan perhatian mengurangkan beban mereka empat beradik.

Bagi Abdul Aziz bin Untong, 16 tahun dari Kampung Tungku, sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan disambut sederhana kerana terpaksa memberikan tumpuan sepenuhnya kepada peperiksaan yang akan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Syukur alhamdulillah, sumbangan derma ini dapat mengurangkan beban perbelanjaan kami lima beradik," ujarnya.

Muhammad Zhorif bin Zaini, 10 tahun pula berkata, "Hasil sumbangan derma itu akan saya gunakan untuk perbelanjaan keperluan sekolah dan pakaian Hari Raya Aidilfitri nanti."

Beliau yang menuntut di darjah lima walaupun sibuk membuat persiapan untuk menghadapi peperiksaan yang akan menjelang nanti, tetap akan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan meriah.

Manakala Umi Izzati binti Abdullah, 12 tahun yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah selepas Hari Raya Aidilfitri menjelaskan sumbangan derma itu akan beliau simpan separuh untuk masa depan dan kegunaan yang tertentu.

Menurutnya, ini adalah kali ketiga dia menerima derma seumpama itu.




Mohd. Zhorif bin Zaini berkata, "Walaupun peperiksaan akan berlangsung selepas Hari Raya Aidilfitri namun tidak akan menjejaskan kemegahannya."



NORJAAIN Mazyiah binti Jaini.




AWANG Mohd. Jame Khairi Al-Hadi bin Haji Awang Jafarizal Al-Jum, 9 tahun.



"HASIL sumbangan derma tersebut akan saya gunakan untuk perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri dan selebihnya akan saya gunakan untuk perbelanjaan sekolah," kata Abdul Aziz bin Untong, 16 tahun.



"SYUKUR alhamdulillah dengan sumbangan derma ini, dapatlah mengurangkan beban kami dalam membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri," jelas Siti Norjainab @ Fatim Hashila binti Haji Abdul Latif.



UMI Izzati binti Abdullah yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) menjelaskan kesibukan bagi membuat persiapan peperiksaan memeriahkan lagi Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

dilupakan, malah di sebalik kesibukan dalam membuat persiapan bagi menyambut ketibaan Syawal, pelbagai Majlis Penyampaian Sumbangan diadakan di seluruh negara bagi membantu mereka dalam persiapan Hari Raya Aidilfitri dan bagi menempuh alam persekolahan di tahun hadapan.

Dalam Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) hari

Menurut Dayang Siti Norjainab @ Fatim Hashila binti Haji Abdul Latif, 13 tahun dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan, dalam kesibukan menyambut Hari Raya Aidilfitri, dia juga membuat persiapan untuk peperiksaan yang diadakan selepas Hari Raya nanti.

Sumbangan derma itu, jelas beliau, akan digunakan untuk perbelanjaan sekolah di tahun hadapan dan juga sedikit sebanyak digunakan untuk perbelanjaan menyambut



SEBAHAGIAN pegawai dan anak-anak yatim yang hadir di majlis berkenaan.

HALUAN...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan terima kasih dan seterusnya penghargaan kepada penangjur majlis pagi ini.

Ia sememangnya merupakan acara tahunan khasnya menjelang bulan Ramadan.

Pada bulan Ramadan akan diadakan kutipan zakat fitrah atau zakat badan. Dan sebelum atau setelah masuk bulan Ramadan pada kebiasaannya orang-orang perseorangan dan institusi kewangan Islam akan menyerahkan zakat harta masing-masing.

Di negara kita zakat adalah ditadbir oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam. Bab 114 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi Penggal 77 memperuntukkan seperti berikut:

"Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah bertugas untuk mengutip bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan untuk menyelesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia tertakluk kepada syarat-syarat dari akta ini semua zakat dan fitrah yang harus dibayar di Negara Brunei Darussalam menurut hukum syarak dan hendaklah berbuat demikian setakat mana dan dengan cara yang ditetapkan dalam akta ini."

Sungguhpun peruntukan tersebut memberi kuasa mengutip dan menyelesaikan semua zakat yang dibayar di negara ini kepada Majlis Ugama Islam bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, namun pentadbiran dan pengurusan zakat hanya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sempurna setelah Peraturan Zakat dan Fitrah 1969 digubal dan dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun 1969 itu.

Amil yang dilantik setiap tahun oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah ditakrifkan sebagai pemungut zakat atau fitrah dalam peraturan yang disebutkan. Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai masjid (imam dan bilal), penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, guru-guru agama, pegawai-pegawai dari Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis Diraja, Pasukan Bomba dan juga pegawai serta kakitangan kerajaan yang dilantik bagi kawasan-kawasan tertentu.

Amil adalah sebahagian daripada asnaf yang berhak menerima bahagian daripada zakat sebagaimana menurut ayat 60 Surah Al-Taubah yang tafsirnya:

"Sungguhnyalah sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang menguruskannya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibebaskan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputus) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang sedemikian itu ialah)

sebagai satu ketetapan (yang datangnyalah) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Berbeza dari asnaf yang lain yang merupakan setakat penerima bahagian daripada zakat yang dikutip, asnaf amil adalah yang mengutip dan menguruskan zakat. Ia mendapat bahagiannya kerana tugasnya itu.

Di negara kita seperti yang diperlukan oleh undang-undang, amil adalah lantikan raja. Lantikan itu memberi kepercayaan penuh untuk amil mengutip zakat dan menyerahkan bahagian yang ditentukan kepada orang-orang yang berhak menerimanya setelah maklumat mengenai mereka diteliti.

Oleh itu tugas mereka adalah penting. Tanggungjawab mereka adalah berat. Ia bukan semata-mata lantikan undang-undang bahkan adalah kewajipan agama dan amanah yang dipercayakan oleh raja. Tugas demikian hendaklah disandak dengan insaf untuk dilaksanakan dengan penuh amanah, cekap dan dedikasi atau lutan.

Kerana itu dalam kesempatan menyerahkan tauliah lantikan kepada mereka ini saya dengan iklas sukacita menekankan kepentingan tugas amil untuk dilaksanakan dengan penuh amanah. Tidak memadai dengan cekap dan dedikasi sahaja. Kecekapan dan dedikasi tanpa amanah akan menjadikan orang yang disandangkan tugas dan jawatan - bukan sahaja amil dan bukan sahaja dalam perkara urusan zakat - terpesong yang kemudian akan mengabdikan kepentingan tugas dan jawatannya.

Satu perkara lagi dalam zakat ialah setiap orang yang diberi tugas menguruskannya, tidak sahaja amil-amil hendaklah menguruskannya dengan sentiasa berlapang dada, tidak bergelut dan tidak bersungut. Kerana zakat terutama sekali pengagihannya adalah berkaitan dengan hak orang-orang atau kalangan-kalangan yang telah ditentukan. Kewajipan kita ialah menyampaikan bahagian-bahagian zakat itu kepada yang berhak.

Urusan ini adalah terjemulah ke dalam perkara sedekah. Kita akan mendapat pahala apabila kita bersedekah dan menguruskan sedekah dengan iklas dan insaf untuk membantu mereka yang susah.

Alhamdulillah dengan adanya pengurusan zakat yang terus-menerus dikemaskini dan dengan bertambahnya kesedaran membayar atau mengeluarkan zakat di kalangan masyarakat maka bilangan pembayar zakat fitrah dan zakat harta telah meningkat.

Dalam tempoh empat tahun (2001 - 2004) terakhir misalnya terdapat pertambahan seramai sekitar 25 ribu orang yang membayar zakat fitrah (251,421) orang pada tahun 2001 menjadi 276,062 orang pada tahun 2004.

Dalam tempoh yang sama bilangan pembayar zakat harta telah meningkat jauh daripada cuma seramai 956 orang pada tahun 2001 dengan seramai 4,112 orang pada tahun 2004.

Dengan itu jumlah kutipan wang zakat dalam tempoh tersebut juga telah meningkat daripada kira-kira \$9.42 juta pada tahun 2001 kepada \$14.24 juta pada tahun 2004.

Demikian juga jumlah agihan. Dalam tempoh yang sama itu wang zakat yang diagihkan telah meningkat daripada cuma \$5.99 juta kepada \$14.6 juta.

Penerima bahagian zakat di negara kita terdiri dari enam asnaf sahaja iaitu fakir dan miskin, amil, muallaf, penanggu hutang dan musafir. Sejahtera ini kita telah mengagih dua asnaf selebihnya iaitu asnaf ar-riqab dan sabillillah tidak berbangkit dalam konteks negara kita.

Ar-riqab ditafsirkan sebagai pembebasan hamba abdi. Sementara sabillillah ditafsirkan sebagai perbelanjaan pada jalan Allah yang makna khususnya ialah 'berperang pada jalan Allah'. Kedua-duanya itu sejauh ini tidak berbangkit dan tidak relevan dalam konteks kemasyarakatan kita di negara ini.

Ar-riqab ditafsirkan sebagai pembebasan hamba abdi. Sementara sabillillah ditafsirkan sebagai perbelanjaan pada jalan Allah yang makna khususnya ialah 'berperang pada jalan Allah'. Kedua-duanya itu sejauh ini tidak berbangkit dan tidak relevan dalam konteks kemasyarakatan kita di negara ini.

Ar-riqab ditafsirkan sebagai pembebasan hamba abdi. Sementara sabillillah ditafsirkan sebagai perbelanjaan pada jalan Allah yang makna khususnya ialah 'berperang pada jalan Allah'. Kedua-duanya itu sejauh ini tidak berbangkit dan tidak relevan dalam konteks kemasyarakatan kita di negara ini.

TANGGUNGJAWAB MENGATASI KEMISKINAN, USAHA YANG BERTERUSAN



UCAPAN Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa Majlis Penyampaian Tauliah Amal Bagi Tahun 1426H/2005M anjuran Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiyah, Berakas pada hari Rabu, 24 Syaaban 1426 bersamaan 28 September 2005.

Fakir miskin adalah dua daripada enam asnaf penerima agihan zakat. Unit Kutipan dan Agihan Zakat ada menyimpan senarai mereka setelah dikenal pasti melalui permohonan dan maklumat yang diperolehi daripada pihak-pihak berkenaan di negara ini.

Usaha-usaha bagi mengenal pasti fakir miskin yang belum terdaftar adalah sedang diteruskan dengan kerjasama semua amil. Baru-baru ini pula usaha tersebut melibatkan Jawatan-kuasa Takmir Masjid. Dan dalam waktu yang sama penelitian juga dibuat ke atas senarai fakir miskin yang terdaftar itu bagi menentukan kelayakan mereka untuk menerima agihan dan bantuan selanjutnya khasnya bagi memasukkan mereka ke dalam senarai penerima-penerima tetap secara bantuan bulanan untuk jangka waktu dua tahun.

Ini bermakna jumlah yang mereka terima itu melebihi jumlah bahagian yang ditentukan kepada mereka iaitu 2/6 dari jumlah kutipan.

Bagaimanapun ia telah

ditampung dengan mengambil dari baki wang zakat asnaf fakir miskin yang tidak habis diagihkan pada tahun-tahun sebelumnya.

Jelannya ialah peruntukan untuk fakir miskin sebanyak 2/6 daripada kutipan zakat setiap tahun biasanya habis diagihkan kepada mereka dan ada waktunya tidak mencukupi dan terpaksa dicukupkan dengan mengambil daripada wang zakat yang terkumpul bagi asnaf fakir miskin.

Masalah yang dihadapi dalam pengurusan zakat khasnya pengagihannya kepada fakir miskin ialah ketiadaan hadul kifayah bagi menentukan garis kemiskinan atau poverty line.

Bagaimanapun dalam menimbang bantuan atau agihan kepada asnaf fakir miskin satu anggaran kasar telah dibuat.

Misalnya seorang yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dengan pendapatan di bawah \$100.00 sebulan mempunyai tanggungan seorang isteri dan seorang anak kecil yang belum bersekolah telah diberikan bantuan bulanan berupa wang tunai \$200.00 dan bantuan barang makan (asasi) sebanyak \$195 untuk makan minum mereka tiga beranak iaitu pada kadar \$65 seorang bagi tempoh sebulan.

Satu contoh lagi ialah tiga orang adik beradik yatim piatu yang bersekolah dan tinggal bersama nenek mereka telah diberi bantuan bulanan perbelanjaan sekolah sebanyak \$180 (\$60 seorang) dan bantuan makanan asasi sebanyak \$240.

Setakat ini ada seramai 2,370 orang dalam 513 keluarga miskin sedang menerima bantuan bulanan yang berjumlah lebih \$433 ribu sebulan.

Sebenarnya, di samping bantuan-bantuan yang disebutkan itu, setakat sekarang ada beberapa jenis bantuan diberikan kepada fakir miskin termasuk juga muallaf selain dari agihan zakat menjelang Hari Raya dan pada setiap akhir tahun menjelang penggal pertama persekolahan. Bantuan-bantuan yang dimaksudkan ialah berupa bayaran sewa rumah, membina, membeli dan membaiki rumah termasuk bantuan kelengkapan seperti pendawaian api elektrik, penyambungan bekalan air dan bantuan kecemasan.

Terdapat juga bentuk bantuan yuran persekolahan dan pengajian.

Seterusnya bagi fakir miskin yang sedang berusaha atau ingin memulakan usaha mendapatkan mata pencarian, bantuan-bantuan telah dibolurkan berupa pembelian alat-alat yang berkaitan seperti perahu dan enjinnya, alat menangkap ikan dan bantuan modal.

Bantuan kepada fakir miskin dan orang-orang yang tidak berupaya kerana cacat memang tersedia dalam Skim Bantuan Kebajikan Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bantuan-bantuan tersebut saling menimbal satu sama lain dengan bantuan Majlis Ugama Islam dari wang zakat.

Seungguhnya kita di negara ini sejak dahulu lagi mengambil berat ke atas hal-ehwal kebajikan orang-orang yang kurang berupaya dan kurang bernasib baik seperti fakir miskin dan orang-orang cacat. Selain itu kita juga mempunyai dasar bantuan pelajaran dan kesihatan serta perubahan yang membolehkan negara menyaksikan perubahan dan peningkatan taraf hidup rakyat dalam tiga dekad terakhir ini.

Dengan itu kita menyaksikan bahawa orang-orang miskin boleh keluar dari lingkaran kemiskinan menerusi program-program sosial yang sistematis khasnya melalui pendidikan dan latihan kemahiran.

Syaratnya ialah mereka sendiri mesti bertuan berusaha dan berkeinginan untuk memperbaiki keadaan hidup mereka.

Di samping itu semua pihak yang berkenaan, kerajaan dan bukan kerajaan hendaklah juga meneruskan usaha mencari kaedah-kaedah yang tepat bagi mengatasi kemiskinan yang sudah semakin ketara di negara ini.

Penerima-penerima bantuan sama ada bantuan wang zakat mahupun bantuan dan skim kebajikan kerajaan hendaklah mempergunakan bantuan yang diberikan itu untuk sama-sama berusaha keluar dari lingkaran kemiskinan, khasnya bantuan yang dibolurkan bagi persekolahan anak-anak mereka. Gunaklah bantuan dengan sebaik-baiknya.

Dari segi ajaran agama kita, kemiskinan dan kefakiran itu dilihat termasuk dari perkara yang membahayakan akhlak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud sedemikian itu khasnya yang membawa kepada kekufuran.

Maka lannya menjadi tanggungjawab kita untuk mengatasi kemiskinan. Erti kita 'kita' itu ialah pihak-pihak kerajaan dan pihak-pihak lain.

Untungnya kita sudah sedia mempunyai wadah untuk bergerak ke arah ini. Tinggal lagi ialah usaha yang berterusan untuk mengemban dan meneguskannya sehingga tercapai matlamat masyarakat penyanggah dan pemuduan dalam sebuah negara yang dirahmati serta diredai Allah.

Sentiasa kemas kini buku profil mukim dan kampung masing-masing

SUBOK, Jumaat, 30 September. Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu Mukim diseru supaya sentiasa mempunyai sikap terbuka, ceria, berbudhi bahasa dan penuh sopan santun dalam melayani apa jua permasalahan yang diajukan oleh anak-anak buah kampung atau mukim dan memberikan layanan sebaik-baiknya meskipun bantuan yang diperlukan itu mungkin tidak dapat ditunaikan.

Selain dari itu satu perkara yang perlu disedari oleh setiap Ketua Kampung dan Penghulu Mukim bahawa kerjanya mereka itu bukanlah satu bidang waktu bertugasnya terbatas, malah perkhidmatan mereka yang berkenaan itu diperlukan pada bila-bila masa oleh anak-anak buah.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri (KHEDN), Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyatakan harapan itu di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim, Ketua Kampung Belimbing yang baru di rumah kediaman.

Menurut beliau mengadakan perundingan, perjumpaan dan permuakarahannya bersama anak-anak buah kampung dan mukim dituntut kerana perundingan, perjumpaan dan permuakarahannya itu akan membantu memudahkan menjalankan tugas berkaitan permasalahan anak-anak buah kampung untuk diselesaikan dengan cara lebih berkesan.

Melalui pendekatan kepimpinan seumpama itu beliau percaya segala projek yang diinikayahkan akan sentiasa mendapat sokongan.

Mengenai Majlis-majlis

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui KHEDN telah menyediakan peruntukan kewangan berjumlah \$100,000.00 bagi membantu membiayai projek-projek yang dirancang tahun ini.

Beliau mengingatkan anak-anak buah kampung dan mukim supaya bersikap terbuka dan berani untuk tampil ke hadapan bagi menggunakan kemudahan yang disediakan dengan cara melibatkan diri dalam mengagotai MPMK bagi sama-sama berganding bahu bersama Ketua Kampung/Penghulu Mukim, Jawatankuasa Takmir Masjid dan Kejiranan Kampung.

Di majlis itu mereka disarankan untuk sentiasa memperkemaskini buku profil kampung dan mukim yang antara lain mengandungi daftar penduduk, bilangan rumah/pemilikinya dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memastikan segala maklumat yang direkodkan di dalam buku tersebut menggambarkan keadaan sebenarnya yang mana maklumat sedemikian amat diperlukan oleh agensi-agensi kerajaan bila-bila masa.

Menyimpan rekod perihai kampung atau mukim yang terkini merupakan salah satu peranan, tugas dan tanggungjawab Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung seperti

mana yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai tugas baru Awang Haji Mohd. Daud selaku Ketua Kampung Belimbing, beliau menyarankan agar menghayati peranan, tugas dan tanggungjawab yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998, malah mempraktikkannya dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dimandatkan.

Awang Haji Mohd. Daud berusia 58 tahun merupakan bekas Penolong Ketua Pelajaran Rendah di Jabatan Sekolah-sekolah dan bakal memimpin kampung yang mempunyai 1,646 orang penduduk.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyerahkan Sijil Lantikan Ketua Kampung kepada Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim, Ketua Kampung Belimbing yang baru. - Gambar oleh Masri Osman.

ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1426H/BERSAMAAN 2005M

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

1. Menurut Mazhab Syafie, Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.
2. Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.
4. Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun 1426H bersamaan 2005M ialah 2 kilo 268 gram atau dengan nilai wang seperti berikut :

- (i) Jika Beras Wangi \$2.84 (ii) Jika Beras Siam \$1.93
(Dengan nilai wang ini bertaklid kepada Mazhab Hanafi).

5. Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).
6. Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka dari kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu qaul adalah pada harganya, iaitu sebagai berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin.
7. Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1426H BERSAMAAN 2005M (NILAIAN BERAS)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		KILO	GRAM
1.	Seorang	2	268
2.	2 orang	4	536
3.	3 orang	6	804
4.	4 orang	9	72
5.	5 orang	11	340
6.	6 orang	13	608
7.	7 orang	15	876
8.	8 orang	18	144
9.	9 orang	20	412
10.	10 orang	22	680
11.	11 orang	24	948
12.	12 orang	27	216
13.	13 orang	29	484
14.	14 orang	31	752
15.	15 orang	34	20
16.	16 orang	36	288
17.	17 orang	38	556
18.	18 orang	40	824
19.	19 orang	43	92
20.	20 orang	45	360
21.	21 orang	47	628
22.	22 orang	49	896
23.	23 orang	52	164
24.	24 orang	54	432
25.	25 orang	56	700
26.	26 orang	58	968
27.	27 orang	61	236
28.	28 orang	63	504
29.	29 orang	65	772
30.	30 orang	68	40

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1426H BERSAMAAN 2005M (NILAIAN WANG)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		Beras Siam	Beras Wangi
1.	Seorang	\$1.93 sen	\$2.84 sen
2.	2 orang	\$3.86 sen	\$5.68 sen
3.	3 orang	\$5.79 sen	\$8.52 sen
4.	4 orang	\$7.72 sen	\$11.36 sen
5.	5 orang	\$9.65 sen	\$14.20 sen
6.	6 orang	\$11.58 sen	\$17.04 sen
7.	7 orang	\$13.51 sen	\$19.88 sen
8.	8 orang	\$15.44 sen	\$22.72 sen
9.	9 orang	\$17.37 sen	\$25.56 sen
10.	10 orang	\$19.30 sen	\$28.40 sen
11.	11 orang	\$21.23 sen	\$31.24 sen
12.	12 orang	\$23.16 sen	\$34.08 sen
13.	13 orang	\$25.09 sen	\$36.92 sen
14.	14 orang	\$27.02 sen	\$39.76 sen
15.	15 orang	\$28.95 sen	\$42.60 sen
16.	16 orang	\$30.88 sen	\$45.44 sen
17.	17 orang	\$32.81 sen	\$48.28 sen
18.	18 orang	\$34.74 sen	\$51.12 sen
19.	19 orang	\$36.67 sen	\$53.96 sen
20.	20 orang	\$38.60 sen	\$56.80 sen
21.	21 orang	\$40.53 sen	\$59.64 sen
22.	22 orang	\$42.46 sen	\$62.48 sen
23.	23 orang	\$44.39 sen	\$65.32 sen
24.	24 orang	\$46.32 sen	\$68.16 sen
25.	25 orang	\$48.25 sen	\$71.00 sen
26.	26 orang	\$50.18 sen	\$73.84 sen
27.	27 orang	\$52.11 sen	\$76.68 sen
28.	28 orang	\$54.04 sen	\$79.52 sen
29.	29 orang	\$55.97 sen	\$82.36 sen
30.	30 orang	\$57.90 sen	\$85.20 sen

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	BANDAR SERI BEGAWAN 'A' Mengandungi :		
1.	Bolkiah Kem dan sekitarnya (yang bukan terdiri daripada ABDB dan keluarganya)	Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Emran bin Haji Kunchang	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
2.	Istana Edinburgh		
3.	Jalan Perayaan		
4.	Jalan Merdeka		
5.	Jalan Bahagia	Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Metassan bin Haji Tahir	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
6.	Jalan Rakis		
7.	Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Airport Lama		
8.	Kedai-kedai Bandar Seri Begawan	Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haj Abdul Hamid	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
9.	Jalan Residency		
10.	Berek Hospital		
11.	Pusar Ulak		
12.	Jalan Maharaja Lela		
13.	Km 1 Jalan Tutong hingga simpang Istana		
14.	Darul Hana	Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
15.	Jalan Telepok Jalan Melabau		
16.	Jalan Temanggon		
17.	Dari simpang Jalan Gadong hingga Jambatan Gadong	Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
18.	Jalan Kumbang Pasang		
19.	Jalan Ong Sum Ping		
20.	Jalan Jawatan Dalam	Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
21.	Jalan Mabohai		
22.	Jalan Sekolah		
23.	Jalan Dato Marsal		
24.	Woksyop JKR		
25.	Jalan Lintang		
26.	Jalan Simpang Sekolah	Mudim Awang Haji Md. Salleh bin Haji Damit	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
27.	Jalan Padang		
28.	Jalan Dato Taib		
29.	Jalan Dato Isa		
30.	Jalan Tasek		
31.	Jalan Tasek Lama hingga Terrace Hotel		
32.	Jalan Stoney		
33.	Jalan Dato Ibrahim	Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddin)	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
34.	Jalan Istana Darussalam		
35.	Kampung Pengiran Pemancha Lama		
36.	Kampung Sungai Kedayan A dan B		

37.	Kampung Kianggeh dan sekitarnya		
38.	Kampung Ujong Tanjung		
39.	Kampung Kuala Sungai Peminyak	Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddin)	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
40.	Kampung Ujong Bukit		
41.	Kampung Limbongan		
42.	Kampung Bukit Salat		
43.	Kampung Sumbiling Lama		
2.	BANDAR SERI BEGAWAN 'B' Mengandungi :		
a)	Simpang Istana Darul Hana hingga ke Kilometer 6, Jalan Tutong	Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Salleh. (Ketua Kampong Madewa/Telanai)	Di Rumah Amil
b)	Kampung Telanai		
c)	Kampung Madewa		
3.	BANDAR SERI BEGAWAN 'C' Mengandungi :		
a)	Istana Nurul Iman,	Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Haji Omar	Di Surau Istana Darul Hana
b)	Istana Darul Hana dan sekitarnya		
c)	Hijau Baiduri		
d)	Kampung Bandong.		
4.	BANDAR SERI BEGAWAN 'D' Mengandungi :		
a)	Balai Bomba Bandar Seri Begawan Brunei (khas untuk pegawai dan kakitangan serta keluarganya)	Ustaz Haji Adanan bin Ahmad (Guru Agama Jabatan Perkhidmatan Bomba).	Surau Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei
5.	POLIS DIRAJA BRUNEI Mengandungi :		
a)	Polis Diraja Kawasan Gadong dan Kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong)	APO SM 2825 Haji Abdullah bin Haji Karim (Pemangku Imam Surau Polis Gadong)	Di Surau Polis Gadong
b)	Polis Diraja (Ibu Pejabat Polis Diraja Daerah Brunei dan Muara dan keluarga mereka sahaja)	SGT 1671 Pg. Haji Ludin bin Pg. Metahir (Pemangku Bilal Surau Polis Gadong)	
c)	Kawasan Polis Kawalan Diraja		

BAGI KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	a) Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda 'A' b) Kampong Bakut Siraja Muda 'B' c) Kampong Bakut Berumpit	Pengiran Bakar bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda 'A')	Di Rumah Amil
2.	Masjid Kampong Tamoi a) Kampong Pengiran Bendahara Lama b) Kampong Pengiran Tajuddin Hitam c) Kampong Tamoi Tengah d) Kampong Tamoi Hujung e) Kampong Pengiran Kerma Indera Lama	Awang Haji Daud bin Haji Abdul Kadir (Imam Masjid DPMM Kampong Tamoi) Awang Haji Sabtu bin Haji Abdullah (Imam Masjid DPMM Kampong Tamoi)	Di Masjid DPMM Kampong Tamoi

Lihat muka 12

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 11

BAGI KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
3.	a) Kampong Burong Pinggai Ayer b) Kampong Asam	Awang Haji Kamis bin Nasir (Pemangku Imam Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti)	Di Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti
4.	Kampong Lurong Dalam	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
5.	a) Kampong Sungai Pandan 'A' b) Kampong Sungai Pandan 'B'	Awang Bahrom bin Pengarah Haji Abdullah Sani (Pemangku Balai Ibadat Kampong Sungai Pandan)	Di Balai Ibadat Kampong Sungai Pandan
6.	a) Kampong Pandai Besi 'A' b) Kampong Pandai Besi 'B'	Pengiran Haji Ayub bin Pengiran Sulaiman (Ketua Kampung Pandai Besi 'A')	Di Rumah Amil
7.	a) Kampong Pekan Lama b) Kampong Pengiran Setia Negara	Pengiran Haji Halus bin Pengiran Haji Kadar (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
8.	a) Kampong Lurong Sikuna	Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
9.	Kampong Saba : a) Kampong Saba Darat 'A' b) Kampong Saba Darat 'B' c) Kampong Saba Laut d) Kampong Saba Tengah e) Kampong Saba Ujong.	Awang Ramlee bin Haji Ladis (Imam Balai Ibadat Kampong Saba) * Awang Haji Junaidi bin Haji Yahya (Bilal Balai Ibadat Kampong Saba)	Di Balai Ibadat Kampong Saba
10.	a) Kampong Pekilong Muara b) Kampong Setia Pahlawan	Awang Haji Meraji bin Penglima Raja Dato Paduka Haji Mohiddin (Ketua Kampung Pekilong Muara)	Di Rumah Amil
11.	a) Kampong Sungai Siamas b) Kampong Ujong Kelinik	Awang Haji Merali bin Haji Matzin (Ketua Kampung Sungai Kebun)	Di Balai Ibadat Kampong Sg. Siamas
12.	a) Kampong Sungai Kebun b) Kampong Peramu	Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Md. Hussin (Imam Masjid Al-Muhtadee Billah) * Awang Haji Abu Bakar bin Daud (Marbut Masjid Al-Muhtadee Billah)	Di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampong Sungai Kebun
13.	a) Kampong Setia 'A' b) Kampong Setia 'B' c) Kampong Lupak Luas d) Kampong Tarap Bau dan kawasan sekitarnya.	Awang Haji Sungeh bin Suru (Imam Masjid Pehin Perdana Wangsa Haji Muhammad) Awang Haji Hassan bin Haji Lusin (Imam Masjid Pehin Perdana Wangsa Haji Muhammad)	Di Masjid Perdana Wangsa Haji Muhammad, Kampong Setia
14.	a) Kampong Bolkiah 'A' b) Kampong Bolkiah 'B'	Awang Haji Airwan bin Haji Malik (Imam Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah)	Di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kampong Bolkiah 'A'
		Awang Shamsudin bin Haji Maidin (Ketua Kampung Bolkiah 'B')	Di Rumah Amil

KAWASAN PEDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	a) Kampong Bunut Kilometer 8, Jalan Tutong b) Kampong Tasek Meradun	Awang Haji Juffe bin Haji Mega (Imam Masjid Kampong Bunut) Awang Haji Maidin bin Haji Kassim (Ketua Kampung Tasek Meradun)	Di Masjid Kampong Bunut Di Rumah Amil
2.	Bengkurang : a) Kampong Bengkurong b) Kampong Burong Lepas c) Kampong Sinarubai	Awang Haji Zainal bin Haji Othman (Imam Masjid Bengkurong) Awang Haji Abidin bin Haji Metarsad (Imam Masjid Bengkurong)	Di Masjid Kampong Bengkurang
3.	Kampong Kilanas dan sekitarnya	Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud (Imam Masjid Kampong Kilanas) Awang Haji Ibrahim bin Mohammed (Imam Masjid Kampong Kilanas)	Di Masjid Kampong Kilanas
4.	Kampong Tanjong Bunut	Awang Haji Salleh bin Haji Sabli (Imam Surau Kampong Tanjong Bunut) Awang Haji Kanderishah bin Haji Takong (Imam Surau Kampong Tanjong Bunut)	Di Surau Kampong Tanjong Bunut
5.	Kampong Jangsak dan sekitarnya	Awang Zulhazmi bin Salleh (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Awang bin Haji Metussin (Imam Masjid Jubli Perak SHHB) Awang Haji Salleh bin Hashim (Imam Masjid Jubli Perak SHHB)	Di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah
6.	Sengkuring 'A': a) Kampong Pasai 1 b) Kampong Pasai 2 c) Kampong Mengawang d) Kampong Limpuan e) Kawasan Simpang Jalan Jerudong hingga Jambatan Sungai Sengkuring f) Kawasan Simpang Jalan Mulaut hingga Simpang 87 g) Jalan Ban 2A hingga Simpang 31 h) Jalan Ban 2A hingga Simpang 37 i) Jalan Ban 3A hingga Simpang 43 j) Jalan Ban 3A - Simpang 254 hingga Simpang 59 k) Jalan Sungai Tampoi mulai Simpang 59 hingga 91 l) Pusat Tahanan Jerudong Sengkuring 'B': a) Kampong Sengkuring b) Kampong Padang c) Kampong Pulau Gapor d) Kampong Pulau Manang e) Kampong Selayun f) Kampong Tagap g) Kampong Sungai Tampoi Hulu h) Kampong Sungai Tampoi Hilir i) Kampong Bukit Tajau j) Jalan Tagap Jerudong k) Jalan Jerudong l) Jalan Selayun Jerudong	Awang Muhammad Khalid bin Haji Timbol (Pegawai Hal Ehwal Masjid) * Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib DSS Haji Tamin (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring) Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahim (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring) Awang Haji Hamdani bin Haji Gharif (Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring) Awang Haji Musa bin Haji Tahir (Pelapis Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring)	Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring
7.	Kampong Tanjong Nangka	* Awang Latam bin Nawang (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil

8.	Kampong Mulaut	Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Wahab (Imam Surau Kampong Mulaut) Awang Mahuddin bin Salleh (Imam Surau Kampong Mulaut)	Di Surau Kampong Mulaut
9.	Kampong Jerudong dan sekitarnya	Awang Haji Yusof bin Haji Salleh (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Kamarulzaman bin Haji Jakar (Imam Masjid Al-Ameerah Al- Hajjah Maryam) * Awangku Mohd. Noh bin Pengiran Haji Mohd. Sabri (Imam Masjid Al- Ameerah Al-Hajjah Maryam) * Awang Haji Mohd. Hairul bin Haji Sani (Bilal Masjid Al-Ameerah Al- Hajjah Maryam)	Di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kampong Jerudong
10.	a) Kampong Katimahar b) Kampong Kulapis c) Kampong Lugu	Awang Haji Hassan bin Taha (Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin) Awang Haji Isa bin Haji Saban (Bilal Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin)	Di Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin Kg. Katimahar
11.	Panchor Murai : a) Kampong Panchor Murai b) Kampong Batong c) Kampong Imang	Awang Haji Mohd. Saadullah bin Haji Salleh (Imam Masjid Kampong Panchor Murai) * Awang Hamdi bin Haji Awang Ibrahim (Bilal Masjid Kampong Panchor Murai)	Di Masjid Kampong Panchor Murai
12.	Masin : a) Kampong Masin b) Kampong Bebatik	Awang Haji Asmat bin Haji Tuah (Imam Masjid Kampong Masin) Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Othman (Imam Masjid Kampong Masin)	Di Masjid Kampong Masin
13.	Pengkalan Batu : a) Kampong Pengkalan Batu b) Kampong Parit c) Kampong Batu Ampar	Awang Haji Mohd. Jani @ Jabbar bin Haji Abd. Majid (Imam Masjid Kampong Pengkalan Batu)	Di Masjid Kampong Pengkalan Batu
14.	Limau Manis : a) Kampong Limau Manis b) Kampong Kuala Lurah c) Kampong Batang Perhentian d) Kampong Bukit e) Kampong Wasan	Awang Haji Ahmad bin Haji Mohd. Hassan (Pegawai Hal Ehwal Masjid) * Awang Muhd. Shahman bin Haji Jumut (Bilal Masjid Kampong Limau Manis)	Di Masjid Kampong Limau Manis
15.	Kampong Bebuloh	* Awang Muhd. Izzul Islam bin Abdullah, (Bilal Pusat Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh)	Pusat Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh
16.	Kampong Junjongan	Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim (Imam Masjid Kampong Junjongan) Awang Haji Daud bin Gagah (Bilal Masjid Kampong Junjongan)	Di Masjid Kampong Junjongan
17.	Lumapas : a) Kampong Lumapas 'A' b) Kampong Lumapas 'B' c) Kampong Panchor d) Kampong Kilugus e) Kampong Singkirap	Awang Rozisham bin Haji Chuchu (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Banin bin Haji Banang (Imam Masjid Kampong Lumapas) Awang Mohd. Azree bin Haji Asli (Bilal Masjid Kampong Lumapas)	Di Masjid Kampong Lumapas
18.	Kasat : a) Kampong Kasat b) Kampong Buang Sakar	Awang Haji Makshud bin Haji Malik (Imam Masjid Kampong Kasat) Awang Afendi bin Haji Taha (Bilal Masjid Yayasan SHHB)	Di Masjid Kampong Kasat
19.	Putat : a) Kampong Putat b) Kampong Baong	Awang Haji Hamrin bin Haji Mangshor (Imam Masjid Kampong Putat) Awang Haji Rungging bin Haji Malik (Imam Masjid Kampong Putat)	Di Masjid Kampong Putat
20.	Menunggol : a) Kampong Menunggol b) Kampong Riong c) Kampong Gadong Batu	Awang Haji Salibi bin Haji Tarip (Imam Masjid Kampong Menunggol)	Di Masjid Kampong Menunggol
21.	Kawasan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah : a) Kampong Kiarong b) Kampong Kiulap c) Kawasan Pengkalan, Gadong d) Kawasan Berek Elektrik dan sekitarnya e) Kawasan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah	Yang Dimulikan Pehin Khatib Awang Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim Yang Dimulikan Pehin Khatib Awang Haji Mustafa bin Haji Murad Yang Dimulikan Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong Mudim Awang Haji Tamin bin Haji Putting Mudim Awang Haji Abd. Latif bin Haji Saman Mudim Awang Haji Safar bin Haji Laji @ Kitley	Di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah
22.	Kawasan Pangkalan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Rimba (Khas untuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan keluarga sahaja)	Awang Haji Othman bin Mohd. Noor (Guru Ugama, TUDB Rimba)	Pejabat Guru Ugama TUDB, Rimba
23.	Rimba : a) Kampong Rimba	Awang Puspa Wira bin Haji Md. Noor (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
24.	Rimba : Kampong STKRJ Rimba	Awang Haji Sisa bin Haji Ahmad (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
25.	Rimba : Kampong Kawasan 4, RPN Rimba	Awang Haji Asli bin Haji Abd. Latif (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
26.	Rimba : Kampong Kawasan 2, RPN Rimba	Awang Mohamad bin Haji Kabon (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
27.	Tungku : a) Kampong Tungku b) Kampong Katok c) Kampong Perpindahan Rakyat Jati Kampong Tungku	Awang Haji Hassan bin Haji Apeng (Kakitangan Kementerian Pendidikan)	Di Rumah Amil
28.	Kampong Mata-Mata Gadong	Awang Jamal bin Munap (Bilal Balai Ibadat Kampong Mata-Mata)	Di Balai Ibadat Kampong Mata-Mata Gadong
29.	Kampong Beribi	Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Md. Daud (Imam Masjid Kampong Beribi) Sheikh Haji Edham bin Sheikh Haji Nekman (Imam Masjid Kampong Beribi)	Di Masjid Kampong Beribi

Lihat muka 13

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 12

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
30.	Universiti Brunei Darussalam dan Sekitarnya	Awang Haji Abd. Warith bin Haji Raini (Imam Masjid UBD) Awang Haji Jamudin bin Haji Dollah (Imam Masjid UBD)	Di Masjid Universiti Brunei Darussalam
31.	Kampung Perpindahan Mata-Mata : a) Kampung Perpindahan Kampung Sumbiling Baru b) Kampung Perpindahan Kampung Sultan Lama c) Kampung Perpindahan Kampung Pulau Baru-Baru	Awang Haji Mahari bin Haji Metussin (Imam Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata)	Di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata
32.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Bolkiah Kem (Untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja)	Awang Haji Aziz bin Haji Samat (Imam Surau, ABDB Bolkiah Kem) Awang Haji Osman bin Ibrahim (Bilal Surau, ABDB Bolkiah Kem) Ustaz Jemain bin Haji Kaliman (Guru Ugama)	Di Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem
33.	Perpindahan Berakas : a) Kampung Jaya Bakti b) Kampung Jaya Setia c) Kampung Burong Pinggai Berakas	Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ahmad Termizi bin Haji Md. Daud (Imam Masjid Sufri Bolkiah)	Di Masjid Sufri Bolkiah
34.	Kawasan Masjid Lambak : a) Kampung Lambak 'A' b) Kampung Lambak 'B'	Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Abd. Ghani (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd. Afdzillah bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Kampung Lambak) Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang (Bilal Masjid Kampung Lambak)	Di Masjid Lambak
35.	Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri	Awang Jufri bin Hidup (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Asnan bin Haji Saman (Imam Masjid RPN, Kampung Lambak Kiri) Awang Haji Zahid bin Haji Md. Zain (Imam Masjid RPN, Kampung Lambak Kiri)	Di Masjid RPN, Kampung Lambak Kiri
36.	Kampung Perpindahan Lambak Kanan	Awangku Azyrin bin Haji Awang Damit (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ali bin Haji Timbang Al-Hafiz (Imam Masjid, Kampung Perpindahan Lambak Kanan) Awang Haji Saminan bin Haji Awang Tengah (Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan)	Di Masjid Perpindahan Lambak Kanan
37.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Berakas Kem (Untuk ABDB dan keluarga mereka sahaja)	Awang Haji Hitam bin Haji Ismail (Imam Surau ABDB, Berakas Kem) Awang Haji Ahmad bin Haji Moktar (Guru Ugama Berakas Kem)	Di Surau ABDB, Berakas Kem
38.	Masjid Mohammad Bolkiah : a) Kampung Serusop dan termasuk kawasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan b) Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya c) Kampung Pancha Delima	Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metussin (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Muslim bin Haji Abd. Razak (Imam Masjid Mohammad Bolkiah) Awang Jofri bin Haji Abidin (Imam Masjid Mohammad Bolkiah)	Di Masjid Mohammad Bolkiah
39.	Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal: a) Kawasan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan sekitarnya b) Kampung Delima Satu c) Kampung Delima Dua	Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Mohd. Taib (Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal) Awang Abdullah bin Haji Tahir (Bilal Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal)	Di Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal
40.	Anggerek Desa : a) Kampung Anggerek Desa b) Kampung Pulaie c) Kampung Orang Kaya Besar Imas	Awang Haji Burhanuddin bin Haji Damit (Imam Masjid Pulaie) Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji (Imam Masjid Pulaie)	Di Masjid Pulaie
41.	Kampung Mudang dan sekitarnya :	Pg. Haji Ali bin Pg. Maun (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
42.	Kampung Manggis I dan II	Haji Mohd. Limbang bin Lamudin (Ketua Kampung Manggis)	Di Rumah Amil
43.	Sungai Hanching : a) Kampung Sungai Hanching b) Kampung Sungai Tilong c) Kampung Sungai Akar d) Kawasan Pusat Latihan Polis Diraja Jalan Muara.	Awang Haji Mahlee bin Haji Awang Besar (Imam Masjid Kampung Sungai Hanching) Awang Haji Sari bin Haji Nasir (Imam Masjid Kampung Sungai Hanching)	Di Masjid Kampung Sungai Hanching
44.	Kampung Salambigar dan sekitarnya	Awang Hj. Abd. Halim bin Hj. Bungsu (Imam Masjid Kampung Salambigar) Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Tuah (Imam Masjid Kampung Salambigar)	Di Masjid Kampung Salambigar
45.	Tanah Jambu : a) Kampung Tanah Jambu b) Kampung Salar	Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Md. Yassin (Imam Masjid Kampung Tanah Jambu) Awang Haji Amron bin Awang (Imam Masjid Kampung Tanah Jambu)	Di Masjid Kampung Tanah Jambu
46.	Kampung Kapok	Pengiran Haji Hafizzuddin bin Pengiran Haji Bakar (Imam Masjid Kampung Kapok) Awang Haji Jalil bin Putera (Bilal Masjid Kampung Kapok)	Di Masjid Kampung Kapok
47.	Muara : a) Kampung Sabun b) Kampung Serasa c) Kawasan Rumah Pegawai-Pegawai Kerajaan Tanjung Pelumpong d) Kawasan Balai Polis Muam e) Kawasan Balai Bomba Muara f) Kampung Masjid Lama	Awang Haji Serbini bin Haji Kula (Imam Masjid Setia Ali Muara) Awang Haji Ridi bin Haji Midi (Imam Masjid Setia Ali, Muara) Awang Haji Alias bin Haji Ibrahim (Bilal Masjid Setia Ali, Muara)	Di Masjid Setia Ali, Muara
48.	Kampung Perpindahan Serasa Muara	Awang Haji Hamdan bin Haji Bakar (Imam Masjid Kampung Perpindahan Serasa) Awang Haji Rosli bin Haji Ladis (Imam Masjid Kampung Perpindahan Serasa)	Di Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muara
49.	Kawasan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei Muara (untuk Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan keluarga mereka sahaja).	Awang Mohd. Khairul Azmi bin Hj. Salleh (Imam Surau ATLDB, Muara Kem) Awang Zakaria bin Haji Jalil (Imam Surau ATLDB, Muara Kem)	Di Surau Tentera Laut Diraja Muara Kem.
50.	Kampung Sungai Buloh	Pengiran Haji Rosman bin Pengiran Haji Shahbudin (Imam Masjid Kampung Sungai Buloh) Pengiran Haji Mohd. Lizam bin Pg. Hj. Merali (Bilal Masjid Kampung Sungai Buloh)	Di Masjid Kampung Sungai Buloh.
51.	Kampung Batu Marang	Awang Haji Ahmad @ Salleh bin Haji Bini (Imam Masjid Kampung Batu Marang) * Awang Haji Mohd. Sharine Hadiman bin Haji Sahari (Bilal Masjid Kampung Batu Marang)	Di Masjid Kampung Batu Marang.
52.	Mentiri : a) Kampung Mentiri b) Kampung Perpindahan Mentiri	Pengiran Haji Marzuki bin Pengiran Haji Abd. Rahman (Imam Masjid Kampung Mentiri) Awang Haji Haji bin Haji Abd. Rahman (Imam Masjid Kampung Mentiri)	Di Masjid Kampung Mentiri
53.	Kampung Perpindahan Mentiri	Awangku Mohd. Ali Hanafiah bin Pengiran Haji Timbang (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Tohara bin Haji Ongsang (Imam Masjid RPN Mentiri) Awang Faidil Rosemady bin Mohammad (Bilal Masjid RPN Mentiri)	Di Masjid RPN Mentiri
54.	Kampung Sungai Besar	Awang Haji Samsul bin Haji Abd. Latif (Imam Masjid Kampung Sungai Besar) Awang Sanip bin Haji Nasar (Imam Masjid Kampung Sungai Besar)	Di Masjid Kampung Sungai Besar
55.	a) Kampung Sungai Bunga b) Kampung Pulau Baru-Baru	Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad (Bilal Masjid Kampung Sungai Bunga) Pg. Mohd. Fadzillah bin Pengiran Mahmud (Bilal Masjid Kampung Sungai Bunga)	Di Masjid Kampung Sungai Bunga
56.	Kampung Sungai Matan	Awang Sufri bin Haji Kalong (Guru Ugama)	Di Rumah Amil
57.	Kawasan Masjid Kampung Serdang a) Kampung Serdang b) Kampung Belukut	Awang Haji Talipuddin bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kampung Serdang) Awang Ali Noor bin Haji Yahya (Bilal Masjid Kampung Serdang)	Di Masjid Kampung Serdang
58.	Kampung Puduk	Awang Haji Zari bin Haji Karim (Imam Masjid Kampung Puduk) Awang Mohammad Sani bin Sahat (Bilal Masjid Kampung Puduk)	Di Masjid Kampung Puduk
59.	a) Kampung Pelambayan b) Kampung Dato Ghandi	Awang Haji Sumardi bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kampung Pelambayan)	Di Masjid Kampung Pelambayan
60.	Kawasan Masjid Kampung Pintu Malim a) Kampung Pintu Malim b) Kampung Sungai Lampai c) Kampung Kota Batu	Awang Haji Ali Yusof bin Haji Arshad (Imam Masjid Kg. Pintu Malim) Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ariff (Bilal Masjid Kg. Pintu Malim)	Di Masjid Kampung Pintu Malim
61.	Subok : a) Kampung Subok b) Kampung Belimbing	Awang Nuzli bin Haji Jumat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Zawawi bin Haji Taib (Imam Masjid Kampung Belimbing Subok) Awang Norjal bin Sisa (Bilal Masjid Kampung Belimbing, Subok)	Di Masjid Kampung Belimbing Subok

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH BELAIT

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Tanjong, Kuala Belait.	* Awang Akup bin Haji Lamat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Ahmaddani bin Haji Abdul Rahman (Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam) Awang Haji Zainal bin Idris (Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam) Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar (Marbut Masjid Mohammad Jamalul Alam)	Di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.
2.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Roundabout Km 6, Kuala Belait.	Awang Md. Aliyani bin Ismail (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Md. Alias bin Bakar (Imam Masjid RPN Kampung Pandan) Awang Mohd. Zakaria bin Roseta (Bilal Masjid RPN Kampung Pandan)	Di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.
3.	Dari Kampung Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait.	Awang Haji Omarali bin Haji Hussin (Imam Masjid Kampung Sungai Teraban)	Di Masjid Kampung Sungai Teraban.
4.	a) Dari Anduki hingga Lorong Satu, Seria b) Dari Lorong Enam hingga Roundabout Km 6, Kuala Belait	Mohd. Zulhilmi bin Mohd. Jeffri (Imam Masjid Pekan Seria) Awang Haji Mohd. Sophian bin Roslee (Bilal Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria.

Lihat muka 14

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 13

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
5.	Dari Lorong Dua hingga Lorong Lima, Seria	* Awang Haji Mohd. Said bin Haji Md. Yassin (Imam Surau Lorong Tiga Selatan, Seria)	Di Masjid Lorong Tiga Selatan, Seria.
6.	Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G., Lumut	Awang Ahmad Yani Zulkarnaen bin Haji Yusof (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ibrahim bin Haji Daud (Imam Masjid Zainab) Awang Haji Mohd. Salih bin Haji Kassim (Bilal Masjid Zainab) Awang Abu Bakar bin Haji Hassan (Pelapis Imam/Bilal Masjid Zainab)	Di Masjid Zainab, Kampong Sungai Taring, Lumut
7.	Dari Sempadan Belait/Tutong hingga B.L.N.G., Lumut	Awang Haji Ibrahim bin Haji Dullah (Imam Masjid Kampong Sungai Liang)	Di Masjid Kampong Sungai Liang.
8.	Mukim Bukit Sawat & Kawasan Pedalaman 'A'	Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abbas (Imam Masjid Al-Mashor Kampong Sungai Mau)	Di Masjid Al-Mashor Kampong Sungai Mau, Ulu Belait.
9.	Kawasan Bukit Sawat & Kawasan Pedalaman 'B'	Awang Ahmad bin Haji Othman (Imam Masjid Kampong Bukit Sawat)	Di Masjid Kampong Bukit Sawat, Ulu Belait.
10.	Mukim Labi, Ulu Belait	Awang Endy bin Masri (Imam Masjid Kampong Labi) Awang Sofian bin Bidin (Bilal Masjid Kampong Labi)	Di Masjid Kampong Labi, Ulu Belait.
11.	Kawasan Balai Bomba Labi/Sungai Liang/Seria dan Belait	ASFS. Pengiran Rosli bin Pengiran Haji Ahmad (Pegawai Bomba)	Di Surau Balai Bomba Seria.
12.	Mukim Melilas, Ulu Belait.	*Awang Mohd. Shahrin bin Mohd. Halim (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sukang).	Balai Ibadat Kampong Melilas, Ulu Belait.
13.	Mukim Sukang, Ulu Belait.	Awang Shahrizan bin Abdullah (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sukang).	Balai Ibadat Kampong Sukang, Ulu Belait.

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TUTONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Kawasan Masjid Hassanul Bolkiah : a) Pekan Tutong, b) Kampong Petani, c) Kampong Bukit Bendera, d) Kampong Sungai Basong, e) Kampong Sungai Besar, f) Kampong Suran, g) Kampong Pancher Dulit, h) Kampong Pancher Papan.	* Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abdul Rahman (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Abdul Aziz bin Badul (Imam Masjid Hassanul Bolkiah) * Awang Moksin bin Haji Mokhtar (Bilal Masjid Hassanul Bolkiah)	Di Masjid Hassanul Bolkiah, Tutong
2.	Kawasan Kampong Sengkarai: a) Kampong Sengkarai, b) Kampong Serampang.	Awang Haji Abdul Aidil Sufian bin Haji Yassin (Imam Balai Ibadat Kampong Sengkarai) Awang Hazrin bin Haji Hassan (Bilal Balai Ibadat Kampong Sengkarai)	Di Balai Ibadat Kampong Sengkarai.
3.	Kawasan Masjid Kampong Penabai, Kuala Tutong.	Awang Mohd. Rosli bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Kampong Penabai) Awang Mohd. Shahrwan bin Samsudin (Bilal Masjid Kampong Penabai)	Di Masjid Kampong Penabai, Kuala Tutong.
4.	Masjid Kampong Keriam, Tutong.	Awang Haji Mohd. Kartolo bin Haji Abang (Imam Masjid Kampong Keriam) * Awang Khalideen bin Haji Mohd. Jamil (Bilal Masjid Kg. Keriam)	Di Masjid Kampong Keriam, Tutong.
5.	Masjid Kampong Sinaut, Tutong.	Awang Haji Masri bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kampong Sinaut) Awang Kamaruddin bin Haji Mohd. Ali (Bilal Masjid Kampong Sinaut)	Di Masjid Kampong Sinaut, Tutong.
6.	Masjid Kampong Penanjong, Tutong.	* Awang Haji Mohammad Khairul Azmy bin Haji Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid). Awang Haji Salleh bin Haji Abdullah (Imam Masjid Kampong Penanjong) Awang Sukri bin Haji Anuar (Bilal Masjid Kampong Penanjong)	Di Masjid Kampong Penanjong, Tutong.
7.	Masjid Kampong Layong, Tutong.	Awang Haji Mohd. Deli bin Haji Raya (Imam Masjid Kampong Layong) Awang Samsul bin Haji Yaakub (Bilal Masjid Kampong Layong)	Di Masjid Kampong Layong, Tutong.
8.	Masjid Kampong Kiudang, Tutong.	Awang Haji Abu Bakar bin Awang Tengah (Imam Masjid Kampong Kiudang). * Awang Haji Mohd. Faizul bin Haji Mohd. Azlan (Bilal Masjid Kampong Kiudang).	Di Masjid Kampong Kiudang, Tutong.
9.	Kawasan Kampong Bekian, Tutong.	Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaluddin (Ketua Kampong Bekian/Pengkalau Mau).	Di Rumah Amil.
10.	Masjid Kampong Kupang, Tutong.	Awang Haji Siadis bin Haji Damit (Imam Masjid Kampong Kupang). * Awang Haji Julaidi bin Haji Baha (Bilal Masjid Kampong Kupang)	Di Masjid Kampong Kupang, Tutong.
11.	Masjid Kampong Penapar, Tutong.	Awang Haji Sufri bin Haji Mega (Imam Masjid Kampong Penapar). Awang Norsham bin Rosli (Bilal Masjid Kampong Penapar)	Di Masjid Kampong Penapar, Tutong.
12.	Masjid Kampong Tanjong Maya, Tutong.	Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof (Imam Masjid Kampong Tanjong Maya) Awang Mohd. Yusasmi bin Haji Mohd. Yusof (Bilal Masjid Kampong Tanjong Maya)	Di Masjid Kampong Tanjong Maya, Tutong.
13.	Masjid Kampong Telisai, Tutong.	Awang Haji Junaidi bin Haji Sabtu (Imam Masjid Kampong Telisai) Awang Haji Alias bin Taha (Imam Masjid Kampong Telisai).	Di Masjid Kampong Telisai, Tutong.
14.	Masjid Kampong Danau, Tutong.	Pg. Hassan bin Pg. Haji Ismail (Bilal Masjid Kampong Danau).	Di Masjid Kampong Danau, Tutong.
15.	Masjid Kampong Birau, Tutong.	Awang Haji Abdul Mulok bin Haji Mohd. Jaya (Imam Masjid Kampong Birau). Awang Haji Muhi. Khairul Marlan bin Haji Abdul Razak (Bilal Masjid Kampong Birau).	Di Masjid Kampong Birau, Tutong.
16.	Masjid Kampong Lamunin, Tutong.	Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu (Imam Masjid Kampong Lamunin) Awang Haji Ahmad Daud bin Mohd. Idris (Bilal Masjid Kampong Lamunin)	Di Masjid Kampong Lamunin, Tutong.

17.	Masjid RPN Kampong Bukit Bering, Tutong.	* Awang Haji Sumadi bin Haji Kassim (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd. Rosnadin bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid RPN Kampong Bukit Bering).	Di Masjid RPN Kampong Bukit Bering, Tutong.
18.	Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang, Tutong.	Awang Haji Nain bin Hassan (Imam Masjid Kampong Menengah) * Awang Haji Ali bin Abdullah (Bilal Masjid Kampong Menengah)	Di Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang, Tutong.
19.	Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong.	Pg. Mohammad Fikhrin bin Pg. Haji Daul (Imam Masjid Kampong Bukit Panggal) Awang Haji Hasnuli bin Haji Talip (Bilal Masjid Kampong Bukit Panggal).	Di Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong.
20.	Masjid Haji Abdul Azim, Kampong Luagan Dudok, Tutong.	*Awang Azri bin Haji Abdullah (Imam Masjid Haji Abdul Azim, Kampong Luagan Dudok). *Awang Haji Nasir bin Nayan (Bilal Masjid Abdul Azim).	Di Masjid Kampong Luagan Dudok, Tutong.
21.	Masjid Kampong Bang Dalam/Biong.	Awang Haji Mohd. Yusof bin Ahmad (Imam Masjid Kampong Bang Dalam Biong).	Di Masjid Kampong Bang Dalam Tutong.
22.	Kawasan A.B.D.B. Tutong Kem.	Awang Haji Mohammad Anny @ Rafiz bin Saile @ Suhaili (Imam Surau A.B.D.B. Tutong Kem). Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman (Bilal Surau A.B.D.B. Tutong Kem) Ustaz Ahmad Bakul bin Awang (Guru Ugama)	Di Surau A.B.D.B. Tutong Kem, Tutong.
23.	Kawasan A.B.D.B. Penanjong Kem, Tutong.	Awang Suhif bin Abdullah (Imam Surau A.B.D.B. Penanjong Kem) Awang Mohd. Sofri Al Jelehish bin Yahya (Imam Surau Tutong Kem). Awang Haji Husain bin Haji Mokhtar (Guru Ugama)	Di Surau A.B.D.B. Penanjong Kem, Tutong.
24.	Balai Bomba Pekan Tutong/Lamanin.	Awang Haji Abdul Khalek bin Haji Zubaidi (Ahlil Bomba, Pekan Tutong).	Di Surau Balai Bomba, Tutong.
25.	Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong.	Awang Haji Hammadi bin Haji Mohd. Yassin (Imam Masjid Kampong Lubok Pulau) Awang Mohd. Suhud bin Haji Razali (Bilal Masjid Kampong Lubok Pulau)	Di Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong.
26.	Masjid Kampong Sungai Kelugos, Tutong.	* Awang Omarali bin Ahmad (Imam Masjid Kampong Sungai Kelugos) * Awang Madzlan bin Haji Morteis (Bilal Masjid Kampong Sungai Kelugos)	Di Masjid Kampong Sungai Kelugos, Tutong.
27.	Masjid Kampong Bukit Udai, Tutong.	Pg. Su'eh bin Pg. Hj. Munin (Imam Masjid Kampong Bukit Udai) Awang Hazman bin Haji Hussain (Bilal Masjid Kampong Bukit Udai)	Di Masjid Kampong Bukit Udai, Tutong.
28.	Masjid Kampong Benutan, Tutong.	*Awang Haji Mohd. Azley bin Haji Mohd. Alaudin (Pemangku Imam Masjid Kampong Benutan) Awang Haji Mohd. Akin bin Abdullah (Bilal Masjid Kampong Benutan)	Di Masjid Kampong Benutan, Tutong.
29.	Masjid Kampong Bukit, Tutong.	*Awang Muhammad Aliyan bin Abdullah Saawat (Imam Masjid Kampong Bukit) *Awang Haji Mohd. Ghazali bin Mohd.	Di Masjid Kampong Bukit, Tutong.
30.	Kawasan Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong.	Ariffin (Pemangku Imam Balai Ibadat Hajah Aminah).	Di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong.

BAGI KAWASAN PEKAN BANGAR DAN PEDALAMAN DAERAH TEMBURONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Kawasan Bandar 'A': a) Kawasan Pekan Bangar Baru, b) A.B.D.B. Bangar Kem, c) Kampong Batang Tusu, d) Kampong Seri Tanjung Belayang, e) Berek Elektrik, f) Kampong Samunang, g) Kampong Kinalong, h) Kampong Belingos.	Awang Azry bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh) Awang Norezan bin Zaini (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh dan Rumah Amil.
2.	Kawasan Bandar 'B': a) Kawasan Pekan Bangar, b) Berek Bomba, c) Kampong Sungai Tamam, d) Kampong Sungai Tanit, e) Kampong Menengah, f) Kampong Belayang.	Awang Mohd. Fuad bin Mohd. Yusoff (Bilal Masjid Utama Mohammad Salleh)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh dan Rumah Amil.
3.	Kawasan Masjid Kampong Selangan: a) Kampong Selangan, b) Kampong Sumbiling, c) Kampong Belahan Baru, d) Kampong Sibulu.	Awang Haji Lisa bin Haji Tengah (Imam Masjid Kampong Selangan).	Di Masjid Kampong Selangan dan Rumah Amil.
4.	Kawasan Masjid Kampong Batu Apoi: a) Kampong Batu Apoi, b) Kampong Negalang, c) Kampong Perpidahan Gadong.	Awang Haji Adam bin Haji Tengah (Imam Masjid Kg. Batu Apoi)	Di Masjid Kampong Batu Apoi dan Rumah Amil.
5.	Kawasan Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok: a) Kampong Bokok, b) Kampong Rataie, c) Kampong Bakarut, d) Kampong Simbatang, e) Kampong Kenua, f) Kampong Lepong Lama, g) Kampong Lepong Bara.	Awang Mahdini bin Kamis (Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar)	Di Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok.
6.	Kawasan Masjid Kampong Belais: a) Kampong Belais, b) Kampong Buda-Buda.	Awang Shamsuddin bin Haji Arhan (Imam Masjid Kampong Belais)	Di Masjid Kampong Belais.
7.	Kawasan Masjid Kampong Labu Estate: a) Kampong Labu Estate, b) Kampong Senukoh, c) Kampong Pisau-Pisau.	Awang Haji Abdul Halim bin Matson (Imam Masjid Kampong Labu Estate)	Di Masjid Kampong Labu Estate.
8.	Kawasan Masjid Kampong Pusi: a) Kampong Pusi, b) Kampong Ujong Jalan.	Awang Haji Said Ahmad bin Haji Aliamat (Imam Masjid Kampong Pusi)	Di Masjid Kampong Pusi.
9.	Kawasan Kampong Sembait	Awang Moksin bin Mohd. Kerim (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sembait)	Di Balai Ibadat Kampong Sembait.
10.	Kawasan Balai Ibadat Kampong Sibot	Awang Al-Hussaini bin OKK Haji Nordin (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sibot)	Balai Ibadat Kampong Sibot.
11.	Masjid RPN Kampong Rataie: a) Kampong Rataie, b) Perpindahan Kampong Rataie, c) Kueria Tanah Kampong Rataie.	Awang Elfi bin Haji Suhaili (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd. Tahir bin Nurhudaiddin (Bilal Masjid RPN Kampong Rataie)	Di Masjid RPN Kampong Rataie.

Peringatan : * Amil yang baru dilantik.

ARENA SUKAN

Jabatan Perkhidmatan Bomba juara bola sepak jabatan-jabatan KHEDN

BERAKAS, Jabatan Perkhidmatan Bomba berjaya menjuarai Kejohanan Bola Sepak Antara Jabatan-jabatan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), selepas menundukkan Jabatan Penjara 2-0 pada perlawanan akhir di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Jabatan Perkhidmatan Bomba yang menguasai keseluruhan permainan bermain cukup menyerlah, namun kesemua percubaan mereka gagal menepati sasaran sehinggalah pada minit-minit terakhir permainan hendak ditamatkan mereka berjaya mendahului satu jaringan melalui sepakan penalti.

Sepakan tersebut dibantu oleh pengadil perlawanan Haji Omar Haji Safar, selepas pemain pertahanan Jabatan Penjara melakukan kekasaran dekat pintu gol dan Mohd. Saidi Abdullah Tujoh dengan mudah memanfaatkan kesempatan itu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba mendahului 1 - 0.

Selepas mendahului 1-

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

0, Jabatan Perkhidmatan Bomba meneruskan kecemerlangan mereka dengan terus menguasai permainan separuh masa kedua melalui beberapa percubaan, namun kebanyakan percubaan tersebut tersasar keluar.

Penyerang Idris Haji Abang umpamanya terlepas dua peluang terbuka selepas rembatannya tersasar ke tepi, manakala Mohd. Noor pula yang hanya berdepan satu sama satu bersama penjaga gol gagal menolak bola depan pintu gol.

Meskipun begitu, Helmi Haji Hamid berjaya menutup segala kelemahan rakan-rakannya apabila bola dari hantaran tengah Mohd. Saidi Abdullah berjaya mengelirukan pandangan penjaga gol Jabatan Penjara dan Helmi Haji Hamid yang sudah di depan dengan mudah menenduk bola masuk menjadikan kedudukan 2 - 0.

Meskipun ketinggalan

0 - 2, Jabatan Penjara juga sekali-sekala berjaya menembusi pertahanan Jabatan Perkhidmatan Bomba, namun kecemerlangan penjaga gol Christopher Zick Lim Dawat yang juga dianugerahkan sebagai pemain terbaik kejohanan berjaya menggagalkan kesemua percubaan tersebut hinggalah kedudukan kekal 2 - 0.

Jabatan Perkhidmatan Bomba yang menjuarai kejohanan tersebut berjaya merangkul hadiah \$700.00 dan pingat emas berserta piala pusingan sumbangan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, yang juga turut menyaksikan serta menyampaikan hadiah-hadiah pada pasukan yang berjaya.

Jabatan Penjara yang menjadi naib juara merangkul pingat perak dan hadiah wang \$500.00, manakala Daerah Brunei

dan Muara yang menduduki tempat ketiga selepas menumpaskan Jabatan Daerah Belait 2 - 1, memperoleh pingat gangsa berserta hadiah wang tunai \$300.00.

Sementara itu penjaring terbanyak sepanjang kejohanan ini berlangsung ialah Zulrimi Haji Zaini.

Juga hadir menyaksikan perlawanan akhir itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan di bawah KHEDN.

Kejohanan tahunan yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara bermula pada 21 Ogos dan disertai oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Kuala Belait, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Penjara, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Jabatan Buruh.



BERJAYA... Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyampaikan piala rebutan kepada Pasukan Jabatan Perkhidmatan Bomba yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Antara Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. - Gambar oleh Ramli Tengah.



MENGASAK... Barisan Jabatan Perkhidmatan Bomba (jersey putih) mengasak pertahanan Jabatan Penjara untuk menambah lagi jaringan selepas mendahului 1 - 0 pada pertarungan separuh masa pertama dalam perlawanan akhir di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

JIS pertahankan kejuaraan kali ke-4

BERAKAS, Ahad, 25 September. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) berjaya mempertahankan kejuaraan Kejohanan Renang Antara Sekolah-sekolah kali keempat berturut-turut yang berlangsung di Pusat Renang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Pada kejohanan kali ini perenang-perenang JIS merangkul 34 pingat emas, 15 perak dan 20 gangsa. Naib juara disandang oleh Sekolah Antarabangsa

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Brunei (ISB), dengan meraih 16 pingat emas, 18 perak dan 14 gangsa manakala tempat ketiga disandang oleh Sekolah Saint Andrew's dengan memperoleh 10 pingat emas, 28 perak dan 19 gangsa.

Kejohanan tahunan peringkat umur anjuran Kelab Renang Brunei ini disertai oleh lebih 200 peserta dari 20 buah seko-

lah kerajaan dan swasta.

Kejohanan selama dua hari itu berjaya mencatatkan rekod-rekod baru dari beberapa kategori yang dipertandingkan selain menampilkan ramai perenang-perenang berbakat untuk diasuh dan diberikan bimbingan.

Melalui kejohanan tersebut juga akan dapat menarik minat penuntut-

penuntut menceburi sukan renang sebagaimana matlamat kejohanan untuk mendedahkan sukan ini kepada semua para penuntut.

Arbisyam FC 'A' Azmainshah FC 'A' juara bola sepak pantai

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

TUTONG, Khamis, 15 September. - Pasukan Arbisyam FC 'A' yang beraksi dalam kategori A dan Azmainshah FC 'A' (kategori 'B') masing-masing muncul juara Perlawanan Bola Sepak Pantai Belia 2005, di Pantai Seri Kenangan.

Arbisyam FC 'A' yang menjuarai kumpulan B menewaskan Pasukan GPPS Tutong 'A' 2 - 1 dalam perlawanan separuh akhir terus cemerlang dengan menumpaskan Pasukan Red Card dengan kemenangan 2 - 0 pada peringkat akhir kategori A.

Sementara itu Pasukan Azmainshah FC 'A' yang menumpaskan Pasukan Telisai Scout FC 2 - 1 menerusi sepakan penalti yang juga bekerja keras menundukkan Pasukan PIMMUS Junior sehingga mengheret ke sepakan penalti sebelum memenangi 4 - 3 dalam kategori B.

Sejumlah 44 buah pasukan belia dari seluruh

negara berentap pada kejohanan itu sempena cuti persekolahan penggal ketiga bersaing dalam dua kategori.

Kategori A dibukakan bagi belia di bawah umur 12 - 15 tahun disertai oleh 24 pasukan dan kategori B bagi peserta dari umur 16 - 18 tahun beraksi dalam kumpulan B disertai oleh 20 pasukan.

Kejohanan selama tiga hari anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong dikendalikan ekoran sambutan dan permintaan ramai para belia, di samping menjadi landasan dan melatih para peserta untuk menggunakan masa lapang semasa cuti persekolahan dengan kegiatan-kegiatan yang bermanfaat.

Kejohanan berakhir Majlis Penyampaian Hadiah oleh Pegawai Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Ismail bin Bohari.

Dua pemain catur sertai kejohanan di Hyderabad

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

NEGARA Brunei Darussalam baru-baru ini menghantar dua pemain catur remaja ke Kejohanan Catur Perseorangan Lelaki Asia Ke-5 yang berlangsung di Hyderabad, India.

Dua pemain tersebut merupakan adik-beradik Ak. Hira dan Ak. Hirawan bin Pg. Mohd. Omar.

Kejohanan tersebut bakal mempertemukan pemain-pemain jaguh dari seluruh pelusuk Asia.

Sepuluh pemain terbaik di kejohanan itu nanti layak untuk menyertai Kejohanan Piala Dunia 2005 yang dijangka akan berlangsung di Rusia bulan Disember akan datang.

Penyertaan Ak. Hira dan Ak. Hirawan ini juga merupakan perlawanan pemanas sebelum penyertaan mereka di sukan SEA 2005 yang akan datang di Manila, Republik Filipina.



AK. HIRAWAN (kiri) dan Ak. Hira (kanan) sebelum berlepas ke Hyderabad, India pada 3 Oktober lalu. - Gambar ihsan Persatuan Catur.



MULA... Para perenang bersaing hebat antara satu sama lain ketika memulakan penerjunan bagi acara bebas 50 meter.

TANAH PERKUBURAN ISLAM JALAN RESIDENCY (TANAH PERKUBURAN ISLAM SUBOK) DITUTUP PENGGUNAANNYA MULAI HARI INI

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan kepada orang ramai bahawa mulai hari Rabu, 15 Ramadan 1426 bersamaan 19 Oktober 2005, Tanah Perkuburan Islam Jalan Residency, Bandar Seri Begawan (Tanah Perkuburan Islam Subok) akan ditutup penggunaannya.

Kementerian itu dalam kenyataan akhbar hari ini menjelaskan, penutupan tersebut berdasarkan kajian ke atas Tanah Perkuburan Islam berkenaan yang dibuat oleh Unit Tanah Perkuburan Islam KHEU yang mendapati bahawa Tanah Perkuburan Islam Jalan Residency, Bandar Seri Begawan (Tanah Perkuburan Islam Subok) tidak lagi boleh menampung jenazah untuk dibeat di sana memandangkan keadaannya yang sempit.

Oleh itu, bagi mereka yang biasa menggunakan tanah perkuburan itu dan juga orang ramai adalah

disarankan supaya menggunakan Tanah Perkuburan Islam Terunjing yang baru (Tanah Perkuburan Terunjing).

Di samping itu bagi para penduduk yang tinggal di sekitar Kampong Ayer dan Mukim Kianggeh bolehlah menggunakan Tanah-tanah Perkuburan Islam berikut:

Tanah Perkuburan Islam Sungai Panga; Tanah Perkuburan Islam Kampong Kasat; Tanah Perkuburan Islam Dagang, Jalan Residency; Tanah Perkuburan Islam Alangan Damit, Kilometer 2, Jalan Kubah Makam Diraja; Tanah Perkuburan Islam Kangan Alangan Besar; Tanah Perkuburan Islam Tabin Pehin Khatib Kudarat Kampong Limbung, Bandar Seri Begawan; Tanah Perkuburan Islam Rangas Besar, Kampong Kiulap; Tanah Perkuburan Islam Telanai B, Jalan Tutong dan Tanah Perkuburan Islam Kandang Haji Tarif.



MENTERI Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman semasa merasmikan Cawangan Bank Standard Chartered (SCB) di Hua Ho Mall, Jalan Muara. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman. (Berita muka 1 dan 2).

Daya kreatif, komitmen, mampu teroka peluang, tingkatkan pendapatan

BERAKAS, Selasa, 11 Oktober. - Perkhidmatan pos negara ini kini berdepan dengan cabaran bagaimana ia terus dan bertahan dalam suasana yang penuh persaingan.

Oleh itu, perkhidmatan pos perlu memainkan peranan penting ke arah menjadikan rakan dan menjadi pilihan utama orang ramai.

Menteri Pehubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata, dengan semakin berkurangnya para pelanggan yang menggunakan perkhidmatan konvensional iaitu penghantaran surat, bungkusan dan surat berdaftar, bagaimanakah pihak pos dapat menjamin supaya bilangan tidak surut, bilangan perkhidmatan akan dapat meningkat dan jenis produk pula juga akan bertambah.

Melalui daya kreatif dan komitmen semua yang bertanggungjawab di jabatan itu dan kerjasama serta sokongan sektor-sektor lain, kita berupaya untuk meneroka peluang-peluang yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan kepada perkhidmatan pos.

"Dalam hubungan ini saya mengambil maklum bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos telah pun sejak beberapa tahun lalu mengorak langkah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan baru seperti pusat pembayaran dan juga mengenalkan produk baru," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat melahirkan kebimbangan itu ketika berucap di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-131 tahun ini berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan di sini.

Menurut Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos juga dalam merangka peta jalan masa depannya bagi 20 tahun akan datang dengan mengambil perhatian serius akan cabaran-cabaran itu dan berusaha untuk meningkatkan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng.

serta merancang bagi memperkembangkan lagi perkhidmatan yang ditawarkan supaya peranan dan fungsinya akan terus menjadi relevan dalam mengharungi arus perubahan.

"Adalah mustahak supaya semua yang berkenaan khususnya di Jabatan Perkhidmatan Pos komited bagi merealisasikan visinya iaitu sebagai pusat bisnes, perkhidmatan dan maklumat," kata Yang Berhormat.

Visi itu memerlukan perubahan minda dan sikap dari semua yang berkaitan dan sebahagian besar kejayaannya bergantung kepada sumber tenaga manusia yang mempunyai kualiti yang diperlukan oleh perkhidmatan yang berorientasikan perniagaan.

"Visi itu memerlukan perubahan sikap, cara berfikir, cara dan pembawaan yang berlainan," tegasnya.

Perkhidmatan pos mestilah mampu menjadi tumpuan kepada perubahan yang lebih berkesan dengan kerjasama sektor-sektor perkhidmatan awam yang lain, sektor swasta dan organisasi antarabangsa.

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

Perkhidmatan pos di negara ini, diharap akan sentiasa berusaha mengendalikan perkhidmatan yang bermutu, selamat, terjamin dan efisien.

"Demikian juga perkhidmatan pos juga perlu terus meningkatkan kapasiti dan keupayaannya dengan membentuk pembaharuan yang dirangka dengan rapi dan strategi-strategi bersesuaian bagi peningkatan kualiti perkhidmatan seperti yang dihasratkan oleh orang ramai," jelasnya lagi.

Di majlis itu Yang Berhormat juga melancarkan perkhidmatan pos baru iaitu Perkhidmatan Pos Elektronik atau E-Post Services) menyampaikan Anggerah Kerani Kaunter Pos Terbaik masing-masing kepada Awang Mottadiah bin Haji Hanafiah dan Dayang Nuzairah binti Ibrahim.

Mereka menerima wang tunai \$1,500.00, sijil dan piala sebagai penghargaan kerjanya dan tanggungjawab yang diberikan selama ini.

Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Melukis Setem 100 Tahun Pos dan menyerahkan lesen kepada dua wakil penjual setem.

Bagi Peraduan Melukis kategori A umur enam hingga 12 tahun, pemenang pertama ialah Dayang Afiqah Haji Mohd. Safwan menerima \$350.00; kedua, Awang Mohd. Amirulaziz Haji Mohd. Daud menerima \$250.00 dan ketiga, Awang Md. Ridwan Mohd. Nur Rahmat menerima \$150.00, manakala tujuh juga diberikan hadiah saguhati.

Sementara kategori B umur 12 hingga 17 tahun dimenangi oleh Dayang Nur Maziah Damit menerima \$500.00; kedua, Wong Pey Ling menerima \$400.00 dan ketiga, Awang Aliussin Hasli menerima \$300.00 dan tujuh juga lain sebagai pemenang saguhati.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) menjelaskan bahawa penangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan adalah masalah paling utama dalam usaha untuk memelihara terumbu karang di negara ini.

Sumber semula jadi yang wujud di laut sejak ratusan tahun itu akan musnah dalam sekelip mata dengan penggunaan bahan letupan, kata Setiausaha Tetap KPSSU, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar di Majlis Pembinaan Rasmis Kursus Bagi Mengenal Ikan-ikan Yang Ditangkap Dengan Menggunakan Bahan-bahan Letupan berlangsung di Hotel River View di sini.

Dato Paduka menjelaskan, kementerianya sedang giat memperkembangkan sektor pelancongan yang dikenali pasti sebagai sektor yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara dan ke arah itu ekopelancongan perikanan adalah di antara projek-projek yang akan dikembangkan.

Lautan negara mempunyai kawasan-kawasan terumbu karang yang cantik untuk dipromosikan kepada para pelancong.

"Apabila terumbu karang ini dirosakkan ianya akan musnah selamanya. Takat takat asli atau terumbu karang yang mana dikatakan sebagai 'rainforests of the ocean and seas' adalah ekosistem yang paling 'diverse' di dunia," jelas beliau.

Negara Brunei Darussalam, tidak terkecuali daripada keadaan menangkap ikan menggunakan bahan letupan walaupun tidak ada kes-kes didapati tetapi baru-baru ini, terdapat laporan yang diterima dari orang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

ramai mengenai aktiviti pengeboman ikan di perairan negara ini terutama di kawasan yang kaya dengan takat asli di mana banyak ikan-ikan berkumpul.

Beliau menjelaskan, usaha untuk memperkembangkan industri ekopelancongan tidak akan berjaya jika tidak mempunyai kawasan yang indah untuk dipromosikan kepada pelancong sebagai daya tarikan untuk melawat negara ini.

Menyentuh mengenai sumber perikanan, beliau menjelaskan bahawa nilai sumber perikanan yang

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

dapat diusahakan secara berdaya tahanan di negara ini dianggarkan berjumlah \$112 juta setahun, ujarnya.

Beliau menambah, kawasan sempadan penangkapan ikan negara ini iaitu sehingga 200 batu nautika ke luar pantai dengan keluasan kira-kira 36,000 batu persegi adalah satu kawasan yang besar untuk diawasi oleh sesuatu agensi akan tetapi memerlukan kerjasama yang padu dari semua agensi penguatkuasaan di negara ini.

Strategi untuk mencegah kegiatan yang bertentangan dengan Akta dan Peraturan Perikanan mestilah difikirkan seperti meningkatkan usaha penyiasatan bagi mengetahui secara terperinci kawasan yang sering dicicobi oleh nelayan yang menggunakan peralatan yang diharamkan, pencegahan penjualan ikan yang ditangkap menggunakan bahan letupan dan meningkatkan hukuman bagi kes penangkapan dan penjualan ikan yang ditangkap dengan bahan letupan, katanya.

Kursus lima hari itu mengundang dua pakar dari Fili-

pina untuk memberikan ceramah serta latihan untuk mengenali ikan-ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan-bahan letupan, dihadiri oleh seramai 26 orang pegawai dari Jabatan Perikanan, Kastam dan Eksais Diraja, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Keselamatan Dalam Negeri (KDN) dan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Para peserta kursus didedahkan dengan latihan amali dan tunjuk ajar kaedah dan cara-cara pengenalan ikan-ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan yang diadakan di Makmal Jabatan Perikanan.

Pihak penganjur berharap kursus tersebut akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kepakaran mereka dalam menjalankan tugas dengan lebih berkesan bagi menangani aktiviti-aktiviti berke-nas.

Di negara ini penangkapan, pengimportan serta pemilikan ikan yang ditangkap dengan bahan letupan adalah kesalahan di bawah Akta dan Peraturan Perikanan Penggal 61.

Perkhidmatan Pemeriksaan X-Ray Dada: Penglibatan sektor swasta dialu-alukan

KERAJAAN Kewah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan mengalu-alukan penglibatan sektor swasta dalam memberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan penduduk di negara ini dan juga bagi pekerja-pekerja asing yang memerlukannya.

Sehubungan itu Kementerian Kesihatan kini mempelawa Klinik-klinik Kesihatan atau Pusat-pusat Kesihatan swasta untuk menawarkan Perkhidmatan Pemeriksaan X-Ray Dada khusus kepada pekerja-pekerja asing di negara ini bagi memenuhi keperluan pas kerja mereka.

Sektor swasta yang berhasrat menubuhkan dan menawarkan perkhidmatan ini dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan akreditasi dari Kementerian Kesihatan dan memembi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan dan sebarang pertanyaan mengemainya hendaklah diadapakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan di alamat berikut:

Jabatan Perkhidmatan Perubatan,
Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan, BB 3910.

Nombor telefon: 2382031.

BERSEPADU MEMPERKASA BANGSA BERTAQWA برسقادر مفرکاس بقسا بر تقوى

دتریتکن اوله جیاتن قراقر، جیاتن فردان منتری دان دچیتق اوله جیاتن فریچیتن کراچان، جیاتن فردان منتری، نکارا برونی دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.